



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENDIDIKAN MORAL

TINGKATAN 2



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

PENDIDIKAN MORAL

TINGKATAN 2

PENULIS

Nur Munirah Teoh binti Abdullah
Mohd Hilmie bin Mohd Mokhtar
Vijayaletmy a/p Muniyandy



PEREKA BENTUK

Jamilatul Salwa binti Shahrul
Izmawati binti Ismail



EDITOR

Azihani binti Md. Mizan
Nor Azita binti Umar



ILUSTRATOR

Nurfatin Nadiah binti Tukiran



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2017



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

NO. SIRI BUKU: 0059

KK 370-221-0102011-49-1649-30101

ISBN 978-983-49-1649-7

Cetakan Pertama 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

Telefon: 03-21479000 (8 talian)

Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Visual Print Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Optima

Saiz Muka Taip Teks: 11/14 poin

Dicetak oleh:

Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.

No. 1, 2, 4 & 6, Tingkat Kilang,

Kawasan Perindustrian Ringan Jelapang,

30100 Ipoh,

Perak Darul Ridzuan.

PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua yang berikut:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembedaan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur.
- SMK Sultan Ibrahim, Kulai, Johor.
- Polis Diraja Malaysia.
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Jabatan Imigresen Malaysia.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Majlis Adat Istiadat Sarawak.
- Tourism Malaysia.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Kumpulan Budaya Sari.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

iv

BIDANG 1: PENGENALAN MORAL

Unit 1: Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia

1

BIDANG 2: DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

Unit 2: Agama atau Kepercayaan Membentuk Keperibadian Mulia

11

Unit 3: Tanggungjawab Diri Terlaksana Hidup Makin Bahagia

21

Unit 4: Tanggungjawab Diri Membentuk Keluarga Bahagia

31

Unit 5: Adab Dijaga, Persahabatan Terbela

45

BIDANG 3: HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

Unit 6: Jiran Sepakat Membawa Berkat

59

Unit 7: Masyarakat Penyayang Tonggak Aspirasi Negara

73

Unit 8: Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara

87

Unit 9: Hargai Alam Warisan Kita

101

Unit 10: Gaya Hidup Sihat dan Selamat Menjamin Keharmonian Bersama

115

BIDANG 4: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

Unit 11: Adab di Tempat Awam Dijaga, Nikmat Hidup Dirasai Bersama

129

Unit 12: Etika dan Undang-undang Siber Membantu Pembentukan Jati Diri

143

Unit 13: Keselamatan di Jalan Raya Tanggungjawab Bersama

157

Unit 14: Menangani Konflik Identiti Diri Asas Pembentukan Personaliti

171

Unit 15: Hak Asasi Manusia Dilindungi Bersama

185

SENARAI RUJUKAN

199

INDEKS

201

PENDAHULUAN

Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 2* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tingkatan 2 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Buku teks ini berfokus pada empat bidang, iaitu Bidang 1: Pengenalan Moral, Bidang 2: Diri, Keluarga dan Persahabatan, Bidang 3: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat dan Bidang 4: Moral, Peraturan dan Undang-undang. Bidang-bidang ini dibahagikan kepada 15 unit yang boleh berdiri sendiri sebagai satu pembelajaran. Bagi memudahkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan, setiap unit mempunyai enam bahagian, iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Pada akhir buku teks terdapat senarai rujukan dan indeks.

Setiap unit mempunyai ciri seperti yang berikut:

RANGSANGAN

Setiap unit akan dimulakan dengan halaman rangsangan. Halaman ini mengandungi gambar, hasil pembelajaran murid dan cadangan nilai. Gambar yang terdapat pada halaman ini boleh dijadikan set induksi untuk memulakan sesi pembelajaran dalam unit tersebut. Cadangan nilai perlu diterapkan dalam setiap aktiviti pembelajaran.

PENGUKUHAN

Bahagian ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran yang dikuasai oleh murid. Pelbagai aktiviti dan latihan diadakan untuk murid mengukuhkan pemahaman mereka terhadap kandungan yang dipelajari.

PEMULIHAN

Bahagian ini bertujuan untuk membantu murid memahami sesuatu konsep dan kemahiran yang dipelajari dengan mudah. Sehubungan dengan itu, bahagian ini menyediakan aktiviti dan latihan yang lebih mudah untuk dilaksanakan oleh murid.

KONSEP

Bahagian ini bertujuan untuk membantu murid mengetahui dan memahami kandungan yang ada pada setiap unit. Bahagian ini juga merangkumi semua standard pembelajaran yang diperlukan dalam setiap unit.

PENGAYAAN

Bahagian ini bertujuan untuk meluaskan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan kemahiran yang sedang dipelajari oleh murid. Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang mencabar minda murid.

PENILAIAN

Bahagian ini bertujuan untuk menilai pemahaman murid tentang konsep dan kemahiran yang dipelajari. Bahagian ini lebih berfokuskan penilaian sumatif. Latihan yang disediakan menjurus kepada pelbagai bentuk instrumen.



Penulisan buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 2* memberikan fokus utama untuk membentuk insan yang berakhlak mulia. Sehubungan dengan itu, buku teks ini menekankan tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid. Ketiga-tiga domain ini diterapkan melalui pelbagai jenis aktiviti dan latihan yang disediakan dalam buku ini. Guru boleh mengubah suai aktiviti dan latihan agar sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan keadaan persekitaran murid. Antara aktiviti yang terdapat dalam buku teks ini termasuklah main peranan, sketsa, projek dan perbahasan.


Aktiviti dan latihan yang terdapat dalam buku teks ini memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berkolaboratif, memberikan maklum balas yang menjurus ke arah pemikiran yang kritis dan kreatif. Murid juga dapat mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan mereka, isu tempatan mahupun global. Guru juga tidak terikat untuk menggunakan semua aktiviti dan latihan yang terdapat dalam buku ini. Guru boleh memilih dan menyesuaikannya mengikut keupayaan dan kebolehan murid.

Selaras dengan hasrat KSSM untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21, buku teks ini turut memberikan fokus pada empat tahap pemikiran dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Kemahiran lain yang turut diterapkan dalam buku teks ini ialah Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemahiran Kajian Masa Depan, Kemahiran Penyelesaian Konflik dan Kemahiran Kreativiti. Buku teks ini juga menyediakan alat berfikir yang pelbagai seperti peta pemikiran dan soalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir dalam setiap unit.

Selain itu, kandungan buku teks ini juga menyediakan maklumat tambahan bagi menjanakan idea murid. Yang berikut merupakan penerangan berkaitan dengan perkara tersebut.


Ikon Uji Minda

Menguji kefahaman dan memperkukuh pembelajaran murid serta menggalakkan kemahiran berfikir.



Ikon KBAT


Meningkatkan keupayaan dan kebolehan sedia ada pada murid untuk berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif.



Ikon QR Code

Mengandungi maklumat tambahan dan contoh jawapan pada bahagian akhir buku sebagai panduan kepada guru dan murid. *QR Code* perlu diimbas dengan menggunakan alat semasa bagi mengetahui maklumat yang terdapat di dalamnya.

Imbas Saya



REFLEKSI

Ikon Refleksi

Mengingatkan murid agar dapat mengaplikasikan nilai yang diperolehi daripada pembelajaran dalam kehidupan seharian.

Ikon Aktiviti

Meningkatkan keupayaan berfikir dan pemahaman murid melalui aktiviti yang dibincangkan.



Ikon Nota Guru

Memberikan maklumat tambahan dan panduan kepada guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti serta mengingatkan murid tentang aspek keselamatan dan peralatan yang perlu dibawa semasa melaksanakan sesuatu aktiviti.



Ikon Info

Memberikan maklumat tambahan kepada murid berkaitan dengan topik yang dibincangkan.



INFO

Ikon Renungan

Mengandungi kata-kata hikmah untuk murid bermuhasabah diri dan seterusnya membantu murid menjadi seorang insan yang bermoral. Kata-kata hikmah ini dipetik daripada pelbagai sumber.

Renungan

Penulis berharap agar buku ini dapat mendidik murid untuk mengetahui dan memahami konsep moral, dilema dan isu-isu moral dalam kehidupan seharian serta membentuk murid menjadi insan yang berakhlak mulia dan berintegriti. Buku ini juga dapat membantu murid untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau membuat keputusan berasaskan prinsip-prinsip moral yang dipelajari. Murid juga diharapkan dapat menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Nur Munirah Teoh binti Abdullah
Mohd Hilmie bin Mohd Mokhtar
Vijayaletmy a/p Muniyandy

SUMBER MORAL ASAS PEMBENTUKAN AKHLAK MULIA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:


- sumber moral
- sumber agama atau kepercayaan yang menjadi asas kepada prinsip moral
- norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral
- kepentingan sumber moral bagi membentuk insan bermoral
- mengekspresikan perasaan apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral
- mengamalkan sikap berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat



Cadangan Nilai:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Hormat
- Toleransi
- Rasional
- Kesederhanaan

Sumber moral ialah bahan rujukan yang menjadi panduan dalam pembentukan keperibadian diri seseorang individu. Sumber moral menerangkan asas nilai-nilai murni yang perlu dipupuk, dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan manusia. Sumber moral juga membentuk keperibadian dan tingkah laku individu. Antara sumber moral termasuklah agama, kepercayaan, norma masyarakat dan prinsip Rukun Negara.



Semua agama dan kepercayaan menuntut penganutnya berbuat baik kepada semua makhluk di dunia ini. Setiap agama dan kepercayaan mempunyai sumber rujukan untuk penganutnya sebagai panduan amalan dalam kehidupan.

Contoh nilai, pemikiran dan perlakuan daripada sumber moral berdasarkan agama atau kepercayaan adalah seperti yang berikut.

AGAMA ISLAM

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.”

(*Surah al-Nahl* 16:90)

Sumber: *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30 Juz)*

AGAMA KRISTIAN

Apabila kamu mengadakan jamuan, jemputlah mereka yang miskin, kelaparan, tidak larat, tidak boleh berjalan dan buta, kamu akan dirahmati. Walaupun mereka tidak dapat balas balik kebaikan kamu, kamu akan dibayar ketika hari pembalasan.

(*Luke* 14:13-14)

Sumber: *Church of the Good Shepherd*

AGAMA BUDDHA

Pemikiran manusia sukar untuk diawasi dan akan sentiasa mengembara sesuka hati. Oleh itu, seorang yang bijaksana sentiasa sedar akan pemikirannya sama ada pemikirannya baik atau tidak. Pemikiran yang baik akan selalu membawa kebahagiaan.

(*Dhammapada* Ayat 36)

Sumber: *Young Buddhist Association of Malaysia*

AGAMA SIKH

Seorang Sikh yang berjuang untuk mendekati diri dengan pencipta, akan mengamalkan nilai-nilai murni, mencari nafkah secara jujur dan berkhidmat demi kemanusiaan supaya dapat meninggalkan bumi ini sebagai satu tempat yang lebih baik daripada apa yang diwarisinya dahulu.

(*Sri Guru Granth Sahib* MS 1245)

Sumber: *Malaysian Gurdwaras Council*

AGAMA HINDU

Setiap peranan yang dipikul mempunyai tanggungjawabnya. Laksanakan tanggungjawab anda sebaiknya tanpa mengharapkan balasan. Anda mempunyai hak untuk melaksanakan tugas yang ditetapkan, tetapi anda tidak berhak mendapat hasil tugas tersebut. Jangan sekali-kali mengangap diri anda sebagai punca hasil tugas tersebut, mahupun mengelak diri daripada melakukan tanggungjawab anda. Memenuhi tanggungjawab adalah satu ibadah.

(*Bhagavad Gita* Bab 2: Ayat 47)

Sumber: *Malaysia Hindu Sangam*

KEPERCAYAAN TAOISME

“Saya baik kepada mereka yang baik kepada Saya; Saya baik kepada mereka walaupun mereka benci kepada Saya.

Apa yang Saya beri, Saya akan terima. Sehingga semua menjadi baik.”

(*Tao Te Ching* 49:2)

Sumber: *Federation of Taoist Association Malaysia*

Selain agama dan kepercayaan, pantang larang dan Rukun Negara juga menjadi sumber rujukan moral.

PANTANG LARANG KAUM MELANAU

Pantang larang wanita mengandung:

1. Dilarang makan pucuk paku kerana susu badan akan menjadi masam.
2. Dilarang makan haiwan buruan yang dibunuh di dalam hutan kerana anak di dalam kandungan akan melecur seluruh badan.

Pantang larang kepada suami wanita mengandung:

1. Tidak boleh memotong kayu yang bertindan kerana dikhuatiri bibir anak menjadi sumbing.
2. Tidak boleh mengecat kerana dikhuatiri anak diiringi minyak.
3. Tidak boleh menghadiri upacara kematian kerana dikhuatiri anak mendapat penyakit.

Sumber: Majlis Adat Istiadat Sarawak



UKHUS NEGARA

Sumber rujukan dan panduan moral bagi seluruh rakyat Malaysia. Setiap warganegara Malaysia perlu mematuhi dan mengamalkannya.

Terdapat banyak kepentingan apabila sumber moral yang berasaskan agama, kepercayaan, norma masyarakat dan Rukun Negara dipatuhi dan diamalkan.

KEPENTINGAN SUMBER MORAL

- Memberikan panduan kepada pengamalannya.
- Menyedarkan tanggungjawab individu kepada keluarga, masyarakat dan negara.
- Menerapkan nilai-nilai murni dalam pembentukan akhlak mulia.
- Melahirkan rakyat yang berkeperibadian tinggi.
- Memupuk perpaduan dan keharmonian negara.

Marilah kita bersama-sama menjadikan agama, kepercayaan, norma masyarakat dan Rukun Negara sebagai sumber moral dalam kehidupan. Oleh itu, nilai seperti kepercayaan kepada Tuhan, hormat, toleransi, rasional dan kesederhanaan dapat dipraktikkan oleh setiap individu pada setiap hari. Maka, kehidupan kita akan menjadi lebih tenang dan bahagia.

A. Baca dan fahami lima hubungan sesama manusia berdasarkan sumber moral. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



1 Hubungan antara pemerintah dengan rakyat

Pemerintah hendaklah berperikemanusiaan dan rakyat harus taat setia. Jika hubungan antara pemerintah dengan rakyat baik, negara akan sejahtera dan aman.



2 Hubungan antara suami dengan isteri

Suami mestilah jujur dan isteri mestilah setia demi keharmonian keluarga.



3 Hubungan antara bapa dengan anak

Bapa memberikan kasih sayang dan anak pula perlulah bertanggungjawab supaya hubungan erat terjalin.

4 Hubungan antara saudara yang lebih tua dengan saudara muda

Saudara yang lebih tua mestilah murah hati dan saling membantu. Saudara muda pula mestilah patuh dan hormat kepada saudara yang lebih tua. Ikatan persaudaraan menjadi lebih kukuh dan berpanjangan.



5 Hubungan antara sahabat

Sahabat mestilah jujur dan mempunyai semangat bermasyarakat.



1. Huraikan sikap positif yang boleh dijadikan asas kepada prinsip-prinsip moral.
2. Bincangkan kepentingan sikap tersebut bagi membentuk insan bermoral.



Sediakan peta pemikiran cara anda mengamalkan nilai murni berasaskan agama atau kepercayaan. Bentangkan peta pemikiran tersebut secara kreatif.

B. Secara berkumpulan, pilih tiga pantang larang dan adat resam di bawah. Bincangkan kebaikannya dalam pembentukan tingkah laku bermoral. Bentangkan dapatan tersebut di dalam kelas.

1

Kaum India melakukan amalan sujud kaki.

Sumber: *Malaysia Hindu Sangam*



2

Kaum Cina melakukan upacara *Cheng Beng*, iaitu upacara pembersihan dan sembahyang di kubur nenek moyang.

Sumber: *Malaysia Customs and Etiquette: A Practical Handbook, 1991*

3

Kaum Melayu melarang seseorang mengetip kuku pada waktu malam.

Sumber: *Kepercayaan dan Pantang Larang, 1999*

4

Kaum Sikh melakukan upacara *Naamkaran*, iaitu upacara memberikan nama kepada bayi yang baru lahir.

Sumber: *Malaysian Gurdwaras Council*



5

Kaum Semai akan menangguhkan semua aktiviti harian ketika berlakunya kematian.

Sumber: *Budaya, Pantang Larang dan Amalan Kesihatan Orang Asli Semenanjung Malaysia, 1998*



Kumpulkan maklumat tentang kepercayaan, pantang larang dan adat resam masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak. Senaraikan pengajaran yang diperolehi jika semua kepercayaan dan pantang larang tersebut dipatuhi. Bentangkan maklumat tersebut secara kreatif.

Renungan

Kamu tidak akan dihukum kerana sifat marah kamu tetapi kamu akan dihukum oleh sikap marah kamu itu sendiri.

Gautama Buddha

- A. Berdasarkan maklumat di bawah, anjurkan satu forum bertajuk ‘Agama, Kepercayaan dan Norma Masyarakat Asas Perpaduan’.



PANDUAN PELAKSANAAN FORUM

1. Bentuk empat kumpulan. Setiap kumpulan akan membincangkan satu topik seperti yang di bawah:

KUMPULAN	TOPIK
Kumpulan A	Sumber moral berdasarkan agama dan kepercayaan masyarakat Malaysia.
Kumpulan B	Norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral.
Kumpulan C	Kepentingan sumber moral dalam membentuk insan bermoral.
Kumpulan D	Cara-cara memupuk perpaduan dalam hidup bermasyarakat.

2. Setiap kumpulan melantik seorang wakil sebagai panel.
3. Lantik seorang pengerusi forum yang akan mempengerusikan forum.
4. Pengerusi forum mengemukakan soalan kepada panel mengikut topik yang dibincangkan dalam kumpulan.
5. Setiap panel diberi masa selama lima minit untuk mengupas topik yang dikemukakan.
6. Murid-murid lain akan mendengar dan mencatat isi-isi yang dibincangkan oleh panel.



Selepas aktiviti forum dijalankan, berikan rumusan anda berdasarkan isu-isu yang dikemukakan oleh panel.




Bagaimanakah sumber moral dapat membentuk perlakuan anda dalam kehidupan seharian?

B. Baca dan fahami upacara perkahwinan dalam kalangan penganut agama Hindu.



Ihsan: Prashanthni a/p Manikam dan Kovalan a/I Krishnan



Sumber: Malaysia Hindu Sangam



Berdasarkan contoh di atas, hasilkan satu rakaman video tentang upacara perkahwinan dalam keluarga anda. Bentangkan rakaman video perkahwinan tersebut di dalam kelas. Kongsikan perasaan anda selepas mengetahui pelbagai amalan tradisi yang membentuk tingkah laku bermoral.

REFLEKSI

Terangkan perasaan anda apabila upacara perkahwinan dan pantang larang dijalankan mengikut tradisi keluarga.

Baca dan lakonkan cerita di bawah.



Pada suatu hari, Buddha berkhotbah di hadapan sekumpulan pengikutnya. Semasa sedang berucap, Buddha berasa dahaga dan meminta salah seorang pengikutnya mengambil air daripada tasik berhampiran.

Ketika pengikut Buddha sampai di tasik, sekumpulan gajah sedang minum air di situ. Dia kembali dan memberitahu Buddha. Kemudian, dia pergi ke tasik sekali lagi dan mendapati air di tasik itu keruh dan tidak boleh diminum. Pengikut Buddha itu kembali memberitahu Buddha. Buddha menasihati pengikutnya itu supaya bersabar.

Pengikut Buddha itu kembali ke tasik dan mendapati air di tasik sudah jernih. Dia mengambil air daripada tasik itu dan memasukkannya ke dalam bekas yang dibawa. Kemudian, dia memberikan air tersebut kepada Buddha. Buddha tersenyum sambil berkata, “Kamu telah membuat keputusan yang betul.”

Sumber: Cerita-cerita Zen

REFLEKSI

Apakah pengajaran yang anda peroleh daripada cerita di atas?



Kumpulkan cerita berkaitan dengan amalan murni mengikut agama atau kepercayaan anda. Pamerkan koleksi cerita tersebut di Sudut Pendidikan Moral di sekolah anda.

A. Baca perbualan di bawah dan jawab soalan yang berikut.

Marcus: Saya tidak lagi menuturkan kata-kata yang menyakiti perasaan orang lain. Ayah menjelaskan bahawa ajaran Kristian melarang kita menyinggung perasaan orang lain dengan kata-kata dan perlakuan yang berniat jahat.

Kevin: Saya gembira dengan perubahan perlakuan kamu itu, Marcus.

1. Nyatakan pengajaran yang anda peroleh daripada perbualan di atas.
2. Huraikan perlakuan moral yang boleh anda amalkan dengan rakan-rakan dan warga sekolah.
3. Jelaskan kepentingan sumber moral kepada masyarakat.
4. Jelaskan nilai-nilai murni yang boleh dipraktikkan sebagai seorang yang berpegang pada amalan sumber moral apabila hidup dalam masyarakat pelbagai kaum.

B. Gambar di bawah menunjukkan amalan adat resam semasa perayaan oleh salah satu kaum di Malaysia.



Bagaimanakah adat resam dan pantang larang dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia? Huraikan dengan contoh yang sesuai.

UNIT 2

AGAMA ATAU KEPERCAYAAN MEMBENTUK KEPERIBADIAN MULIA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- keperibadian diri
- ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan
- kesan jika tiada pegangan agama atau kepercayaan dalam pembentukan keperibadian diri
- kepentingan pegangan agama atau kepercayaan dalam pembentukan keperibadian diri
- perasaan apabila melaksanakan ajaran agama atau kepercayaan dalam pembentukan keperibadian diri
- perlakuan berdasarkan ajaran agama atau kepercayaan dalam pembentukan keperibadian diri


Cadangan Nilai:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Harga diri
- Hemah tinggi
- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab

Setiap agama atau kepercayaan menyeru penganutnya agar patuh pada ajaran agama dan kepercayaan masing-masing. Agama atau kepercayaan menjadi asas kepada perilaku dan tindakan seseorang dalam kehidupan.



Tahukah anda, keperibadian diri merujuk kepada perihal peribadi, sifat, watak dan ciri-ciri khusus yang terdapat pada seseorang individu?



Agama atau kepercayaan juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan keperibadian diri dalam kehidupan manusia.

Sebagai seorang remaja khususnya murid, pembentukan keperibadian diri yang baik dan unggul harus berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan. Rajah di bawah menunjukkan ciri-ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan.



Adakah ciri-ciri ini ada pada diri anda? Fikirkan.



Pegangan agama atau kepercayaan juga menjadi sumber kekuatan yang mempengaruhi pembentukan akhlak yang mulia. Rajah yang berikut menunjukkan kesan jika tiada pegangan agama atau kepercayaan.



KESAN JIKA TIADA PEGANGAN AGAMA ATAU KEPERCAYAAN

- Hidup terumbang-ambing dan tidak sejahtera.
- Melakukan perkara yang ditegah agama.
- Mencemarkan dan merosakkan alam sekitar.
- Berfikiran negatif dan selalu berasa tertekan dalam hidup.
- Mencetuskan perbalahan dan pertelingkahan.

Agama atau kepercayaan berperanan penting untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Kepentingan pegangan agama atau kepercayaan dalam pembentukan keperibadian diri adalah seperti yang di bawah.

KEPENTINGAN PEGANGAN AGAMA ATAU KEPERCAYAAN DALAM PEMBENTUKAN KEPERIBADIAN DIRI

Meningkatkan penghayatan manusia terhadap nilai-nilai murni.

Membezakan amalan baik dengan amalan buruk.

Melahirkan individu yang berpekerti mulia.

Meningkatkan disiplin dan imej diri.

Menjauhi perkara yang dilarang.

Imbas Saya



Peranan dan
Kepentingan
Agama

Selain itu, agama atau kepercayaan membantu membentuk peribadi dan sahsiah diri yang baik dalam kalangan individu, khususnya murid. Yang berikut ialah contoh perlakuan berlandaskan ajaran agama atau kepercayaan yang perlu diamalkan oleh setiap individu.

CONTOH PERLAKUAN BERLANDASKAN AJARAN AGAMA ATAU KEPERCAYAAN



Menghormati orang tua

Bantu-membantu



Hidup berbaik-baik

Menghormati guru



Setiap agama juga mempunyai suri teladan masing-masing yang mempunyai keperibadian diri untuk dicontohi oleh pengikut mereka. Dalam agama Islam, suri teladan yang disanjung ialah Nabi Muhammad SAW. Bagi penganut agama Kristian, Jesus Christ merupakan suri teladan utama mereka manakala Siddhartha Gautama merupakan suri teladan agama Buddha. Swami Vivekananda pula ialah suri teladan agama Hindu dan suri teladan agama Sikh ialah Guru Nanak.

Kesimpulannya, agama atau kepercayaan merupakan landasan utama untuk menjadi seorang manusia yang baik dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah. Individu yang menjadikan agama atau kepercayaan sebagai landasan hidup akan mengamalkan nilai kepercayaan kepada Tuhan, menjaga harga diri, berhemah tinggi, bersederhana dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian. Oleh itu, individu tersebut akan sentiasa bersyukur, berada dalam keadaan tenang, boleh menghadapi cabaran dan sentiasa berfikir positif.



INFO

Suri teladan merujuk kepada contoh baik yang patut diteladani. Ciri-ciri suri teladan yang boleh dijadikan ikutan termasuklah pemikiran, perasaan dan perlakuan yang baik.

A. Bincangkan situasi di bawah secara berpasangan. Bentangkan hasil perbincangan tersebut secara kreatif.

Situasi 1



Aiman bercita-cita untuk menjadi jurutera apabila dewasa kelak. Di samping belajar dan berusaha gigih, dia juga tidak putus berdoa dan memohon restu daripada ibu bapa dan guru untuk berjaya dalam pelajarannya.

Andaikan anda Aiman, terangkan perasaan anda apabila kejayaan itu diiringi dengan usaha dan doa.

Ah Meng menemani abangnya ke bank untuk melakukan urusan pengeluaran wang. Semasa menunggu abangnya, dia ternampak seorang lelaki tua yang sedang terkial-kial melengkapkan borang pengeluaran wang.

Andaikan anda Ah Meng, apakah tindakan yang sepatutnya anda lakukan berasaskan pegangan agama atau kepercayaan? Mengapa?

Situasi 2



Situasi 3



Fikri dan Mei Ling melawat keluarga Juswa yang berasal daripada suku kaum Kadazandusun di Sabah. Ketika berada di sana, mereka melihat ayah Juswa yang sakit sedang diubati mengikut amalan kepercayaan keluarga Juswa.

Andaikan anda berada bersama-sama Fikri dan Mei Ling, bagaimanakah anda menghormati upacara penyembuhan tersebut?



Minta murid mencari maklumat tentang upacara penyembuhan suku kaum Kadazandusun.

B. Fahami maklumat di bawah tentang kepercayaan, perayaan dan cara hidup kaum Iban di Sarawak. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

KEPERCAYAAN

Secara umumnya, masyarakat Iban percaya kepada kepercayaan animisme yang diamalkan oleh nenek moyang mereka dahulu. Dalam menjalani kehidupan harian, mereka berpegang pada adat seperti yang termaktub dalam buku Adat Iban 1993. Masyarakat Iban sentiasa menitikberatkan amalan yang menjaga keseimbangan alam. Masyarakat Iban juga mengamalkan pelbagai pantang larang. Contohnya, ibu mengandung dilarang memotong kaki haiwan kerana dikhuatiri anak yang dilahirkan akan kudung tangan atau kaki. Selain itu, tiang pertama rumah panjang perlu didirikan semasa bulan mengambang supaya kehidupan di rumah panjang akan lebih harmoni.

PERAYAAN

Masyarakat Iban menyambut Hari Gawai sebagai tanda berakhirnya musim menuai padi. Perayaan Hari Gawai ini turut terkenal dengan tariannya yang dikenali sebagai Tarian Ngajat. Selain itu, perayaan Hari Gawai juga diselitkan dengan jamuan makan sebagai tanda kesyukuran.



CARA HIDUP

Masyarakat Iban biasanya mendiami rumah panjang dan diketuai oleh seorang Tuai Rumah. Mereka amat menghormati Tuai Rumah. Penghuni rumah panjang akan melakukan aktiviti bersama-sama. Mereka akan membahagikan tugas kepada setiap penghuni seperti bergotong-royong membuat persediaan ketika menyambut sesuatu perayaan atau upacara tertentu. Hubungan persaudaraan yang sangat kuat telah diterapkan di dalam rumah panjang dengan tradisi dan adat nenek moyang mereka.

Sumber: Majlis Adat Istiadat Sarawak



1. Apakah perasaan anda apabila membaca maklumat tentang kepercayaan, perayaan dan cara hidup masyarakat Iban tersebut? Mengapa?
2. Bagaimanakah kepercayaan, perayaan dan cara hidup dapat membentuk keperibadian diri kaum Iban di Sarawak?



Dengan menggunakan Internet dan pelbagai sumber lain, cari maklumat tentang agama atau kepercayaan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan bentangkannya secara kreatif.

Berdasarkan tajuk keratan akhbar di bawah, bincangkan peranan ajaran agama atau kepercayaan dalam membantu seseorang supaya tidak melakukan perbuatan tersebut. Bentangkan hasil perbincangan anda secara kreatif.



Tangisan bayi disangka anak kucing

» Anggota SRS jumpa bayi lelaki bertali pusat dalam hutan pisang

► Baling

Suara tangisan disangka anak kucing dalam semak di Kampung Charok Kapas, dekat Kuala Pegang, di sini, awal pagi semalam, rupa-rupanya tangisan bayi yang dibuang.

Bayi lelaki yang masih ber-

anak kucing, namun naluri ingin tahu memaksanya bersama rakan lain memeriksa kawasan pokok pisang itu.

"Sebaik menghampiri kawasan pokok pisang itu, kami terkejut melihat seorang bayi lelaki yang dipercayai baru dilahirkan sedang menangis, bayi itu masih dipenuhi kesan darah dan dia ditinggalkan di atas tanah tanpa alas dan pakaian, amat menyedihkan kerana tubuhnya ketika itu penuh diselaputi tanah.

"Apa pun kami bersyukur bayi itu selamat kerana kawasan semak di mana bayi itu dibuang, sering menjadi laluan binatang buas seperti babi hutan dan juga ular sawa," katanya yang kemudian memaklumkan penemuan bayi itu kepada polis.



REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila membaca tajuk keratan akhbar di atas? Mengapa?



Ramalkan perkara yang akan berlaku jika agama atau kepercayaan tidak lagi menjadi pegangan hidup.

A. Berdasarkan cerita di bawah, tunjukkan cara mempraktikkan keberibadian diri yang baik berdasarkan ajaran agama atau kepercayaan dengan menggunakan kaedah main peranan.

1 Shen! Apa yang kamu buat? Kamu ponteng kelas dan duduk di dalam tandas? Bukankah ponteng kelas itu satu kesalahan?

2 Tolonglah saya Irfan. Nah, ambil duit ini! Jangan laporkan perkara ini kepada guru disiplin.

3 Oh, tidak! Jangan merasuah saya. Rasuah dilarang agama. Kamu juga telah melanggar peraturan sekolah!

4 Mari ikut saya ke bilik disiplin. Kamu perlu bertanggungjawab atas kesalahan yang kamu lakukan.

REFLEKSI

Apakah mesej yang anda peroleh daripada aktiviti main peranan di atas?

B. Hasilkan sebuah buku skrap tentang keperibadian suri teladan yang boleh anda contohi. Pamerkan buku skrap di Sudut Pendidikan Moral di sekolah anda.

ALATAN DAN BAHAN



Kertas warna



Penebuk



Reben



Pen penanda

LANGKAH-LANGKAH



1. Cari maklumat tentang suri teladan.

- Latar belakang suri teladan
- Ciri-ciri keperibadian yang boleh dicontohi
- Kata-kata hikmah daripada suri teladan




2. Tulis maklumat tersebut dalam kertas warna dan susun maklumat tersebut berdasarkan aspek yang berikut:

- Definisi keperibadian diri
- Maklumat tentang suri teladan
- Kepentingan mencontohi keperibadian suri teladan



3. Tulis tajuk utama pada muka hadapan.



4. Tebuk lubang dan ikat kertas dengan reben atau tali.

REFLEKSI

Apakah ciri-ciri keperibadian yang boleh anda contohi daripada suri teladan tersebut?

- A. Situasi di bawah menunjukkan perlakuan remaja yang tiada penghayatan agama atau kepercayaan dalam hidup.



1. Apakah perasaan anda apabila melihat gambar di atas? Mengapa?
2. Ramalkan kesan yang berlaku jika remaja tersebut terus melakukan perlakuan tersebut.
3. Terangkan sikap yang perlu anda amalkan untuk membentuk keperibadian diri yang baik berdasarkan agama atau kepercayaan.

- B. Keratan akhbar di bawah menunjukkan perlakuan remaja yang positif dan mempunyai keperibadian diri yang baik.

Atas rasa prihatin 45 pelajar bergotong-royong bersih kawasan ditimpa musibah Mahasiswa bantu mangsa banjir

KUANTAN 8 Jan. - Atas rasa prihatin dengan nasib mangsa banjir di daerah ini, sekumpulan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) bergotong-royong membersihkan kawasan yang ditimpa musibah itu baru-baru ini.

Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPT yang berjalan serentak di dua lokasi itu memberi peluang kepada 45 mahasiswa yang turun padang membantu membersihkan Sekolah Kebangsaan Galing yang dijadikan pusat...

penuntut tetap bertekad membantu malah tidak sedikit melunturkan semangat mereka untuk berkhidmat.

Katanya, selain membersihkan penempatan, sukarelawan juga membantu mengagihkan sumbangan daripada badan-badan korporat kepada mangsa banjir yang dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

"Dengan sedikit sumbangan tenaga ini sekarang-kurangnya dapat membantu meringankan bebanan yang terpaksa ditanggung mangsa banjir untuk berdepan dengan situasi sukar ini.

Eagi Muhammad Sufian Abd. Razak, 23, penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan itu dapat memberi pengalaman dan membentuk sifat kepimpinan mahasiswa.

"Sebagai seorang yang aktif menjalankan aktiviti kesukarelawan dan kemanusiaan, saya menyeru lebih ramai masyarakat khususnya kalangan mahasiswa untuk melibatkan diri dalam pelbagai program termasuk anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM)," jelasnya.

Rakannya, Muhammad Farhan Ad...

Mereka yang turut hadir dalam menyokong usaha ini berbangga dengan kesungguhan mahasiswanya menyumbangkan sebahagian masa ulang kaji mereka sebagai amal jariah yang akan dapat memberi kesan positif kepada pencapaian akademik mahasiswa.

"Para pelajar juga akan mendapat pendedahan dan pengalaman dalam melaksanakan program khidmat masyarakat dan bukan sahaja tertumpu pada bidang pengajian di universiti," katanya.



Jelaskan kepentingan agama atau kepercayaan dalam pembentukan perlakuan remaja yang positif dan mempunyai keperibadian diri yang baik.

UNIT 3

TANGGUNGJAWAB DIRI TERLAKSANA HIDUP MAKIN BAHAGIA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- tanggungjawab diri
- cara melaksanakan tanggungjawab diri
- kepentingan menjalankan tanggungjawab diri
- kesan mengabaikan tanggungjawab diri
- perasaan apabila dapat melaksanakan tanggungjawab diri
- merealisasikan tanggungjawab diri dalam kehidupan seharian




Cadangan Nilai:

- Bertanggungjawab
- Berdikari
- Kasih sayang
- Hemah tinggi
- Harga diri

Tahukah anda bahawa selain melaksanakan tanggungjawab kepada Tuhan, keluarga, masyarakat dan negara, anda juga mempunyai tanggungjawab kepada diri sendiri? Antara tanggungjawab diri yang perlu dilaksanakan termasuklah tanggungjawab menjaga kesihatan diri, menjaga keselamatan diri dan tanggungjawab terhadap masa hadapan sendiri.

CARA MENJAGA KESIHATAN DIRI



Kebersihan diri amat penting dalam kehidupan. Anda hendaklah melaksanakan tanggungjawab diri dengan menjaga kebersihan diri supaya tidak mudah dijangkiti penyakit.

CARA MENJAGA KEBERSIHAN DIRI



Selain itu, menjaga keselamatan diri turut menjadi tanggungjawab setiap individu. Keselamatan diri tidak boleh dipandang ringan. Tambahan pula, kes-kes jenayah yang berkaitan dengan isu keselamatan diri kanak-kanak dan remaja bukanlah perkara baharu. Namun, dengan peningkatan jumlah kes yang berlaku, anda dituntut untuk merenung situasi ini kembali dan mengambil tindakan yang sepatutnya untuk memastikan keselamatan diri sentiasa terjamin tidak kira di mana-mana sahaja anda berada.

CARA MENJAGA KESELAMATAN DIRI



▶ Tidak mudah percaya kepada orang yang tidak dikenali.

▶ Tidak mendedahkan maklumat diri di Internet.



▶ Tidak berjalan bersendirian pada waktu malam.

▶ Berdiri di jarak yang selamat semasa menunggu kereta api.



Sebagai murid, anda juga bertanggungjawab terhadap masa hadapan sendiri. Yang berikut ialah beberapa cara untuk melaksanakan tanggungjawab diri sebagai murid.

CARA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DIRI SEBAGAI MURID

- Memberikan perhatian penuh semasa guru mengajar di dalam kelas.
- Melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran.
- Melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.

- Mematuhi peraturan dan undang-undang sekolah.
- Tidak melibatkan diri dalam aktiviti negatif.
- Tekun dalam menyiapkan tugas dan projek yang diberikan oleh guru.

Imbas Saya




Cara Menjaga Keselamatan Diri

Terdapat banyak kepentingan apabila tanggungjawab diri dilaksanakan.



Pernahkah anda bayangkan perkara yang akan berlaku sekiranya tanggungjawab diri diabaikan?

KESAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB DIRI



Oleh itu, kita perlulah melaksanakan tanggungjawab diri dengan baik. Kita boleh mengamalkan nilai bertanggungjawab, berdikari, kasih sayang, hemah tinggi dan harga diri dalam kehidupan. Apabila tanggungjawab diri dapat dilaksanakan dengan baik, hidup akan lebih sejahtera dan lebih gembira. Bertindaklah sekarang kerana tindakan yang dilakukan pada hari ini akan menentukan masa hadapan kita.

A. Baca dan fahami catatan hidup Darshan dalam sehari. Kemudian, jawab soalan yang berikut.


18 Januari 2018

Hari ini saya bangun awal dan terus mandi. Setelah siap berpakaian sekolah, saya bersarapan. Kemudian, saya mencuci cawan dan pinggan yang digunakan. Ayah menghantar saya ke sekolah dengan kereta.

Setibanya di sekolah, saya menjalankan tugas dengan menyapu lantai dan menyusun kerusi serta meja. Kelas kelihatan bersih dan kemas.

Pada sebelah petang, saya bermain bola sepak dengan kawan-kawan. Kami bermain sehingga pukul 6:00 petang.

Pada sebelah malam pula, saya membuat kerja sekolah dan mengulang kaji pelajaran. Saya suka belajar pada waktu malam kerana suasananya sunyi. Setelah semua kerja sekolah siap, saya pun masuk tidur.



1. Terangkan cara Darshan melaksanakan tanggungjawab diri dalam sehari.
2. Apakah kebaikannya apabila Darshan menjalankan tanggungjawab diri?
3. Andaikan anda Darshan, apakah perasaan anda apabila dapat melaksanakan tanggungjawab diri? Mengapa?



Berpandukan contoh catatan Darshan, tulis catatan tentang cara anda melaksanakan tanggungjawab diri dalam sehari.

B. Rajah di bawah menunjukkan contoh sebab dan akibat mengabaikan tanggungjawab diri.



Jadi ... apakah yang patut saya lakukan?
Saya perlu tidur awal untuk mengelakkan kesan negatif.

Imbas Saya



Teknik Sebab dan Akibat (TOC)



Berpandukan contoh di atas, secara berkumpulan, hasilkan peta pemikiran sebab dan akibat pengabaian tanggungjawab diri, misalnya makan berlebihan atau menerima pelawaan orang yang tidak dikenali.

Baca dan fahami cara Joel membuat keputusan berdasarkan situasi yang dialaminya.

Joel murid tingkatan 2. Baru-baru ini, Joel ternampak kawan sekelasnya, Imbert meniru dalam peperiksaan pertengahan tahun. Joel berasa serba salah untuk memberitahu gurunya kerana dia selalu menumpang kereta ayah Imbert untuk ke sekolah.

PILIHAN TINDAKAN Apakah yang boleh Joel lakukan?		
1. Mendingkan diri 2. Memberitahu guru		
Apakah yang akan terjadi jika tindakan ini diambil?	Kebaikan	Keburukan
1. Mendingkan diri.	Menjaga hubungan dengan Imbert.	Imbert mungkin akan mengulangi perbuatannya untuk meniru.
2. Memberitahu guru.	Dapat mengubah sikap Imbert.	Imbert akan berasa marah.
TINDAKAN YANG SEPATUTNYA DIAMBIL (setelah menimbangkan kebaikan dan keburukan)		
Memberitahu guru supaya Imbert dapat mengubah sikapnya.		



Berpendukan contoh di atas, bantu Uma dan Rozita untuk mengambil tindakan yang sepatutnya bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

1

Baru-baru ini, Uma telah diperas ugut oleh seorang murid tingkatan 3 supaya membayar RM3.00 pada setiap bulan kepadanya. Murid tersebut juga mengugut Uma supaya tidak melaporkannya kepada sesiapa. Jika Uma membuat laporan, dia akan mencederakan Uma. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Uma?

2

Rozita telah berkenalan dengan seorang lelaki melalui media sosial. Hubungan mereka menjadi erat. Namun, ibu bapa Rozita tidak merestui hubungan mereka. Oleh itu, lelaki tersebut mengajak Rozita melarikan diri daripada rumah. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Rozita?

A. Secara berkumpulan, pilih dua situasi dan lengkapkan jadual di bawah. Kongsi jawapan anda dengan kumpulan lain.



SITUASI 1

Esok peperiksaan. Anda belajar pada saat akhir.



SITUASI 2

Anda berjalan bersendirian di lorong yang sunyi.



SITUASI 3

Fikiran anda bercelaru kerana konflik keluarga.



SITUASI 4

Anda mengikut orang yang tidak dikenali.

Situasi	Kesan	Tindakan yang sepatutnya diambil	Perasaan apabila mengambil tindakan tersebut



Berikan pendapat anda tentang murid yang tidak melaksanakan tanggungjawab diri dengan baik.

B. Hasilkan nota poket tentang tanggungjawab diri.

ALATAN DAN BAHAN



Gunting



Pen warna




Pengokot



Kad manila

LANGKAH-LANGKAH

1



Gunting kertas dan kad manila mengikut saiz yang dikehendaki. Satukan menjadi buku kecil. Kokot bahagian tengahnya.

2

BIL.	AZAM	CAPAI	TARIKH
1.	Saya akan membaca sebuah buku cerita pada setiap bulan.		
2.	Saya akan menabung RM1.00 setiap hari supaya saya dapat membeli kasut kegemaran saya.		
3.	Saya akan mendapatkan 5A dalam keputusan peperiksaan saya.		

Tulis azam pada halaman nota poket.

3

BIL.	AZAM	CAPAI	TARIKH
1.	Saya akan membaca sebuah buku cerita pada setiap bulan.	✓	28 Januari
2.	Saya akan menabung RM1.00 setiap hari supaya saya dapat membeli kasut kegemaran saya.		
3.	Saya akan mendapatkan 5A dalam keputusan peperiksaan saya.		

Apabila berjaya mencapai azam tersebut, tandakan (✓) dan catatkan tarikh.

4



Contoh hasil nota poket.

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila berjaya mencapai azam dalam nota poket? Mengapa?

A. Rajah di bawah menunjukkan beberapa contoh salah laku yang dilakukan oleh murid di sebuah sekolah.



1. Adakah murid tersebut melaksanakan tanggungjawab diri dengan baik? Mengapa?
2. Apakah tanggungjawab diri yang sepatutnya dilaksanakan oleh murid tersebut?
3. Terangkan kepentingan anda melaksanakan tanggungjawab diri dengan baik.
4. Huraikan nilai yang sepatutnya anda amalkan untuk melaksanakan tanggungjawab diri dengan baik.

B. Gambar di bawah menunjukkan beberapa tempat yang terdapat di sekolah.



Makmal sains



Padang



Kantin



Huraikan cara anda melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan diri di tempat tersebut.

TANGGUNGJAWAB DIRI MEMBENTUK KELUARGA BAHAGIA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- tanggungjawab diri saya sebagai anggota keluarga
- cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga
- kepentingan melaksanakan tanggungjawab diri dalam keluarga
- kesan mengabaikan tanggungjawab diri terhadap keluarga
- perasaan apabila dapat melaksanakan tanggungjawab diri dalam keluarga
- tanggungjawab diri terhadap keluarga



Cadangan Nilai:

- Bertanggungjawab
- Kasih sayang
- Hormat
- Kerjasama
- Toleransi

Setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk melahirkan keluarga bahagia. Setiap anggota keluarga perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi mengelakkan masalah yang timbul dalam sesebuah keluarga. Sebagai contoh, sekiranya anda tidak menjalankan tanggungjawab untuk belajar bersungguh-sungguh, sudah tentu ibu bapa akan berasa terkilan dan amat sedih.

Isu yang dikaitkan dengan keruntuhan institusi keluarga pada masa ini adalah akibat kegagalan anggota keluarga melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Anda juga mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga yang perlu dilaksanakan.

TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ANGGOTA KELUARGA

Memastikan keselamatan anggota keluarga	Menyayangi setiap anggota keluarga
Menjaga kebajikan anggota keluarga	Menghormati anggota keluarga yang lebih tua
Menjaga nama baik keluarga	Menghindari aktiviti negatif

Pernahkah anda bayangkan apakah yang akan berlaku sekiranya anda tidak melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga?

KESAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB DALAM KELUARGA

<p>1</p> <p>Tercetus perselisihan faham antara anggota keluarga.</p>	<p>2</p> <p>Nama baik keluarga terjejas.</p>	<p>3</p> <p>Masyarakat memandang rendah kepada anggota keluarga.</p>	<p>4</p> <p>Kebahagiaan keluarga terjejas.</p>
---	---	---	---

Imbas Saya



Jabatan Kebajikan Masyarakat

Renungan

Keharmonian keluarga akan melahirkan generasi yang kuat dan berjaya.

Rajmohan Gandhi

Terdapat pelbagai cara untuk melaksanakan tanggungjawab diri terhadap keluarga. Antara cara tersebut termasuklah seperti yang di bawah.



Bagaimanakah keadaan keluarga anda apabila anggota keluarga gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing?

Banyak kepentingan lain yang dapat diperoleh apabila tanggungjawab terhadap keluarga dapat dilaksanakan.

1

Maruah keluarga terpelihara.

2

Anggota keluarga saling mempercayai.

**KEPENTINGAN
MELAKSANAKAN
TANGGUNGJAWAB
DIRI**

Keluarga dihormati oleh masyarakat sekeliling.

Keluarga bahagia dapat diwujudkan.

3



4

Ihsan: Gurujeet Kaur

Oleh itu, kita perlulah memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga bagi mengelakkan sebarang perselisihan atau masalah. Setiap anggota keluarga hendaklah menjalankan tanggungjawab masing-masing. Mereka perlu saling menghormati, bertoleransi, bekerjasama dan menyayangi antara satu sama lain. Oleh itu, suasana gembira dan harmoni dapat diwujudkan dalam keluarga.

A. Secara berkumpulan, lakonkan situasi di bawah.



Datuk dan nenek datang melawat keluarga anda. Keluarga anda telah lama tidak berjumpa dengan mereka. Lakonkan cara anda menyambut dan melayan mereka.

Dalam peperiksaan baru-baru ini, adik anda mendapat keputusan yang kurang memuaskan. Lakonkan cara anda membantu dan memberikan sokongan kepadanya.



Kes pecah rumah sering berlaku di kawasan kejiranan anda. Lakonkan cara anda berbincang dengan anggota keluarga untuk menjaga keselamatan mereka.

Abang anda terlibat dengan gejala sosial. Lakonkan cara anda dan anggota keluarga menasihatinya untuk kembali ke pangkal jalan.






Adik anda orang kurang upaya yang mempunyai masalah penglihatan. Lakonkan cara anda dan anggota keluarga membantunya.

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga dengan baik? Mengapa?

B. Berdasarkan gambar di bawah, secara berkelompok, bincangkan kebaikan dan keburukan komputer dan telefon pintar dalam menjalinkan hubungan kekeluargaan. Buat rumusan sama ada komputer dan telefon pintar merenggangkan atau merapatkan hubungan kekeluargaan. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif.



Secara berkelompok, bincangkan peranan telefon pintar dalam hubungan kekeluargaan. Bentangkan hasil perbincangan secara kreatif di hadapan kelas.



Bincangkan cara lain dalam merapatkan hubungan kekeluargaan pada masa akan datang.

- C. Laksanakan satu lawatan ke rumah orang-orang tua. Temu bual seorang penghuni rumah tersebut berbandukan maklumat yang terdapat dalam borang di bawah. Bentangkan hasil temu bual anda secara kreatif.

BORANG TEMU BUAL

a.	Nama:
b.	Bilangan anak:
c.	Pengalaman bekerja:
d.	Sebab berada di rumah orang-orang tua:
e.	Perasaan tinggal di rumah orang-orang tua:
f.	Nasihat kepada remaja:

Selami hati penghuni rumah orang tua

SERAEMBAN - Mahu merasa sendiri kesusahan dihadapi warga emas yang tinggal di pusat jagaan orang tua, mendorong 25 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengunjungi Rumah Orang Tua Red Spot Home Care Centre di Bukit Rasah, di sini, baru-baru ini.

Penuntut Debat Bahasa Melayu di bawah Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah itu mengadakan kunjungan berkenaan bagi menyelami hati warga emas terabit yang mempunyai pelbagai latar belakang.

...da prihatin terhadap warga emas. ... pat tinggal, menguruskan kebersihan diri warga emas dan makan minum mereka.

Curah kasih di rumah orang tua

SEMPENA kedatangan Bulan Ramadan, Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Udang telah mengadakan ziarah ke Rumah Orang Tua Cheng di Melaka, baru-baru ini bagi mengenali dan mencurah kasih sayang kepada penghuninya.

Menurut Guru Bimbingan Kaunseling SK Sungai Udang, **Mohd Redzuan Snusi**, objektif lawatan adalah untuk memberi kesedaran kepada murid-murid tentang pengertian dapat mengikat kasih sayang antara murid dan penghuni di rumah orang tua ini," katanya melalui e-mel kepada sisipan ADaP baru-baru ini.

Melalui program ziarah ini, beliau berharap murid-murid dapat mengambil iktibar daripada kisah yang disampaikan oleh penghuni rumah berkenaan.

Sementara itu, semasa sesi taklimat, Penyelia Rumah Orang Tua Cheng, Asliza dewasa kelak.

"Berkaitlah kepada ibu bapa dan jangan hantar mereka ke rumah atau pusat jagaan warga emas," pinta beliau.

Dalam lawatan anjuran Kelab Bimbingan dan Kaunseling dengan kerjasama Kelab Rukun Negara SK Sungai Udang itu, murid-murid turut menanam pokok buah-buahan dan mengharapakan pokok tersebut akan dapat memberi manfaat

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan, sediakan laporan lawatan ke rumah orang-orang tua mengikut panduan penulisan laporan di bawah.

- ### PANDUAN PENULISAN LAPORAN

 - Tajuk
 - Tarikh dan tempat lawatan
 - Tujuan
 - Maklumat temu bual
 - Kepentingan melaksanakan tanggungjawab kepada ibu bapa yang tua dan uzur
 - Cara menjaga ibu bapa apabila dewasa kelak

REFLEKSI

Jelaskan perasaan anda ketika berada di rumah orang-orang tua tersebut.

A. Jalankan aktiviti permainan ‘Kad Situasi’ di bawah.

KAD

Semasa sibuk membuat kerja sekolah, ibu memanggil anda untuk membantunya di dapur. Apakah tindakan anda sebagai anak yang bertanggungjawab?

1

KAD

Bagaimanakah anda menjaga nama baik keluarga? Berikan dua contoh. Mengapa?

2

KAD

Nenek anda sudah tua dan uzur. Nyatakan dua cara yang boleh dilakukan untuk membantu nenek anda supaya dia berasa gembira.

5

KAD

Ayah sentiasa mengingatkan anggota keluarga anda supaya menitikberatkan hubungan kekeluargaan. Nyatakan dua amalan dalam keluarga untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.

6

CARA PERMAINAN

1. Permainan ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan mendapat satu set sampul yang mengandungi lapan keping kad situasi.
3. Setiap ahli kumpulan dikehendaki berbincang dan mencari jawapan untuk setiap situasi yang terdapat di dalam sampul tersebut.
4. Setiap wakil kumpulan dikehendaki mencatat jawapan di atas sekeping kertas dan menyerahkan jawapan tersebut kepada guru.
5. Guru akan menilai jawapan bagi setiap kumpulan. Setiap jawapan yang betul akan mendapat satu markah. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi menjadi pemenang.
6. Guru akan membincangkan jawapan yang betul bersama-sama murid.

KAD

Adik anda sakit dan telah beberapa hari tidak hadir di sekolah. Dia ketinggalan dalam pelajaran. Bagaimanakah anda membantunya? Berikan dua cara.

3**KAD**

Abang terlalu sibuk hingga tidak dapat meluangkan masa bersama-sama keluarga. Dia tidak mempedulikan kerja di rumah. Ramalkan kesan tindakan abang kepada keluarga.

4**KAD**

Setiap anggota keluarga perlu melaksanakan tanggungjawab diri kepada keluarga. Nyatakan dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab diri terhadap keluarga.

7**KAD**

Sebagai anggota keluarga, anda dan adik-beradik bertanggungjawab menjaga perlakuan ketika berada di luar rumah. Nyatakan dua tindakan yang boleh dilakukan sekiranya adik-beradik anda berkelakuan buruk.

8

Secara berkumpulan, buat rumusan tentang tanggungjawab diri dalam keluarga.

Renungan

Keluarga merupakan kompas yang memandu arah kita. Keluarga merupakan inspirasi untuk berjaya dan yang menghiburkan ketika dalam kesedihan.

Brad Henry

B. Teliti ciri-ciri autisme yang terdapat pada diri Chew Meng.

Adik saya bernama Chew Meng. Umurnya 10 tahun. Dia seorang kanak-kanak istimewa. Dia penghidap autisme. Chew Meng memerlukan penjagaan khas. Kami sekeluarga menyayangi Chew Meng dan bertanggungjawab untuk menjaganya dengan baik.

Adakala Chew Meng cuba melakukan perkara yang boleh membahayakan diri.

Chew Meng seorang yang hiperaktif.

Chew Meng suka bersendirian.

Chew Meng menghadapi masalah dalam pertuturan.

Chew Meng sensitif pada bunyi.

Imbas Saya



The National
Autism Society
of Malaysia



Secara berkumpulan, bincangkan perkara yang berikut:

- (i) Tindakan anda sebagai anggota keluarga Chew Meng yang bertanggungjawab untuk menangani setiap ciri autisme yang ada pada Chew Meng.
- (ii) Kesan yang berlaku sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab kepada Chew Meng.
- (iii) Hasilkan satu brosur yang mengandungi maklumat tentang autisme.



INFO

Autisme ialah gangguan perkembangan intelek dan daya fikir. Kecacatan pada struktur otak akan menjejaskan fungsi otak. Penghidap autisme akan menunjukkan tanda perubahan pada aspek tingkah laku, emosi dan pertuturan.

A. Berdasarkan senarai semak di bawah, tandakan (✓) bagi pernyataan yang anda lakukan untuk keluarga dan tandakan (✗) bagi pernyataan yang anda tidak lakukan untuk keluarga.

Setiap tanda (✓) diberikan satu markah.

Bil.	Penyataan	(✓ / ✗)
1.	Saya menyayangi semua anggota keluarga walaupun terdapat perbezaan pendapat antara kami.	
2.	Saya sentiasa mendoakan kesejahteraan anggota keluarga.	
3.	Saya sentiasa menjaga maruah diri dan keluarga dengan tidak melibatkan diri dalam gejala sosial.	
4.	Saya sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti keluarga supaya hubungan kami bertambah erat.	
5.	Saya selalu membantu ibu bapa pada waktu lapang untuk meringankan beban mereka.	
6.	Saya selalu akur akan nasihat dan teguran anggota keluarga yang lebih tua kerana mereka lebih berpengalaman.	
7.	Saya sentiasa bertolak ansur dengan anggota keluarga untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham.	
8.	Saya membantu dan bekerjasama dengan anggota keluarga ketika meraikan hari istimewa.	
9.	Saya selalu mengambil berat terhadap kebajikan anggota keluarga supaya mereka tidak berasa terasing.	
10.	Saya sentiasa meminta kebenaran ibu bapa apabila terlibat dengan aktiviti luar bersama-sama rakan.	

SKOR

Markah 7 hingga 10: Syabas! Anda seorang yang sentiasa melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.

Markah 4 hingga 6: Anda perlu tingkatkan tanggungjawab terhadap keluarga.

Markah 0 hingga 3: Anda perlu mengubah sikap untuk lebih bertanggungjawab terhadap anggota keluarga.



Berikan sebab bagi setiap pernyataan yang anda tandakan (✗).

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga? Mengapa?



Banyakkan senarai semak mengikut bilangan murid di dalam kelas.

B. Secara berkumpulan, baca perbualan tentang satu perancangan untuk mengadakan sambutan hari istimewa anggota keluarga. Kemudian, rancanglah agihan tugas kepada setiap anggota keluarga.

Yang berikut ialah perbualan antara Fatin dengan kakaknya.

1 Kakak, hari Sabtu akan datang ialah hari lahir ibu. Bolehlah kita merancang sambutan majlis hari lahir ibu.

3 Siapakah yang akan menjemput datuk dan nenek?

5 Siapakah yang bertanggungjawab untuk menyediakan makanan kesukaan ibu?

2 Boleh. Kita memerlukan kerjasama semua anggota keluarga untuk menjayakan sambutan majlis hari lahir ibu.

4 Kita minta tolong ayah untuk menjemput datuk dan nenek ke majlis itu nanti.

6 Kita akan membantu Mak Cik Laily untuk memasak masakan kesukaan ibu.

7 Kakak, apakah hadiah yang hendak diberikan kepada ibu?

8 Kakak bercadang untuk menghadiahkan selendang kepada ibu.

9 Saya berasa sangat gembira kerana dapat membuat persediaan untuk majlis hari lahir ibu.

10 Kakak juga tidak sabar untuk meraikannya. Kakak berharap ibu akan sentiasa sihat dan gembira.



Secara berkumpulan, hasilkan satu jadual agihan tugas kepada anggota keluarga untuk menyambut hari istimewa. Bincangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab terhadap anggota keluarga.

C. Hasilkan kad imbasan tentang tanggungjawab anda terhadap keluarga.

ALATAN DAN BAHAN



Gambar



Gunting



Gam




Kertas warna


LANGKAH-LANGKAH




Sediakan latar kad.



Lekatkan gambar anda pada latar kad tersebut.



Senaraikan tanggungjawab anda sebagai anggota keluarga.



Lekatkan senarai tersebut di sebelah gambar anda.



Baca kad imbasan yang telah ditampal di belakang kelas oleh rakan-rakan anda. Kenal pasti tanggungjawab lain yang boleh anda laksanakan dalam keluarga.

A. Situasi di bawah menunjukkan tanggungjawab menjaga anggota keluarga yang sakit.

Kakak dimasukkan ke hospital kerana demam denggi. Ibu menjaga kakak di hospital. Ayah sentiasa berulang-alik ke hospital untuk mengurus rawatan kakak. Nenek berada di rumah untuk menjaga adik-adik yang lain.

1. Berikan tiga tanggungjawab anda terhadap keluarga ketika berada dalam situasi di atas.
2. Senaraikan tiga kepentingan menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga semasa berada dalam situasi di atas.
3. Jelaskan kesannya jika anda gagal melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.
4. Jelaskan nilai yang perlu ditunjukkan oleh setiap individu ketika membantu anggota keluarga yang sakit.

B. Petikan akhbar di bawah menerangkan perihal remaja yang bertindak ganas dengan menyerang anggota keluarganya sendiri.

Remaja **belasah** adik dan serang ibu

Bukan sahaja mencuri wang datuknya, seorang remaja lelaki berusia 13 tahun turut menumbuk muka adik perempuannya yang berusia 11 tahun bertalu-talu. Sikap ganasnya tidak berhenti di situ apabila dia turut menyerang ibunya sendiri dengan kayu, selain memecahkan cermin kereta.



Berdasarkan tajuk akhbar di atas, huraikan peranan setiap anggota keluarga dalam menangani gejala tersebut.

ADAB DIJAGA, PERSAHABATAN TERBELA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- perlakuan beradab dalam persahabatan
- kepentingan adab dalam persahabatan
- perbezaan perlakuan beradab dengan tidak beradab dalam persahabatan
- batasan adab dalam persahabatan
- perasaan apabila dapat menjalinkan persahabatan yang beradab
- amalan hidup beradab dalam menjalinkan persahabatan pelbagai kaum



Cadangan Nilai:

- Kebebasan
- Kejujuran
- Toleransi
- Hemah tinggi
- Hormat

Setiap orang yang hidup di dunia ini memerlukan sahabat. Sahabat diperlukan pada setiap masa tidak kira saat susah atau senang, gembira atau sedih. Persahabatan pada hakikatnya merupakan satu anugerah daripada Tuhan kepada manusia yang sentiasa memerlukan teman dalam hidupnya.

Sahabat yang setia dapat membantu kita apabila berada dalam kesusahan. Sahabat juga dapat mengurangkan kesedihan dan kebimbangan yang kita alami. Walaupun tidak ada hubungan kekeluargaan, sahabat berupaya mewujudkan hubungan yang mirip dengan hubungan persaudaraan.

Rakan pula ialah individu yang dapat berkongsi minat, matlamat dan kerjaya dalam sesebuah kumpulan seperti persatuan, kelab dan pertubuhan. Rakan biasanya individu yang dapat mewujudkan kerjasama pada saat yang diperlukan.

Kenalan ialah individu yang pernah berinteraksi dengan kita tetapi kita tidak dapat mengesahkan identiti atau kewujudan sebenarnya. Kadangkala kenalan wujud sebagai hiburan dan pada masa yang sama boleh memberikan kebaikan melalui perkongsian pendapat dan penyelesaian masalah.

Tidak kira siapa pun kita, beradab dalam persahabatan perlu diutamakan untuk membina dan mengekalkan hubungan tersebut. Yang berikut ialah beberapa contoh perlakuan beradab dalam persahabatan.

CONTOH PERLAKUAN BERADAB DALAM PERSAHABATAN



Menjaga keaiban sahabat
Tidak membocorkan rahsia

Saling menghormati
Tidak mengejek sahabat

Ikhlas
Memberikan tunjuk ajar dalam pelajaran


Bertoleransi
Tidak menengking ketika bercakap

Memberikan sokongan
Menasihati ke arah kebaikan



Adab dalam persahabatan mampu melahirkan perasaan kasih sayang, hormat-menghormati dan saling mempercayai. Rajah di bawah menunjukkan kepentingan adab dalam persahabatan.

KEPENTINGAN ADAB DALAM PERSAHABATAN



Sahabat yang beradab ialah sahabat yang jujur, suka berterus terang dan tidak menyembunyikan sesuatu daripada kita sebagai sahabatnya, manakala sahabat yang tidak beradab boleh mendatangkan keburukan kepada diri kita. Terdapat beberapa perlakuan yang patut dielakkan dalam persahabatan seperti yang di bawah.

CONTOH PERLAKUAN TIDAK BERADAB DALAM PERSAHABATAN

- 1 Mengkhianati sahabat
- 2 Menghina sahabat
- 3 Menyebarkan keburukan sahabat
- 4 Memungkiri janji

Hubungan persahabatan memerlukan kesanggupan untuk menerima keluhan, pandangan, nasihat dan teguran. Namun, terdapat juga batasan persahabatan yang perlu dijaga bagi menjamin hubungan yang berkekalan.



Seorang sahabat perlu memiliki sifat-sifat yang terpuji untuk diikuti dan dicontohi. Seorang sahabat boleh membahagiakan kita untuk menjalani kehidupan dan membantu kita ketika diperlukan. Kita perlu mengamalkan dan menghayati nilai seperti kejujuran, kebebasan, toleransi, hemah tinggi dan saling membantu untuk mengukuhkan persahabatan. Oleh itu, kita perlu bertindak sebagai sahabat terlebih dahulu untuk mendapatkan persahabatan sejati yang diimpikan.

Terima kasih, Viknesh kerana menjadi sahabat saya. Saya amat menghargai dan bangga dengan persahabatan kita ini.

Sama-sama, Jian Sen. Saya turut gembira dan bangga mempunyai sahabat seperti kamu. Semoga persahabatan kita kekal akrab.

A. Baca dan fahami memoir di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

Memoir Siow Chin

Namaku Siow Chin. Aku daripada keluarga sederhana. Aku baru kematian ayah yang menjadi tempatku bermanja. Kini, aku tinggal dengan ibu yang sudah tua. Pelajaranku sederhana tetapi aku tetap bertekad dan berazam untuk belajar bersungguh-sungguh demi mengubah nasib keluarga. Di sekolah, aku mempunyai beberapa orang sahabat yang setia mendengar masalahku.

Aku sentiasa mendapat dorongan daripada mereka supaya cekalkan hati setiap kali menghadapi masalah. Suatu ketika dahulu, aku pernah menyatakan hasrat untuk berhenti sekolah dan membantu ibu menjual sayur di pasar malam, tetapi dibantah oleh sahabat-sahabatku. Mereka meminta supaya aku meneruskan persekolahan sehingga selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Aku menerima nasihat

mereka demi masa hadapanku. Sahabat-sahabatku juga sentiasa menunjukkan akhlak yang terpuji. Mereka ikhlas dalam memberikan bantuan, sentiasa menjaga aibku dan tidak mengejek kekuranganku.

Aku bersyukur kerana mendapat sahabat-sahabat yang sedia membantu ketika aku susah. Aku amat terharu dengan pertolongan mereka yang sanggup mengutip derma untuk menolongku ketika musibah menimpa keluargaku.

Sahabat-sahabatku tidak mementingkan diri. Mereka membantu meminjamkan nota ketika aku tidak dapat hadir di sekolah kerana menjaga ibu yang sakit. Aku amat terharu dan terhutang budi dengan mereka. Aku amat menyayangi semua sahabatku. Terima kasih Tuhan kerana menganugerahi aku sahabat yang sejati.



1. Jelaskan perasaan anda sekiranya mempunyai sahabat seperti sahabat Siow Chin.
2. Apakah pengajaran yang diperoleh daripada memoir di atas?
3. Pada pendapat anda, mengapakah Siow Chin begitu menyayangi sahabat-sahabatnya?
4. Bagaimanakah cara anda menjalinkan persahabatan yang beradab bersama-sama rakan anda?

B. Secara berkumpulan, lakonkan dialog di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



Mary, mengapa kamu bersedih? Jika ada apa-apa masalah, beritahulah kami.

Saya sedih kerana Vernad selalu mengejek nama bapa saya.

Jangan risau. Nanti, kami akan tegur dan nasihati Vernad.



1. Jelaskan perasaan anda apabila mempunyai sahabat seperti Vernad.
2. Cadangkan cara-cara beradab dalam persahabatan.
3. Huraikan kepentingan beradab dalam persahabatan.



Lakonkan cara rakan Mary menegur Vernad secara beradab.

C. Secara berkumpulan, tunjukkan cara anda beradab dalam persahabatan dengan menggunakan kaedah main peranan dalam situasi di bawah.



SITUASI 1

Darves dan Leong Kit bersahabat baik. Darves mengalami masalah keluarga, iaitu ibu bapanya kerap bertengkar dan ingin bercerai. Akan tetapi, Leong Kit telah menyebarkan rahsia Darves sehingga diketahui oleh rakan-rakan yang lain.

Hazmie, Viren dan Saravanan merupakan rakan baik di dalam sebuah kelas. Mereka berjanji akan mengulang kaji pelajaran bersama-sama selepas waktu persekolahan. Akan tetapi, Saravanan tidak hadir seperti yang dijanjikan.

SITUASI 2



SITUASI 3

Pada cuti sekolah yang lalu, Jasman dan Jia Yee telah mengikut sahabat mereka, Kanyan pulang ke kampungnya untuk meraikan Hari Gawai di rumah panjang. Jasman dan Jia Yee memakai pakaian yang sesuai ketika melawat ke rumah panjang itu. Mereka telah diminta untuk memakai pakaian tradisional Sarawak untuk acara tersebut.




Bina peta pemikiran tentang perlakuan beradab dan tidak beradab berdasarkan situasi 1 dan 2.


REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila menjalinkan persahabatan yang beradab? Mengapa?

A. Baca dan fahami e-mel di bawah.



Dengan menggunakan e-mel atau surat, balas mesej Steven Marcos dan ceritakan keadaan anda di sekolah baharu.



B. Persahabatan yang sejati dapat mendamaikan jiwa. Jalankan aktiviti perbahasan yang bertajuk ‘Persahabatan Realiti Lebih Beradab daripada Persahabatan Maya’.



ANTARA ISI PIHAK PENCADANG

Isi 1: Persahabatan yang terjalin akan lebih erat dan mesra kerana dapat mengenali sahabat dengan lebih dekat.

Isi 2: Tidak mudah tertipu dan terjebak dengan perkara negatif.

Isi 3: 

Isi 4: 

ANTARA ISI PIHAK PEMBANGKANG

Isi 1: Menjimatkan masa dan tenaga untuk berinteraksi dengan sahabat maya.

Isi 2: Boleh berkomunikasi setiap masa tanpa perlu memikirkan tempat dan waktu.

Isi 3: 

Isi 4: 

C. Deklamasikan puisi di bawah dengan cara yang kreatif.

SAHABATKU

Sahabatku
kau bagaikan embun pagi
yang mengubat hati yang gelisah
hingga mampu menyuburkan sanubari
pembakar semangat dan cita-cita

Sahabatku
aku sungguh bangga bersahabat denganmu
jika aku leka, tegurlah aku
jika aku terjatuh, bangunkanlah daku
engkau pembakar semangat juangku
dalam meneruskan pencarian ilmu

Sahabatku bintang yang cerah
jangan dikhianati persahabatan ini
berdoalah kepada Tuhan
agar persahabatan ini dirahmati

Sahabatku
pohon rendang dengan seribu dahan
yang memayungiku daripada terik matahari yang tak tertahan
hingga mampu memberikan keteduhan
dalam kedamaian

Sahabatku
kita elakkan mungkir janji, buruk sangka
memelihara adab persahabatan kita
batasan persahabatan menjadi ingatan
agar persahabatan sejati abadi milik kita

Nukilan: Penulis



Hasilkan puisi bertemakan adab persahabatan. Tulis secara kreatif dan pameran di Sudut Pendidikan Moral.


REFLEKSI

Apakah mesej yang diperolehi daripada puisi di atas?



Adab persahabatan yang manakah lebih penting: Tidak mengkhianati sahabat atau menjaga keaiban sahabat? Bincangkan.

A. Lengkapi teka silang kata adab persahabatan di bawah dengan berpandukan soalan-soalan yang diberikan.



MELINTANG

1. Antara ciri sahabat yang baik ialah _____.
2. Kita mestilah selalu _____ terhadap sahabat.
3. Tidak mengharapkan apa-apa balasan apabila berbakti kepada sahabat.
4. Janganlah kita bersikap _____ kepada sahabat.

MENEGAK

5. Sifat suka berterus terang, amanah dan _____ penting dalam menjalinkan persahabatan.
6. Kita digalakkan untuk _____ sahabat yang jauh.
7. Sahabat yang baik akan selalu _____ sahabatnya yang lain.
8. Sikap bertanggungjawab yang boleh menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.

B. Secara berkumpulan, jalankan aktiviti pameran mini di bawah.

- (i) Cari dan kumpulkan maklumat tentang tiga hingga lima orang sahabat anda yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- (ii) Kenal pasti adab persahabatan yang diamalkan oleh sahabat anda yang menyebabkan anda suka akannya.
- (iii) Persembahkan maklumat tersebut secara kreatif.
- (iv) Pamerkan hasil dapatan secara kreatif di hadapan kelas.

MAKLUMAT SAHABAT

- Nama penuh sahabat
- Latar belakang keluarga sahabat
- Aktiviti kegemaran sahabat
- Gambar-gambar kenangan
- Perlakuan beradab yang diamalkan dalam persahabatan
- Batasan dalam persahabatan


Pameran Kenangan Persahabatan

 <p>Junita Gassan Umur: 14 tahun Jantina: Perempuan Sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan Lundu</p> <p>ADAB PERSAHABATAN YANG DIAMALKAN</p> <ol style="list-style-type: none">1. Amanah2. Suka membantu3. Pernah melawat saya ketika sakit4. Baik hati5. Menepati janji6. Menasihati saya ketika saya kecewa <p>"DIA SENTIASA MENYOKONG SAYA SAAT SUKA DAN DUKA. DIALAH SAHABAT SEJATI."</p>	 <p>Muhammad Syamil bin Mohd Hafez Umur: 14 tahun Jantina: Lelaki Sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan Lundu</p> <p>ADAB PERSAHABATAN YANG DIAMALKAN</p> <ol style="list-style-type: none">1. Mengambil berat2. Pemurah3. Sedia berkongsi ilmu4. Jujur5. Baik hati6. Menghormati teman <p>"DIALAH TEMAN YANG BOLEH DIHARAPKAN KETIKA SUKA DAN DUKA."</p>	 <p>Kogulan a/l Selvam Umur: 14 tahun Jantina: Lelaki Sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan Lundu</p> <p>ADAB PERSAHABATAN YANG DIAMALKAN</p> <ol style="list-style-type: none">1. Suka membantu2. Merendah diri3. Amanah4. Pemaaf5. Baik hati <p>"SENTIASA CERIA SEPerti MATAHARI PAGI."</p>
--	---	---

REFLEKSI

Bagaimanakah anda mengekalkan adab dalam persahabatan?

C. Berdasarkan grafik di bawah, kenal pasti perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan yang diamalkan dalam kehidupan seharian.



REFLEKSI

Mengapakah anda perlu menjauhi perlakuan yang tidak beradab dalam persahabatan?

A. Situasi di bawah berkaitan dengan dilema seorang murid.

Ramesh seorang murid tingkatan 2. Dia berselisih faham dan bermasam muka dengan Cheong Mun. Cheong Mun menuduh Ramesh mengambil barangnya tanpa kebenaran. Lantaran itu, Ravi, sahabat Ramesh cuba menjernihkan keadaan. Usaha Ravi itu berjaya. Akhirnya, hubungan Ramesh dan Cheong Mun kembali pulih.

1. Sekiranya anda sahabat Ramesh, cadangkan cara lain untuk membantunya.
2. Adakah sahabat Ramesh mempraktikkan perlakuan beradab dalam persahabatan? Jelaskan.
3. Pada pendapat anda, apakah kebaikan yang diperoleh apabila beradab dalam persahabatan?
4. Senaraikan perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.
5. Bagaimanakah amalan nilai murni dapat membantu anda menyelesaikan masalah dengan sahabat anda?

B. Rajah di bawah menunjukkan batasan adab dalam persahabatan.



Adakah anda bersetuju dengan batasan adab tersebut? Huraikan dengan memberikan contoh yang sesuai.

UNIT 6

JIRAN SEPAKAT MEMBAWA BERKAT

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- konsep kejiranan
- manfaat hidup berjiran
- sikap jiran yang positif dan negatif
- cara untuk merapatkan hubungan sesama jiran
- perasaan apabila dapat hidup berjiran
- hidup berjiran dalam masyarakat pelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa

Cadangan Nilai:

- Kerjasama
- Hormat
- Toleransi
- Hemah tinggi
- Berterima kasih

Semua orang mempunyai jiran. Jiran ialah orang yang tinggal bersebelahan atau berhampiran dengan rumah kita, tidak kira tua atau muda, miskin atau kaya. Jiran kita juga boleh terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazandusun, Iban dan lain-lain.

Apabila hidup berjiran, kita mestilah saling menghormati dan saling membantu. Hal ini dapat memberikan manfaat kepada diri dan penduduk setempat demi kebaikan semua.

MANFAAT HIDUP BERJIRAN

Mudah mendapat bantuan apabila menghadapi sesuatu masalah.

Contoh: Apabila berlakunya kebakaran, kemalangan atau kematian.

Membantu menjaga keselamatan tempat tinggal.

Contoh: Apabila pulang ke kampung bersempena dengan cuti perayaan.

Membantu menjayakan majlis keramaian.

Contoh: Ketika majlis keraian atau upacara keagamaan.


Memupuk semangat perpaduan.

Contoh: Ketika melaksanakan aktiviti gotong-royong atau aktiviti keluarga.

Membantu mencegah gejala negatif.

Contoh: Bekerjasama membanteras gejala sosial seperti penagihan dadah dan vandalisme.

Dalam hidup berjiran, terdapat jiran yang bersikap positif dan jiran yang bersikap negatif. Kedua-dua sikap ini boleh memberikan kesan baik atau buruk kepada diri kita dan keluarga. Jiran yang bersikap positif akan menjadikan kita bersyukur, gembira dan selesa tinggal berdekatan dengannya. Jiran yang bersikap negatif pula akan menyebabkan kita berasa tidak selesa dan tidak gembira. Walau apa-apa pun, kita mestilah menghormati jiran dan saling bertoleransi untuk menjaga perasaan mereka. Kita juga hendaklah menjadi jiran yang beradab sopan dan berbudi pekerti mulia untuk mengekalkan suasana harmoni.



CIRI-CIRI JIRAN YANG BERSIKAP POSITIF DAN BERSIKAP NEGATIF



Memandangkan hidup berjiran begitu penting dalam kehidupan, kita hendaklah berusaha untuk mengeratkan hubungan dengan mereka. Terdapat pelbagai cara untuk merapatkan hubungan sesama jiran.



Saya dan keluarga akan menjemput jiran tanpa mengira kaum datang ke rumah semasa hari perayaan. Kami akan meraikan jiran dengan hidangan istimewa dan memberikan layanan yang baik. Saya berasa gembira apabila melihat hubungan kami seperti sebuah keluarga besar.

Saya sangat bersyukur kerana hubungan keluarga saya dengan jiran sangat baik. Kami sentiasa bergaul mesra dan bertegur sapa.



Keluarga saya sangat mengambil berat akan jiran kami, terutamanya apabila mereka menghadapi kesusahan. Bapa saya pernah menghantar anak jiran yang sakit ke klinik untuk mendapatkan rawatan.

Saya dan anak jiran sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti persatuan perumahan seperti gotong-royong. Melalui aktiviti sebegini, kami berpeluang untuk berkenalan dengan lebih dekat dan dapat mengeratkan hubungan.



Saya pula selalu mengikut keluarga menziarahi jiran yang sakit.

Oleh itu, kita perlulah bersama-sama menjaga hubungan dengan jiran tanpa mengira agama, kaum, budaya dan bahasa. Hubungan baik dengan jiran boleh dikekalkan apabila kita mengamalkan nilai kerjasama, hormat, toleransi, hemah tinggi dan berterima kasih sesama jiran. Dengan menjadi jiran yang baik, hidup akan lebih ceria, aman dan bahagia.

A. Baca dan fahami cerita di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



Keluarga Encik Lam berjiran dengan keluarga Encik Mok.


Pada suatu hari, ...



Encik Lam bergegas ke hospital. Sampai di sana, dia mendapati anak keduanya berada di dalam bilik pembedahan.



Encik Lam ternampak keluarga Encik Mok yang turut berada di situ. Encik Mok bersalam dengan Encik Lam.



Encik Mok menceritakan perkara yang berlaku kepada Encik Lam. Encik Lam juga mengetahui bahawa Encik Mok telah mendermakan darah kepada anaknya.

Ramalkan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh Encik Lam apabila berjumpa dengan Encik Mok.



1. Adakah Encik Lam seorang jiran yang baik? Mengapa?
2. Andaikan anda Encik Mok. Apakah perasaan anda jika mempunyai jiran seperti Encik Lam?
3. Huraikan kebaikan mempunyai jiran seperti Encik Mok.

B. Secara berkumpulan, hasilkan skrip lakonan berdasarkan setiap babak di bawah. Kemudian, lakonkan sketsa tersebut.

BABAK 1



Di pondok Rukun Tetangga, Encik Khairul, Encik Woo dan Encik Gopal sedang duduk berbual tentang kes kecurian yang semakin menjadi-jadi di kawasan perumahan mereka.

BABAK 2



Semasa membuat rondaan pada waktu malam itu, mereka berjalan sambil memegang lampu suluh dan batang kayu. Tiba-tiba, dari jauh kedengaran suara seseorang meminta tolong kerana rumahnya dimasuki pencuri. Rupa-rupanya, rumah Encik Arvind telah dimasuki pencuri.

Mereka berlari ke arah suara tersebut. Mereka ternampak Encik Arvind yang sedang menunjukkan arah pencuri itu melarikan diri. Mereka segera mengejar pencuri itu. Akhirnya, pencuri itu berjaya ditangkap.

BABAK 3



BABAK 4



Encik Khairul, Encik Woo dan Encik Gopal berasa gembira kerana dapat membantu Encik Arvind. Encik Arvind mengucapkan terima kasih kepada mereka. Mereka bersetuju untuk meneruskan rondaan pada waktu malam bersama-sama Encik Arvind untuk menjaga keselamatan kawasan perumahan tersebut.

Renungan

Bagai aur dengan tebing.

Peribahasa Melayu

C. Secara berpasangan, jalankan aktiviti di bawah.

CARA MENJALANKAN AKTIVITI

1. Pilih satu daripada kad di bawah.
2. Bincangkan adab sebelum, semasa dan selepas berdasarkan kad situasi.
3. Tampilkan hasil perbincangan secara kreatif pada dinding kelas.
4. Murid lain dikehendaki menilai setiap hasil perbincangan dengan memberikan simbol bintang antara satu hingga tiga bintang.

KAD SITUASI 1



Anda dan keluarga ingin menziarahi jiran yang sakit.

KAD SITUASI 2



Jiran anda mengundang anda sekeluarga ke rumahnya untuk menghadiri majlis perkahwinan anak perempuannya.

KAD SITUASI 3



Jiran anda mengadakan upacara kematian neneknya. Anda dan keluarga berhasrat untuk menghadiri upacara tersebut.

REFLEKSI

Apakah perkara yang perlu anda elakkan semasa menziarahi jiran?



Hidup berjiran dalam masyarakat pelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa mempunyai manfaat yang banyak. Adakah anda bersetuju? Jelaskan.



Guru boleh menambahkan kad dengan pelbagai situasi.

A. Dengan menggunakan borang di bawah, buat pemerhatian tentang hubungan kejiiran di kawasan tempat tinggal anda. Kemudian, buat rumusan tentang hubungan antara penduduk dengan jiran mereka.

Borang Pemerhatian Hubungan Kejiiran

Nama:

Kelas:

Alamat Rumah:

Arahan: Tandakan (√) pada kotak yang sesuai.

1. Adakah kawasan perumahan anda mengadakan program atau aktiviti untuk mengeratkan hubungan kejiiran?

Ya

Nyatakan program/ aktiviti yang dijalankan

Tidak

Mengapa?

2. Adakah penduduk di kawasan anda hidup berbaik-baik antara satu sama lain?

Ya

Berikan contoh

Tidak

Mengapa?

3. Adakah penduduk di kawasan anda saling menghormati amalan keagamaan atau kepercayaan masing-masing?

Ya

Berikan contoh

Tidak

Mengapa?

4. Adakah penduduk di kawasan anda berkomunikasi melalui media sosial?

Ya

Berikan contoh

Tidak

Mengapa?

5. Adakah penduduk di kawasan anda saling menegur dan mengunjungi sesama jiran?

Ya

Berikan contoh

Tidak

Mengapa?

6. Adakah penduduk di kawasan anda membantu jiran yang menghadapi kesusahan?

Ya

Berikan contoh

Tidak

Mengapa?

7. Adakah penduduk di kawasan anda berbincang tentang aktiviti persatuan penduduk?
 Ya Berikan contoh _____ Tidak Mengapa? _____

8. Adakah penduduk di kawasan anda dijemput apabila jiran mengadakan sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan?
 Ya Berikan contoh _____ Tidak Mengapa? _____

9. Adakah penduduk di kawasan anda bergilir-gilir dan membantu mengawasi keselamatan kawasan perumahan?
 Ya Berikan contoh _____ Tidak Mengapa? _____

10. Adakah penduduk di kawasan anda mengadakan rumah terbuka semasa perayaan dan menjemput jiran ke rumah mereka?
 Ya Berikan contoh _____ Tidak Mengapa? _____

SKOR

Sekiranya jumlah 'Ya' ialah:

8 hingga 10: Mesra

5 hingga 7: Kurang Mesra

0 hingga 4: Tidak Mesra

RUMUSAN DARIPADA PEMERHATIAN

Tandakan (√) pada kotak yang sesuai:

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, saya mendapati hubungan antara penduduk di kawasan tempat tinggal saya dengan jiran mereka ialah:

Mesra

Kurang mesra

Tidak mesra

Sekiranya jawapan ialah kurang mesra atau tidak mesra, cadangkan beberapa usaha yang boleh dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiiran di kawasan tempat tinggal anda.

Cadangan saya:



Semangat kejiiran amat jelas kelihatan dalam masyarakat luar bandar jika dibandingkan dengan masyarakat bandar. Bincangkan.




Banyakkan borang mengikut bilangan murid di dalam kelas.

B. Berdasarkan situasi di bawah, bincangkan cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan mengutamakan semangat kejiranan. Kemudian, lengkapkan jadual yang berikut.


SITUASI 1

Jiran Encik Raju mengadakan majlis hari lahir. Mereka telah memainkan lagu dengan kuat sehingga mengganggu ketenteraman Encik Raju dan keluarganya.




SITUASI 2

Oleh sebab tempat letak kereta tidak mencukupi, Encik Rajinder Singh meletakkan keretanya berdekatan dengan pintu masuk rumah Puan Jenny. Hal ini menyebabkan Puan Jenny sukar untuk mengeluarkan keretanya.



SITUASI 3

Encik Sebastian dan keluarganya suka memelihara kucing. Akan tetapi, kucing mereka tidak dijaga dengan baik. Mereka membiarkan kucing berkeliaran di rumah jiran. Kucing mereka membuang najis di depan rumah jiran. Hal ini menimbulkan ketidakpuasan hati jiran mereka.



Situasi	Cara Penyelesaian	Kebaikan	Perasaan
1	✍ ✍ ✍	✍ ✍ ✍	✍ ✍ ✍
2	✍ ✍ ✍	✍ ✍ ✍	
3	✍ ✍ ✍	✍ ✍ ✍	

- C. Secara berkumpulan, rancang dan laksanakan satu projek kejiranan di kawasan tempat tinggal anda. Kemudian, bentangkan perancangan tersebut secara kreatif.



REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila menyertai projek ini? Mengapa?

- A. Persembahkan boria di bawah secara kreatif. Hayatilah lirik boria yang disampaikan semasa persembahan.

Boria Hidup Berjiran

Salam 1 Malaysia kami ucapkan
Kepada anda semua rakan dan taulan
Boria hidup berjiran kami persembahkan
Agar semua mendapat kebaikan

Marilah kita hidup bersama
Saling menghormati jiran tetangga
Tidak kira agama mahupun bangsa
Barulah hidup aman dan bahagia

Sesama jiran jangan bergaduh
Hidup bersatu bukannya mudah
Saling membantu jangan mengeluh
Demi perpaduan kukuhkan muhibah

Hidup berjiran banyak kebaikan
Tiada sengketa tiada ancaman
Jiran yang susah dapat bantuan
Hidup sejahtera tingkatkan keamanan

Marilah kita hidup bersama
Saling menghormati jiran tetangga
Tidak kira agama mahupun bangsa
Barulah hidup aman dan bahagia

Tamatlah sudah persembahan kami
Semoga kita hidup harmoni
Nasihat kami jangan dilupai
Amalkan selalu hidup diberkati

Imbas Saya




Boria

Berdasarkan lirik boria di atas, lengkapkan jadual di bawah.

Cara saya menjaga
hubungan dengan jiran



Kebaikan apabila
hidup berjiran



Perasaan saya apabila
dapat hidup berjiran



B. Secara berkumpulan, cari lapan perkataan yang menunjukkan aktiviti ke arah memupuk semangat kejiranan di dalam kotak misteri di bawah. Kemudian, lengkapkan jadual yang berikut.

R	A	M	B	U	T	A	N	S	U	N	Y	I	S
U	G	N	O	Y	O	R	G	N	O	T	O	G	U
M	A	A	L	A	J	E	H	I	S	A	U	A	K
A	M	N	E	T	U	A	U	S	N	P	T	S	I
H	A	T	H	U	M	C	N	A	A	I	E	I	B
T	E	B	U	A	K	M	N	R	A	H	N	N	O
E	O	U	R	A	S	I	U	N	T	U	T	G	R
R	U	E	L	N	A	B	U	D	A	Y	U	U	M
B	C	Z	P	M	M	S	U	K	A	N	E	K	A
U	L	A	R	U	K	E	J	I	R	A	N	A	N
K	A	E	M	H	A	L	E	K	R	E	B	V	E
A	P	O	K	E	N	D	U	R	I	N	T	I	S

Aktiviti kejiranan	Keputusan melibatkan diri dalam aktiviti tersebut	Perasaan apabila melibatkan diri dalam aktiviti tersebut
		
		
		



Secara berkumpulan, senaraikan sikap jiran yang tinggal berdekatan dengan kawasan rumah anda. Bentangkan jawapan dalam bentuk peta pemikiran.

REFLEKSI

Apakah perkara baik yang pernah anda lakukan terhadap jiran anda?

A. Surat di bawah berkaitan dengan aduan yang dibuat oleh seorang penghuni rumah pangsa.

Bustami bin Ramli,
No. 4, Blok A,
Rumah Pangsa Indera Sakti,
50000 Kuala Lumpur.

Encik Velu a/l Ramasamy,
Pengerusi Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Indera Sakti,
Jalan Hang Jebat,
50150 Kuala Lumpur.

20 JULAI 2018

Tuan,

Aduan tentang Sikap Jiran yang Membuang Sampah dari Tingkat Atas

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Saya ingin membuat aduan tentang jiran yang tinggal di tingkat atas rumah saya. Mereka suka membuang sampah dari tingkat atas hingga mengotorkan rumah saya. Baju yang dijemur di ampaian juga kotor disebabkan oleh sampah tersebut.

3. Saya amat tidak berpuas hati dan keadaan ini sudah berlarutan sejak beberapa bulan yang lalu. Sehubungan dengan itu, saya memohon agar tuan dapat membantu menyelesaikan masalah saya ini.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



(BUSTAMI BIN RAMLI)

Penduduk No. 4, Blok A, Rumah Pangsa Indera Sakti.

1. Adakah anda bersetuju dengan tindakan jiran Encik Bustami? Mengapa?
2. Andaikan anda Encik Velu, bagaimanakah anda dapat membantu Encik Bustami?
3. Terangkan nilai yang perlu anda amalkan apabila hidup berjiran.

B. Situasi di bawah berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh keluarga Laila.

Laila berumur enam tahun. Dia menghidap penyakit jantung berlubang sejak dilahirkan. Baru-baru ini, penyakitnya bertambah teruk. Doktor memberitahu ibu bapa Laila bahawa anak mereka perlu dibedah. Kos pembedahan pula sangat mahal dan tidak mampu ditanggung oleh ibu bapa Laila yang berpendapatan rendah.



Sebagai jiran, huraikan cara anda bekerjasama untuk membantu keluarga Laila.

MASYARAKAT PENYAYANG TONGGAK ASPIRASI NEGARA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- ciri masyarakat penyayang
- kepentingan memperkukuh masyarakat penyayang
- cara menyantuni masyarakat yang berkeperluan
- keutamaan dalam membantu masyarakat yang berkeperluan bagi merealisasikan masyarakat penyayang
- mengekspresikan perasaan apabila dapat membantu mewujudkan masyarakat penyayang
- amalan masyarakat penyayang dalam konteks kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa



Cadangan Nilai:

- Kasih sayang
- Kerjasama
- Baik hati
- Hormat
- Toleransi

Masyarakat penyayang ialah masyarakat yang hidup bermuafakat, mesra dan bertimbang rasa dengan anggotanya. Setiap orang akan saling memahami dan menghormati. Kita patut berasa bertuah kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang saling membantu apabila berlaku sesuatu musibah seperti banjir, tanah runtuh atau kebakaran. Yang berikut ialah ciri-ciri masyarakat penyayang.

CIRI-CIRI MASYARAKAT PENYAYANG



Dengan mewujudkan masyarakat penyayang, banyak kepentingan yang akan kita peroleh. Kepentingan tersebut dapat memperkukuh konsep masyarakat penyayang di negara ini. Kepentingan lain yang boleh diperoleh adalah seperti yang berikut.

- 1 Dapat mewujudkan suasana aman dan harmoni.
- 2 Dapat memperkukuh perpaduan.
- 3 Dapat mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat.
- 4 Dapat meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik.

Terdapat juga masyarakat berkeperluan yang memerlukan perhatian daripada kita. Golongan ini memerlukan pembelaan dari segi bantuan dan bimbingan yang sewajarnya. Antaranya termasuklah golongan gelandangan, golongan miskin, bekas penagih dadah, bekas banduan dan pesakit AIDS.

Golongan berkeperluan ini wajar diberi keutamaan dalam membantu mereka mengharungi kehidupan seharian. Antara faktor golongan ini harus diberi keutamaan adalah seperti yang di bawah.

- 1** Setiap anggota masyarakat mempunyai hak untuk hidup dalam persekitaran yang baik. Contohnya, anak-anak gelandangan harus diberi kehidupan yang dapat memenuhi keperluan asas dan peluang pendidikan serta kemahiran.
- 2** Setiap anggota masyarakat perlu diberi kesedaran tentang penyakit berbahaya. Contohnya, pesakit AIDS diberi kesedaran tentang cara penjagaan yang betul supaya mereka mendapat rawatan yang sewajarnya untuk hidup seperti orang lain.
- 3** Setiap anggota masyarakat juga harus menerima mereka yang pernah menagih dadah dan melakukan jenayah. Contohnya, bekas banduan dan bekas penagih dadah perlu dilayan seperti anggota masyarakat lain dan diberi peluang pekerjaan serta pendidikan supaya mereka juga berjaya.
- 4** Setiap anggota masyarakat juga harus mendapat peluang rawatan yang sewajarnya supaya mereka sembuh daripada penyakit berbahaya. Contohnya, golongan miskin yang tidak mampu untuk membayar rawatan penyakit seperti kanser dan rawatan dialisis.

Terdapat banyak agensi yang boleh disertai untuk membantu golongan berkeperluan supaya mereka mendapat perhatian yang sewajarnya. Antara agensi tersebut adalah seperti yang di bawah.

<p>Membantu pesakit kanser yang tidak berkemampuan untuk mendapat rawatan.</p>  <p>MAKNA Majlis Kanser Nasional National Cancer Council <i>A Meaning to Life</i></p>	<p>Menggalakkan semangat kesukarelaan dan menyediakan peluang kepada rakyat Malaysia untuk sama-sama membantu golongan yang memerlukan.</p>  <p>SALAM MALAYSIA</p>	<p>Mendidik masyarakat daripada terlibat dengan dadah.</p>  <p>PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA</p>	<p>Meningkatkan kesedaran dan membantu golongan yang menghidap penyakit AIDS.</p>  <p>MAJLIS AIDS MALAYSIA</p>
<p>Imbas Saya</p>  <p>Majlis Kanser Nasional</p>	<p>Imbas Saya</p>  <p>Yayasan Salam Malaysia</p>	<p>Imbas Saya</p>  <p>Persatuan Mencegah Dadah Malaysia</p>	<p>Imbas Saya</p>  <p>Majlis Aids Malaysia</p>

Untuk memupuk budaya penyayang dalam kalangan masyarakat, pelbagai cara boleh dilaksanakan. Antara cara yang boleh dilakukan oleh individu dalam sesebuah komuniti untuk memupuk budaya penyayang adalah seperti yang berikut.

Memberikan bantuan kepada mangsa bencana alam



Melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong



CARA MEMUPUK MASYARAKAT PENYAYANG

Menyertai Rukun Tetangga



Memberikan bantuan kepada golongan OKU



Kesimpulannya, setiap anggota masyarakat termasuk anda perlu memberikan sokongan kepada semua aktiviti kemanusiaan yang melibatkan golongan berkeperluan. Kita perlu bersama-sama menghulurkan bantuan kepada mereka tanpa mengira kaum, budaya, agama dan bahasa. Masyarakat perlulah mengamalkan nilai kasih sayang, kerjasama, baik hati, hormat dan toleransi. Sebagai masyarakat penyayang, kita akan berasa bersyukur dan gembira kerana dapat berbakti dan menyenangkan kehidupan anggota masyarakat yang memerlukan bantuan.

A. Baca dan fahami petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

Negara kita sering dilanda pelbagai bentuk bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh, banjir besar, tsunami dan lain-lain. Dalam bencana tersebut, banyak kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa berlaku.

Sebagai masyarakat penyayang, anda juga bertanggungjawab untuk membantu mangsa bencana alam. Antara situasi bencana alam yang pernah berlaku di Malaysia adalah seperti yang berikut.



Tanah runtuh



Banjir besar



1. Apakah sumbangan anda untuk membantu mangsa bencana alam di atas?
2. Mengapakah masyarakat perlu menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana alam tersebut?

B. Secara berkumpulan, teliti situasi yang dihadapi oleh Encik X, Encik Y dan Cik Z. Bincangkan cara masyarakat dapat membantu mereka.



SITUASI ENCIK X

Encik X ialah bekas banduan. Dia telah insaf atas kesalahan yang pernah dilakukannya. Dia sedang mencari pekerjaan untuk menyara isteri dan lima orang anaknya.

SITUASI ENCIK Y

Encik Y ialah penagih dadah. Dia terlibat dengan aktiviti ketagihan dadah sejak di bangku sekolah lagi. Selepas melihat kematian tragis seorang rakannya, dia berhasrat untuk bebas daripada penyalahgunaan dadah.



SITUASI CIK Z

Cik Z ialah peminta sedekah. Dia hidup sebatang kara dan tidak mempunyai tempat tinggal. Dia sering tidur di tepi jalan dan meminta sedekah untuk meneruskan kehidupan.



Situasi	Cara masyarakat menghulurkan bantuan	Sebab menghulurkan bantuan	Perasaan apabila menghulurkan bantuan
Encik X			
Encik Y			
Cik Z			

Renungan












Kesediaan memberi adalah lebih penting ertinya daripada pemberian itu sendiri.

Jean F. Millet

A. Buat satu sesi temu bual dengan guru kebajikan atau guru yang bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang murid yang memerlukan bantuan.

Maklumat yang diperlukan:

- (i) Kategori murid yang memerlukan bantuan
- (ii) Jenis bantuan yang diperlukan
- (iii) Bilangan murid yang memerlukan bantuan
- (iv) Bentuk bantuan yang pernah diterima

Kategori	Jenis Bantuan	Bilangan Murid
Anak yatim		
Mangsa bencana		
Miskin		
Orang Kurang Upaya (OKU)		
		



Berdasarkan maklumat tersebut, kenal pasti kategori murid yang perlu diberi keutamaan untuk mendapatkan bantuan.

Secara berkumpulan, senaraikan dan pilih satu cara untuk mengumpulkan dana bagi membantu murid tersebut.

REFLEKSI

Jelaskan perasaan anda apabila program yang dikendalikan berjaya mencapai objektifnya.



Guru menerangkan cara-cara untuk mengumpulkan dana selain mengutip derma untuk murid yang memerlukan bantuan.

B. Baca dan fahami maklumat di bawah.

RUMAH KEBAJIKAN SINAR HARAPAN

Rumah Kebajikan Sinar Harapan merupakan sebuah pusat kebajikan yang menjaga kebajikan anak-anak yatim. Rumah tersebut terletak di daerah Petaling Jaya. Penghuni rumah tersebut terdiri daripada 58 orang anak yatim yang berusia 5 hingga 15 tahun. Rumah Kebajikan Sinar Harapan sentiasa memastikan segala keperluan dan kebajikan anak-anak tersebut terjaga.



Berdasarkan maklumat di atas, secara berkumpulan, kumpulkan maklumat tentang peranan pelbagai pihak dalam membantu anak-anak yatim di rumah kebajikan tersebut. Bentangkan hasil dapatan tersebut secara kreatif. Rancang satu aktiviti untuk mengumpulkan dana bagi membantu Rumah Kebajikan Sinar Harapan dan laksanakan aktiviti berkenaan.

REFLEKSI

Terangkan perasaan anda apabila aktiviti yang dijalankan dapat meringankan beban penghuni Rumah Kebajikan Sinar Harapan.

C. Secara berkumpulan, laksanakan aktiviti main peranan sebagai anggota masyarakat yang penyayang.

SITUASI 1

Samy merupakan Orang Kurang Upaya (OKU). Dia menggunakan kerusi roda untuk bergerak. Pergerakan Samy menjadi terhad apabila kurangnya kemudahan laluan yang disediakan untuk OKU. Main peranan sebagai rakan untuk membantu Samy.



SITUASI 2

Anda tinggal di Taman Cempaka. Persatuan Penduduk Perumahan Taman Cempaka akan mengadakan kempen derma darah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia. Main peranan untuk menunjukkan cara menggalakkan penduduk setempat menderma darah.



SITUASI 3

Anda ternampak seorang rakan anda sedang menangis di dalam kelas. Anda juga ternampak luka pada muka dan tangannya. Anda mengesyaki dia menjadi mangsa dera. Main peranan untuk menunjukkan cara membantu rakan anda itu.

REFLEKSI

Jelaskan kepentingan anda membantu golongan tersebut.

A. Baca dan fahami cerita di bawah.

Di Kampung Sentosa, tinggal satu komuniti yang saling membantu dan mengambil berat antara satu sama lain. Antara penghuni di Kampung Sentosa termasuklah keluarga Encik Iskandar, keluarga Pak Ali, keluarga Viknesh, keluarga Ah Chong, keluarga Ben dan keluarga Harbajan Singh.

Pada suatu hari, rumah keluarga Harbajan Singh terbakar. Dia telah kehilangan harta benda. Sebagai ketua komuniti, Encik Iskandar menyeru setiap anggota komunitinya tampil memberikan bantuan kepada keluarga Harbajan Singh.

Anak Pak Ali bersama-sama rakan-rakannya berjanji untuk mengumpulkan dana.

Keluarga Viknesh bersama-sama rakan-rakannya berjanji untuk mengumpulkan pakaian.

Keluarga Pak Ali bersama-sama berkongsi makanan dengan keluarga Harbajan Singh.

Andaikan anda sebahagian daripada komuniti Kampung Sentosa. Bincangkan cara lain untuk membantu keluarga Harbajan Singh.

Ah Chong yang mempunyai kemahiran bertukang akan membina rumah keluarga Harbajan Singh semula.

Keluarga lain dalam komuniti tersebut turut memberikan sumbangan kepada keluarga Harbajan Singh. Mereka berjanji untuk sama-sama membantu keluarga Harbajan Singh.

Keluarga Ben membenarkan keluarga Harbajan Singh untuk tinggal bersama-sama mereka sementara menunggu rumah baharu keluarga Harbajan Singh siap.



Kumpulkan cerita yang menunjukkan amalan masyarakat penyayang. Kemudian, buat persembahan di dalam kelas.



Wajarkah anda memberikan bantuan kepada keluarga Harbajan Singh? Mengapa?

B. Adakah rakan anda tergolong dalam masyarakat penyayang? Lengkapkan borang di bawah. Tandakan (✓) pada 'Ya' atau 'Tidak' bagi ciri-ciri masyarakat penyayang.

Borang Penilaian Rakan Sebaya

Bil.	Sikap	Ya	Tidak	Sebab
1.	Baik hati			
2.	Ambil berat			
3.	Bekerjasama			
4.	Rajin membantu			
5.	Toleransi			
6.	Prihatin			
7.	Pemurah			
8.	Bertimbang rasa			
9.	Belas kasihan			
10.	Bertanggungjawab			



Selepas melengkapkan borang di atas, serahkan borang tersebut kepada rakan anda.

Adakah rakan anda tergolong dalam masyarakat penyayang? Berikan dua contoh.



Berikan bukti bahawa masyarakat Malaysia ialah masyarakat penyayang. Jelaskan.

C. Secara berkumpulan, hasilkan cenderamata daripada bahan kitar semula untuk diberikan kepada anak-anak yang kurang bernasib baik.

ALATAN DAN BAHAN



Berus

Cat air

Kulit kerang

Gunting

Penutup botol

Gam

Kertas warna


LANGKAH-LANGKAH



1 Sediakan kad manila berwarna biru.



2 Hiaskan cebisan kertas berwarna hijau secara kreatif untuk menggambarkan rumput laut.




3 Warnakan penutup botol secara kreatif untuk menggambarkan hidupan laut seperti ikan.



4 Gunting kertas berwarna-warni untuk dijadikan ekor ikan.



5 Lekatkan kertas guntingan, penutup botol dan kulit kerang pada kad manila.



6 Hiaskan hasil cenderamata.



Guru mengenal pasti rumah anak-anak yatim yang boleh dilawati.

A. Situasi di bawah menunjukkan kesukaran hidup sepasang warga tua.

Encik Mahmud dan isterinya tinggal di sebuah rumah usang di Kampung Arau. Mereka merupakan warga tua yang uzur. Anak-anak mereka tidak mempedulikan keperluan harian mereka. Namun, masyarakat di sekitar mereka sentiasa menghulurkan bantuan dan sumbangan untuk membolehkan Encik Mahmud dan isterinya meneruskan kehidupan mereka.

1. Apakah ciri-ciri masyarakat penyayang yang ditunjukkan oleh penduduk Kampung Arau?
2. Berikan kewajaran penduduk Kampung Arau membantu Encik Mahmud dan isterinya.
3. Andaikan terdapat sepasang warga tua seperti Encik Mahmud dan isterinya di tempat tinggal anda. Terangkan cara anda dan persatuan penduduk dapat membantu mereka.
4. Apakah perasaan anda apabila tinggal dalam komuniti masyarakat penyayang? Berikan sebab.

B. Keratan akhbar di bawah menunjukkan bekas penagih dadah yang kembali menagih.

70% pelatih Pusat Serenti kembali menagih dadah

PUTRAJAYA, 22 Oktober – Perdana Menteri Malaysia berkata, hampir 70 peratus daripada pelatih yang telah menjalani rawatan di Pusat Serenti kembali menagih dadah kerana tidak diterima oleh keluarga.

Beliau berharap agar masyarakat, khususnya ibu bapa dapat memberikan kerjasama bagi memastikan bekas penagih dadah tidak terlibat semula dalam penyalahgunaan dadah.



Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku? Bagaimanakah amalan nilai yang dipraktikkan oleh semua pihak dapat menangani keadaan di atas?

UNIT 8

PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia
- kepentingan agensi perkhidmatan awam kepada masyarakat
- cara menghargai agensi perkhidmatan awam
- peranan agensi perkhidmatan awam yang efektif untuk meningkatkan kesejahteraan hidup
- perasaan terhadap keberkesanan agensi perkhidmatan awam yang disediakan
- tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam yang disediakan



Cadangan Nilai:

- Bertanggungjawab
- Patriotisme
- Berterima kasih
- Hemah tinggi
- Rasional

Setiap negara termasuk Malaysia mempunyai agensi perkhidmatan awam yang tersendiri. Agensi perkhidmatan awam ialah organisasi atau badan yang mengendalikan sesuatu tugas, usaha, khidmat dan bertanggungjawab melaksanakan dasar kerajaan. Agensi perkhidmatan awam mempunyai peranan yang penting, terutamanya dalam memastikan pembangunan negara dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan. Antara agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia termasuklah seperti yang di bawah.

AGENSI PERKHIDMATAN AWAM YANG TERDAPAT DI MALAYSIA

Mahkamah



Jabatan Imigresen Malaysia



Jabatan Penerangan Malaysia



Sekolah



Polis Diraja Malaysia



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Jabatan Pendaftaran Negara



Jabatan Pengangkutan Jalan



Hospital



Imbas Saya



Jabatan Perkhidmatan Awam



Agensi perkhidmatan awam merupakan perantara yang paling hampir dengan rakyat. Peranan terpenting agensi perkhidmatan awam adalah untuk memastikan semua urusan pentadbiran berjalan dengan lancar. Setiap agensi perkhidmatan awam yang efektif akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam masa yang singkat, menjawab panggilan dengan cepat, mengurangkan karenah birokrasi dan memberikan perkhidmatan mesra pelanggan.

KEPENTINGAN AGENSI PERKHIDMATAN AWAM KEPADA MASYARAKAT

- Menjadi perantara kerajaan dengan rakyat.
- Memberikan kemudahan kepada rakyat.
- Memberikan kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat tentang pelbagai perkhidmatan awam yang disediakan.
- Membantu melicinkan pentadbiran negara.
- Meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertatasusila, kita perlu menghargai semua agensi perkhidmatan awam yang disediakan oleh kerajaan. Yang berikut ialah cara menghargai agensi perkhidmatan awam.

CARA MENGHARGAI AGENSI PERKHIDMATAN AWAM

- Mematuhi etika ketika berurusan di agensi perkhidmatan awam.
- Menyokong program yang dianjurkan.
- Tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan.
- Mengucapkan terima kasih selepas mendapatkan perkhidmatan.
- Tidak memandang rendah kepada kakitangan agensi perkhidmatan awam.
- Menggunakan bahasa yang sopan ketika berurusan.

Agensi perkhidmatan awam juga berperanan untuk memberikan penerangan dan perkhidmatan kepada rakyat mengikut tugas dan bidang masing-masing. Kakitangan agensi perkhidmatan awam yang terlatih akan menyalurkan pengetahuan mereka kepada rakyat agar dapat merealisasikan aspirasi negara. Rajah di bawah menunjukkan beberapa peranan agensi perkhidmatan awam yang efektif untuk kesejahteraan rakyat di Malaysia.

PERANAN AGENSI PERKHIDMATAN AWAM



Imbas Saya



Polis Diraja
Malaysia

POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

- Memelihara undang-undang dan ketenteraman.
- Mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia.
- Mencegah dan mengesan penjenayah.
- Menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah.
- Mengumpul risikan keselamatan.



Imbas Saya



Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

- Memberikan khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.



Imbas Saya



Jabatan Penerangan
Malaysia

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

- Memberikan penerangan dan penjelasan tentang dasar, falsafah dan wawasan negara.
- Membina, mengukuh dan menyebarkan jaringan komunikasi yang menyeluruh dan berkesan dalam menguruskan penyampaian maklumat.



Imbas Saya



Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

- Menerima aduan tentang perlakuan rasuah dan salah guna kuasa.
- Menyiasat aduan rasuah dan salah guna kuasa sebagaimana peruntukan di bawah Akta SPRM 2009.
- Mendidik orang ramai untuk membenci dan menentang jenayah rasuah.

Memandangkan agensi perkhidmatan awam banyak memberikan manfaat kepada rakyat, kita sepatutnya mengamalkan nilai bertanggungjawab, patriotisme, berterima kasih, berhemah tinggi dan rasional atas perkhidmatan yang diberikan. Sehubungan dengan itu, kita perlulah sentiasa sabar dan berbudi bahasa kepada kakitangan di agensi perkhidmatan awam.

A. Baca dan fahami maklumat tentang peranan agensi perkhidmatan awam. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

Imbas Saya



Jabatan Imigresen Malaysia

- Menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (pindaan 2010).
- Mengeluarkan pasport dan dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap dan mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia.



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- Membantu seseorang individu untuk mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan perkhidmatan bercorak pengalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberikan penekanan kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Imbas Saya



Kementerian Kesihatan Malaysia



1. Huraikan kepentingan agensi perkhidmatan awam tersebut dalam membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.
2. Sebagai seorang murid, apakah yang patut anda lakukan ketika berurusan dengan kakitangan agensi perkhidmatan awam tersebut?
3. Jelaskan perasaan anda apabila perkhidmatan yang diberikan sangat efektif.

B. Adakan jelajah ilmu tentang agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia. Secara berkumpulan, cari maklumat seperti yang di bawah.

1. Kenal pasti sebuah agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia.
2. Kumpulkan maklumat tentang agensi tersebut.
3. Persembahkan maklumat yang diperoleh secara kreatif.
4. Tampal maklumat tersebut pada papan kenyataan kelas di stesen yang telah ditetapkan.
5. Wakil kumpulan mesti berada di stesen masing-masing dan bersedia memberikan penerangan.
6. Murid lain dikehendaki bergerak dari satu stesen ke satu stesen yang lain untuk mendengar penerangan daripada wakil setiap kumpulan.



Selepas jelajah ilmu, tulis catatan dan cadangan penambahbaikan perkhidmatan awam yang boleh dilaksanakan. Kemudian, bentangkan cadangan tersebut di hadapan kelas.



Ramalkan kesan yang akan terjadi sekiranya agensi perkhidmatan awam tidak memberikan perkhidmatan yang efisien kepada pelanggan.

C. Baca maklumat di bawah dan jawab soalan yang berikut.

KETERLIBATAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) PERINGKAT SEKOLAH

LATAR BELAKANG

SPRM berperanan untuk mendidik setiap lapisan masyarakat agar membenci jenayah rasuah dan mendapatkan sokongan masyarakat terhadap usaha pencegahan rasuah yang dilakukan.

Salah satu inisiatif SPRM untuk mendidik murid di sekolah rendah dan menengah adalah melalui Kempen Wira Anti Rasuah atau singkatannya Kempen WAR.

OBJEKTIF

Objektif penubuhan WAR di sekolah rendah dan menengah adalah seperti yang berikut:

- Menerapkan nilai integriti dan budaya benci rasuah dalam kalangan murid.
- Mendedahkan murid kepada program yang dapat membentuk integriti diri dan jati diri agar mereka tidak sesekali terjebak dengan perlakuan rasuah.
- Melahirkan murid yang mampu menjadi ejen untuk menyebarkan mesej integriti dan pencegahan rasuah kepada warga sekolah dan masyarakat setempat.

KAEDAH PELAKSANAAN

- Majlis Pelancaran Kempen WAR di sekolah.
- Pelantikan Ketua WAR di sekolah.
- Taklimat SPRM berkaitan dengan Kempen WAR kepada guru dan pentadbir sekolah.
- Ceramah SPRM kepada murid dan disusuli dengan aktiviti murid seperti kuiz dan persembahan kumpulan.
- Murid akan diberi buku kecil WAR, bahan kempen WAR dan borang kaji selidik untuk melihat persepsi murid terhadap jenayah rasuah dan SPRM.
- Aktiviti susulan seperti lawatan sambil belajar ke SPRM.

Imbas Saya



Kempen WAR



- Wajarkah penubuhan WAR di sekolah? Jelaskan.
- Bagaimanakah anda boleh membantu objektif penubuhan WAR yang dilaksanakan oleh SPRM?
- Jelaskan perasaan anda jika penubuhan WAR mencapai objektifnya.

A. Sekolah anda bercadang untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah agensi perkhidmatan awam. Secara berkumpulan, jalankan tugas yang berikut.

PANDUAN MENGADAKAN LAWATAN

KUMPULAN 1: Maklumat berkaitan dengan organisasi agensi perkhidmatan awam.

KUMPULAN 2: Maklumat tentang etika dan piagam pelanggan.

KUMPULAN 3: Peranan agensi perkhidmatan awam dalam membantu meningkatkan kesejahteraan orang awam.

KUMPULAN 4: Maklum balas daripada orang awam tentang perkhidmatan yang diberikan.

Lengkapkan borang maklumat di bawah selepas membuat lawatan.

BORANG MAKLUMAT

NAMA PROGRAM

Tarikh:

Nama:

Tingkatan:

Kepentingan agensi perkhidmatan awam kepada masyarakat.

1.
2.

Cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

1.
2.

Perlakuan berhemah yang saya amalkan.

REFLEKSI

Jelaskan perasaan anda terhadap perkhidmatan dan layanan yang diberikan ketika berurusan di agensi perkhidmatan awam.



Banyakkan borang mengikut bilangan murid di dalam kelas.

B. Anda dan keluarga anda pernah berurusan dengan agensi perkhidmatan awam. Lengkapkan senarai semak di bawah tentang keberkesanan agensi perkhidmatan awam tersebut dalam memberikan perkhidmatan.

NAMA AGENSI PERKHIDMATAN AWAM: _____

Bil.	Penyataan	Ya	Tidak
1.	Nombor giliran dipanggil dengan cepat.		
2.	Kakitangan memberikan layanan dan perkhidmatan yang profesional.		
3.	Kakitangan menunjukkan kesungguhan dalam menjalankan tugas.		
4.	Golongan berkeperluan khas seperti warga tua dan OKU diutamakan.		
5.	Urusan dapat dijalankan dengan sistematik dan cepat.		
6.	Maklumat yang diberikan jelas dan tepat.		
7.	Persekitaran agensi bersih, selamat dan mesra pengguna.		
8.	Prosedur urusan jelas dipaparkan untuk memudahkan urusan.		
9.	Kakitangan agensi mesra dan responsif.		
10.	Borang maklum balas pelanggan disediakan di kaunter.		

* Setiap jawapan ‘Ya’ diberikan 1 markah.

SKOR

7 hingga 10: Perkhidmatan yang disediakan adalah efektif.
 0 hingga 6: Perkhidmatan yang disediakan kurang efektif.



Berdasarkan maklumat di atas, main peranan cara berurusan dengan salah satu agensi perkhidmatan awam secara berhemah.

Renungan

Yang kurik itu kundi,
 Yang merah itu saga;
 Yang baik itu budi,
 Yang indah itu bahasa.

Pantun Melayu

C. Lihat contoh poster yang diberikan. Secara berkumpulan, hasilkan poster untuk menunjukkan penghargaan kepada anggota polis bersempena dengan sambutan Hari Polis.



REFLEKSI

Apakah tingkah laku berhemah yang boleh anda amalkan terhadap anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM)?

A. Secara berkumpulan, lakonkan situasi di bawah dengan menunjukkan perlakuan berhemah ketika berurusan dengan agensi perkhidmatan awam.



REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila mengamalkan perlakuan berhemah terhadap kakitangan agensi perkhidmatan awam? Jelaskan.

B. Bersempena dengan sambutan Hari Guru, hasilkan kad ucapan kreatif dengan menggunakan pelbagai media untuk diberikan kepada guru sebagai tanda penghargaan.



Galakkan murid memberikan kad yang telah siap kepada guru sebagai tanda penghargaan kepada mereka.

C. Se jauh manakah anda mengamalkan tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam yang disediakan? Bulatkan skala yang menunjukkan amalan anda.

Bil.	Perlakuan	Skala		
		1	2	3
1.	Saya akan mengambil nombor giliran terlebih dahulu ketika ingin mendapatkan perkhidmatan di agensi perkhidmatan awam.	1	2	3
2.	Saya menunggu dengan sabar semasa menjalankan urusan dengan agensi perkhidmatan awam.	1	2	3
3.	Saya akan mengucapkan terima kasih dan senyum setelah selesai berurusan di kaunter agensi perkhidmatan awam.	1	2	3
4.	Saya akan meminta bantuan kakitangan agensi perkhidmatan awam sekiranya saya tidak memahami sesuatu perkara.	1	2	3
5.	Saya akan bertingkah laku sopan dan berhemah ketika berada dalam kawasan agensi perkhidmatan awam.	1	2	3
6.	Saya akan menulis cadangan dan komen dalam borang maklum balas yang disediakan di agensi perkhidmatan awam sekiranya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.	1	2	3
7.	Saya akan mematuhi prosedur yang ditetapkan semasa berurusan dengan agensi perkhidmatan awam.	1	2	3
8.	Saya tidak akan memotong barisan atau nombor giliran ketika ingin mendapatkan perkhidmatan.	1	2	3

1 Tidak Pernah

2 Kadang-kadang

3 Selalu

SKOR

16 hingga 24: Syabas! Anda seorang yang mengamalkan tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam.

0 hingga 15: Anda perlu meningkatkan amalan tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam.



Bimbing murid untuk menjawab soalan yang diberikan dan rasionalkan setiap jawapan murid semasa perbincangan.

A. Gambar di bawah menunjukkan dua agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia.



Jabatan Imigresen Malaysia



Polis Diraja Malaysia

1. Nyatakan kepentingan agensi perkhidmatan awam tersebut kepada masyarakat dan negara.
2. Terangkan tingkah laku berhemah yang sepatutnya anda amalkan ketika berurusan dengan agensi tersebut.
3. Huraikan perasaan anda terhadap keberkesanan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi perkhidmatan awam.
4. Jelaskan nilai yang perlu anda amalkan ketika berurusan di agensi perkhidmatan awam.

B. Poster di bawah menunjukkan sambutan Hari Anggota Bomba.



Bersempena dengan sambutan tersebut, bagaimanakah anda menunjukkan penghargaan kepada pasukan Bomba dan Penyelamat di tempat anda? Jelaskan.

HARGAI ALAM WARISAN KITA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- peranan masyarakat dalam melindungi alam sekitar
- langkah-langkah badan kerajaan dalam melindungi alam sekitar
- sumbangan badan bukan kerajaan untuk melindungi alam sekitar
- kesan aktiviti manusia terhadap keseimbangan alam sekitar
- mengekspresikan perasaan apabila melibatkan diri dalam aktiviti melindungi alam sekitar
- mengamalkan tingkah laku ke arah melindungi alam sekitar

Cadangan Nilai:

- Kasih sayang
- Bertanggungjawab
- Rasional
- Kerjasama
- Kerajinan



Dewasa ini, kita sering dikejutkan dengan kejadian bencana alam yang berlaku di negara kita seperti kejadian tanah runtuh, ribut, jerebu, kemarau dan hakisan tanah. Bencana alam seperti ini telah merosakkan habitat, menyebabkan kematian haiwan dan tumbuhan, mengganggu kitaran semula jadi dan menjejaskan alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, semua pihak termasuk anda dan masyarakat, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan perlulah memainkan peranan untuk melindungi alam sekitar.



Imbas Saya



5R

Badan kerajaan turut memainkan peranan untuk memastikan alam sekitar tidak mengalami kerosakan dan kemusnahan. Antaranya termasuklah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.


 <p>Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)</p> <p>Melindungi hidupan liar dan habitatnya termasuk Taman Negara.</p>	<p>Imbas Saya</p>  <p>PERHILITAN</p>	
 <p>Jabatan Alam Sekitar (JAS)</p> <p>Mencegah dan mengawal pencemaran alam sekeliling.</p>	<p>Imbas Saya</p>  <p>Jabatan Alam Sekitar</p>	
 <p>Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)</p> <p>Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan.</p>	<p>Imbas Saya</p>  <p>Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</p>	

Badan bukan kerajaan juga memberikan sumbangan untuk melindungi alam sekitar. Antaranya termasuklah Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Sahabat Alam Malaysia dan Tabung Hidupan Liar Dunia (WWF).

SUMBANGAN BADAN BUKAN KERAJAAN UNTUK MELINDUGI ALAM SEKITAR

 <p>Mengetengahkan isu berkaitan dengan alam sekitar di Malaysia termasuklah konservasi habitat dan pendidikan alam sekitar.</p> <p>Imbas Saya</p>  <p>Persatuan Pencinta Alam Malaysia</p>	 <p>Meningkatkan usaha memelihara dan memulihara semua jenis hutan dan sumber asli dengan penglibatan komuniti.</p> <p>Imbas Saya</p>  <p>Sahabat Alam Malaysia</p>	 <p>Menyedarkan orang ramai tentang kepentingan penjagaan alam sekitar.</p> <p>Imbas Saya</p>  <p>World Wild Fund for Nature</p>
---	---	---

Perancangan pembangunan yang kurang teliti dan aktiviti manusia seperti pertanian, pembalakan secara tidak terkawal, perlombongan serta pengangkutan telah mengakibatkan kesan buruk terhadap keseimbangan alam sekitar. Antara kesannya adalah seperti yang di bawah.



Apabila keseimbangan alam sekitar terjejas, manusia, tumbuhan dan hidupan liar tidak dapat meneruskan kehidupan. Oleh itu, semua pihak perlulah mengamalkan nilai kasih sayang, bertanggungjawab, rasional, kerjasama dan kerajinan untuk menjaga dan melindungi alam sekitar supaya keseimbangan alam sekitar dapat dikekalkan. Kita hendaklah mengubah sikap supaya kehidupan akan lebih sejahtera dan gembira. Buatlah pilihan dengan bijak dan rasional!

A. Baca dan fahami laporan di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

**GOTONG-ROYONG MEMBERSIHKAN KAWASAN
PANTAI SERI KUMBANG**

Tarikh: 13 Januari 2018 (Sabtu)

Masa: 8:00 pagi hingga 5:00 petang

Tempat: Pantai Seri Kumbang

Anjuran:

Persatuan Pendidikan Moral SMK Delima dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Matlamat:

Mewujudkan persekitaran kawasan pantai yang bersih dan bebas daripada sampah sarap.

Objektif:

1. Memupuk sikap prihatin terhadap kebersihan kawasan pantai.
2. Mewujudkan kerjasama pelbagai pihak dalam penjagaan alam sekitar.
3. Berbangga dapat mewujudkan kawasan persekitaran pantai yang bersih.

Peserta:

1. 30 orang murid
2. Lima orang guru
3. Lima orang ibu bapa (wakil PIBG)

Pelaksanaan Projek:

Sebelum bertolak ke pantai, murid-murid berhimpun di sekolah untuk mendengar taklimat daripada guru penasihat, iaitu Encik Richard Shobi tentang tugas yang perlu dilakukan. Beliau juga menasihati murid-murid supaya menjaga keselamatan semasa membersihkan pantai.

Semua murid telah dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan diketuai oleh seorang guru dan seorang wakil PIBG. Semua kumpulan telah diberi tugas untuk mengutip, mengumpulkan dan memasukkan sampah sarap ke dalam beg plastik hitam.

Selepas aktiviti gotong-royong, guru telah memberikan makanan dan minuman kepada murid-murid. Encik Richard Shobi mengucapkan terima kasih kepada semua wakil PIBG, guru dan murid yang membantu membersihkan kawasan pantai.

Murid-murid tiba di sekolah pada pukul 5:00 petang. Walaupun letih, semuanya berasa gembira kerana kawasan pantai Seri Kumbang kembali bersih dan cantik.

Disediakan oleh,



(VINHUR LIM MAO SOM)

Setiausaha Persatuan Pendidikan Moral SMK Delima

19 Januari 2018



1. Pada pendapat anda, wajarkah aktiviti gotong-royong seperti di atas diteruskan pada masa hadapan? Mengapa?
2. Andaikan anda seorang daripada peserta yang terlibat dalam aktiviti di atas. Ceritakan perasaan anda apabila dapat membantu membersihkan pantai tersebut.
3. Bagaimanakah masyarakat dapat membantu menjaga dan melindungi pantai supaya sentiasa bersih dan tidak tercemar?

B. Berdasarkan gambar di bawah, pilih satu aktiviti manusia yang boleh merosakkan dan memusnahkan alam sekitar. Kemudian, lengkapkan jadual yang diberikan. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif.



Pelepasan asap kilang






Pembuangan sampah



Pembakaran terbuka



Pembalakan

Aktiviti manusia yang merosakkan alam sekitar	Kesan aktiviti tersebut terhadap hidupan	Peranan pelbagai pihak dalam mengatasi masalah tersebut
		

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila turut melibatkan diri dalam aktiviti melindungi alam sekitar? Mengapa?

C. Adakah anda mengamalkan tingkah laku ke arah melindungi alam sekitar? Tandakan (√) pada jawapan pilihan anda.

Bil.	Penyataan	Pernah	Tidak Pernah
	Pernahkah anda		
1.	Terlibat dalam aktiviti penanaman pokok?		
2.	Mengurangkan penggunaan beg plastik?		
3.	Menggunakan kedua-dua halaman buku semasa menulis?		
4.	Membeli kertas kitar semula untuk dijadikan nota?		
5.	Menggunakan tong kitar semula?		
6.	Membawa beg sendiri untuk mengisi barang semasa membeli-belah?		
7.	Menasihati rakan supaya tidak melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan alam sekitar?		
8.	Berasa sedih apabila melihat perlakuan manusia yang menjejaskan alam sekitar?		
9.	Membuat aduan kepada pihak berkuasa tentang aktiviti manusia yang boleh menjejaskan alam sekitar?		
10.	Mengajak anggota keluarga atau rakan menyertai program alam sekitar yang dianjurkan oleh kerajaan atau badan bukan kerajaan?		

SKOR

6 hingga 10: Tahniah! Teruskan amalan anda melindungi alam sekitar.

0 hingga 5: Anda perlu meningkatkan amalan untuk melindungi alam sekitar.



1. Berikan sebab jika jawapan anda ‘Tidak Pernah’.
2. Apakah cadangan lain yang boleh anda amalkan untuk melindungi alam sekitar?

Renungan

Belajarlah, hargailah dan sayangilah alam.
Alam tidak akan mengecewakan anda.

Frank Lloyd Wright

Sekolah anda bercadang untuk mengadakan program gotong-royong untuk membersihkan dan mengindahkan kawasan sekolah. Secara berkumpulan, jalankan aktiviti yang berikut.

1. Kenal pasti satu kawasan alam sekitar yang terdapat di kawasan sekolah.
2. Bincangkan cara anda dan ahli kumpulan anda melaksanakan kerja pembersihan dan pengindahan kawasan tersebut dengan menggunakan jadual di bawah.

Program pembersihan dan pengindahan Taman Herba Sekolah		
Tugasan	Nama ahli kumpulan	Peralatan yang diperlukan
Menanam pokok bunga dan pokok herba.		
Mengecat pasu bunga dan batu perhiasan.		
Melabelkan nama pokok herba.		
		

Contoh jadual.

3. Laksanakan aktiviti tersebut.
4. Senaraikan peraturan tentang penjagaan kebersihan dan pengindahan kawasan tersebut. Pamerkan senarai peraturan secara kreatif di kawasan tersebut.



Contoh kawasan di sekolah yang boleh dilakukan aktiviti gotong-royong.

5. Buat catatan ringkas tentang pelaksanaan aktiviti tersebut berpandukan borang yang disediakan.
6. Bentangkan catatan tersebut secara kreatif untuk dikongsi dengan murid-murid lain.



BORANG CATATAN RINGKAS PELAKSANAAN AKTIVITI PEMBERSIHAN DAN PENGINDAHAN KAWASAN DI SEKOLAH

Tarikh: _____

Kawasan sekolah: _____

Senarai nama ahli kumpulan:

Tugas ahli kumpulan:

Kebaikan kepada warga sekolah:

Adakah kumpulan anda bersetuju bahawa aktiviti ini perlu diadakan pada setiap tahun?
Tandakan (✓) pada ruangan yang sesuai dan berikan sebab.

Ya	
----	--

Mengapa:

Tidak	
-------	--

Mengapa:



REFLEKSI

Jelaskan perasaan anda apabila dapat bersama-sama membersihkan dan mengindahkan kawasan sekolah.



Semua warga sekolah termasuk guru, murid, ibu bapa dan masyarakat setempat dijemput untuk menyertai program tersebut.

Aktiviti gotong-royong untuk
menceriakan kawasan sekolah.

A. Secara berpasangan, jalankan aktiviti permainan 'Wira Alam' di bawah.

CARA PERMAINAN

1 Tentukan giliran bermain menggunakan dadu.

2 Pemain pertama bebas memilih untuk memulakan permainan sama ada di lorong A atau lorong B.

3 Pemain akan meletakkan penanda mengikut laluan sehingga bertemu dengan tanda S.

4 Pemain bebas untuk memilih mana-mana soalan yang ingin dijawab.

5 Jika jawapan yang diberikan adalah betul, pemain boleh meneruskan permainan.

6 Jika gagal, pemain tidak boleh meneruskan perjalanan.

7 Pemain perlu menunggu giliran lain untuk menjawab soalan seterusnya.

8 Pemain yang terawal sampai di garisan penamat dianggap 'Wira Alam'.

A

B



Soalan.

S1

Sebagai rakyat yang _____, kita hendaklah bekerjasama untuk melindungi alam sekitar.

S2

Kita berasa _____ apabila dapat melaksanakan tanggungjawab menjaga alam sekitar dengan baik.

S3

Kita hendaklah _____ perbuatan yang menjejaskan alam sekitar kepada pihak berkuasa.

S4

Masyarakat hendaklah memulihara alam sekitar dengan _____ semula pokok yang ditebang.

S5

Pembuangan sampah dan sisa toksik akan menyebabkan alam sekitar _____ dan berbau busuk.

S6

Pelbagai _____ dijalankan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk melindungi alam sekitar.

S7

Apabila alam sekitar terpelihara, kita dapat hidup dalam suasana yang sihat, selesa dan _____.

Pilihan jawapan.

Gembira

Menanam

Sejahtera

Prihatin

Peraturan

Kitar

Tercemar

Bersih

Program

Melaporkan



Pada pendapat anda, apakah langkah yang paling berkesan untuk memastikan bencana alam akibat aktiviti manusia tidak berulang lagi? Mengapa?

B. Hasilkan sekeping poster untuk memberikan kesedaran tentang peranan anda dalam membantu melindungi alam sekitar. Pamerkan poster tersebut di dalam kelas atau di kawasan sekolah.

CONTOH POSTER YANG BOLEH DIHASILKAN



REFLEKSI

Ceritakan perasaan anda apabila semua murid di sekolah anda melibatkan diri dalam menjaga kebersihan dan keceriaan kawasan sekolah.



Murid boleh menggunakan pelbagai medium untuk menghasilkan poster seperti cat air, krayon, pensel warna dan sebagainya.

C. Berpandukan langkah-langkah di bawah, wujudkan Sudut Lestari Alam di dalam kelas dengan tanaman hidroponik sederhana.

ALATAN DAN BAHAN



LANGKAH-LANGKAH

1


Gunting botol mineral kepada dua bahagian.

2


Buat lubang pada botol mineral bahagian A dan bahagian B.

3


Buat lubang pada penutup botol dan masukkan gulungan kain flanel pada lubang tersebut.



Isi air ke dalam botol mineral bahagian B.



Masukkan botol mineral bahagian A ke dalam botol mineral bahagian B.



Masukkan tanah ke dalam botol mineral bahagian A dan tanam biji benih.

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila berjaya melakukan tanaman hidroponik? Berikan sebab.

A. Gambar di bawah menunjukkan beberapa contoh flora dan fauna yang semakin pupus.

SPESES HAMPIR PUPUS




DUGONG



BUNGA PAKMA



PENYU BELIMBING



HARIMAU KUMBANG

1. Berikan beberapa contoh aktiviti manusia yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku.
2. Wajarkah tindakan manusia yang menjejaskan hidupan tersebut dihentikan? Mengapa?
3. Huraikan cara anda boleh membantu menyelamatkan hidupan tersebut daripada pupus.
4. Bagaimanakah amalan nilai oleh anda dan masyarakat boleh melindungi hidupan tersebut?

B. Tajuk akhbar di bawah berkaitan dengan bencana alam.

Penduduk bosan isu banjir kilat

Tuntut penyelesaian terbaik atasi banjir kilat di kawasan Selayang Baru

SELAYANG - "Banjir lagi. Bila nak selesai masalah ini, evakuisasi kawasan kawasan seawah perkubatan Selayang Baru ni laman sosial Facebook yang di tapakada Awan Taman Tempay, Zaidy Abdul Talib serantau keadaan banjir lanjut kehebatan."
 Dalam laporan jam 5 petang itu beberapa kawasan sekitar Selayang Baru termasuklah jalan 19, 20, 32, 33 dan 62 diwakili air sehingga 1/3 meter sebegini setiap hari.
 Pengerusi BAKS Selayang Baru, Juman Talib berkata, beberapa jalan taruman perumahan tidak dapat dilalui selepas air longkang melimpah dari sebuah kuantu setelah memotong baris teres.
 "Hujan serantau (hujan) agak lebat dan panas. Ika hujan basin air sudah naik, usikan pada hujan lebat. Beberapa komuniti penduduk di-masuki air menjadi tembok rebah dipotong."
 "Jalan 62 antara kilang yang ter-jejak teruk disebabkan lokasi yang rendah dan lumpur dengan Sungai Ulang yang menyimpan bahan-bahan air dari arah Selayang Baru dan kawasan sekitar," katanya kepada Sinar Harian, semalam.
 Katanya, pihaknya memohon sa-poro maklumat Sungai Ulang dapat disegerakan kerana ditakutkan perantaraan tidak dalam bajet tabung badapan.
 "Sungai Ulang memang tak mampu tampung air jika hujan lebat. Mohon jabatan Siregapan dan Saliran mempergiatkan kerja pem-binaan sehingga-kurangnya dua kali seminggu di situ termasuk keng-kang utama.
 "Majlis Perbandaran Selayang juga diharapkan memulakan projek longkang sekitar Selayang Baru dan dalam masa sama mengubah jada-nan membina kawasan perumahan sebagai bagi, sampai, buca seronokan mengumpul paut dan buca sekali ber-dalam longkang-pelbagai yang teruk, katanya.
 "Tambahan lagi, pihaknya me-mohon bantuan dalam menamatkan se-gara dilakikan kerana kehebatan ha-jang takkan mengumpul musim hujan dan Selayang Baru tidak kurang dari banjir.
 Zaidy yang kini berkedai di Melaka-luar memantapkan kedai dia ber-sama isteri bu dengan perka.
 Dalam let-ur kilat surut Rawang dan b-hutan demand
 semasa langit membawa asap hitam-ma yang jelas nyata (yang menyebabkan kebulatan yang dahsyat)." (Surah al-Dukhan, ayat 10)
 merendak.
 Perkara ini telah diperjelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang ber-maksud: "Tidakkah timbul petir-petir keropok dan bola-bola bencong di dorat dan di laut dan semua itu adalah tanda-tanda Allah di-ru-ku-kan kepada orang-orang yang ber-takut." (Surah al-Baqarah, ayat 19)



Keadaan jalan Selayang Baru yang dilanda air.



Jerebu tindak balas kerakusan manusia

Larangan potong pokok, pembaikan air

Perkara ini telah diperjelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud: "Tidakkah timbul petir-petir keropok dan bola-bola bencong di dorat dan di laut dan semua itu adalah tanda-tanda Allah di-ru-ku-kan kepada orang-orang yang ber-takut." (Surah al-Baqarah, ayat 19)



Terangkan peranan pelbagai pihak dalam menangani masalah tersebut.

UNIT 10

GAYA HIDUP SIHAT DAN SELAMAT MENJAMIN KEHARMONIAN BERSAMA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- gaya hidup sihat dan selamat
- aktiviti gaya hidup sihat dan selamat
- kesan amalan gaya hidup sihat dan selamat
- amalan gaya hidup sihat dan selamat demi kesejahteraan hidup
- perasaan apabila mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat
- gaya hidup sihat dan selamat dalam kehidupan seharian

Cadangan Nilai:

- Harga diri
- Kerajinan
- Bertanggungjawab
- Berdikari
- Kesederhanaan

Gaya hidup sihat bermaksud amalan masyarakat yang mengutamakan penjagaan kesihatan badan serta pencegahan penyakit. Dengan usaha yang berterusan, kita dapat melahirkan rakyat yang sihat, cergas, sejahtera dan bebas daripada penyakit.

Isu gaya hidup masyarakat sekarang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Dalam masyarakat yang harmoni, warganya perlulah sihat tubuh badan dan bebas dari aspek negatif. Yang berikut ialah aktiviti dan amalan gaya hidup sihat dan selamat.



Melakukan pemeriksaan kesihatan pada setiap tahun untuk mengetahui tahap dan keadaan kesihatan diri.

**MEMBUAT
PEMERIKSAAN
KESIHATAN**

**MELAKUKAN
AKTIVITI
SENAMAN**

Melakukan aktiviti senaman supaya badan cergas dan minda cerdas.



Mengambil makanan yang mengandungi nutrien seperti karbohidrat, protein, lemak, vitamin serta garam galian.

**MAKAN
MAKANAN
SEIMBANG**

**MENDAPATKAN
REHAT YANG
CUKUP**


Mendapatkan rehat dan tidur yang secukupnya untuk memulihkan tenaga yang digunakan sepanjang hari.



Imbas Saya



Infosihat




Menjaga kebersihan diri dengan mandi setiap hari dan membersihkan tangan sebelum makan.

MENJAGA KEBERSIHAN DIRI

SENTIASA BERFIKIRAN POSITIF

Menjaga akhlak dan berfikiran positif. Oleh itu, tekanan hidup dapat dikawal secara bijaksana.



Menjaga kebersihan persekitaran untuk mengelakkan penyakit seperti demam denggi dan cirit-birit.

MENJAGA KEBERSIHAN PERSEKITARAN

AMALAN IBADAT DAN MEDITASI

Amalan ibadat dan meditasi akan menenangkan fikiran. Oleh itu, aktiviti harian dapat dilaksanakan dengan baik.



Menjauhi dadah, rokok dan alkohol.

BEBAS DARIPADA PENGUNAAN BAHAN TERLARANG

Renungan

Tidur awal dan bangun awal menganugerahkan kesihatan yang baik dan minda yang cerdas kepada seorang insan.

Benjamin Franklin

Imbas Saya



Gaya Hidup Sihat


Aktiviti tersebut perlu diamalkan bagi mendapatkan kehidupan yang sihat dan berkualiti. Amalan gaya hidup sihat akan memberikan kesan baik untuk diri dan masyarakat. Antara kesannya kepada diri adalah seperti yang berikut.

KESAN GAYA HIDUP SIHAT DAN SELAMAT KEPADA DIRI



Kesan gaya hidup sihat kepada masyarakat pula adalah seperti yang berikut.

KESAN GAYA HIDUP SIHAT KEPADA MASYARAKAT



Kesimpulannya, setiap individu perlu ada kesedaran tentang amalan gaya hidup sihat dan selamat serta merancang aktiviti harian dengan bijak untuk kebaikan diri, keluarga dan masyarakat. Marilah kita mempraktikkan nilai seperti harga diri, kerajinan, bertanggungjawab, berdikari dan kesederhanaan sebagai amalan harian. Dengan itu, anggota masyarakat akan berasa gembira dan hidup akan bahagia.

A. Baca dan fahami amalan gaya hidup sihat dan selamat seperti yang di bawah.

KAMI MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT DAN SELAMAT

Kami sekeluarga sentiasa melakukan aktiviti riadah bersama-sama. Biasanya, kami akan berjoging dan berbasikal di taman rekreasi.

Kawasan kejiranan kami menjemput pegawai dari klinik kesihatan dan badan bukan kerajaan untuk mengadakan pemeriksaan kesihatan bagi penduduk kejiranan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Kami sekeluarga sentiasa berfikiran positif, tidak meninggalkan amalan ibadat dan membaca buku-buku motivasi. Saya dan rakan-rakan juga sentiasa mendengar nasihat ibu bapa dan guru kami.

Saya dan rakan-rakan sentiasa menjaga keselamatan diri dengan mempelajari seni pertahanan diri supaya dapat menyelamatkan diri apabila berhadapan dengan ancaman orang luar.

Saya dan jiran-jiran sentiasa bergotong-royong untuk menjaga kebersihan tempat tinggal. Kami juga memastikan kawasan kejiranan sentiasa bersih dan tiada air yang bertakung.



1. Bagaimanakah anda dan rakan-rakan mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat?
2. Jelaskan perasaan anda apabila anda dan masyarakat sekeliling mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat.



B. Baca dan fahami aktiviti kawasan kejiranan Sri Wangsa.

**CONTOH JADUAL AKTIVITI
KAWASAN KEJIRANAN SRI WANGSA
BULAN JUN HINGGA OKTOBER**


TARIKH	AKTIVITI
10 Jun	Senamrobik
24 Jun	Pemeriksaan kesihatan
8 Julai	Kempen derma darah
22 Julai	Gotong-royong perdana
12 Ogos	Aktiviti sukaneka
26 Ogos	Jogathon
9 September	Senaman taici dan yoga
23 September	Minggu kesedaran tentang bahaya penyakit kencing manis
14 Oktober	Kempen bahaya demam denggi
28 Oktober	Hari keluarga



Secara berkumpulan,

- (i) Senaraikan aktiviti kemasyarakatan yang menekankan gaya hidup sihat yang biasanya diadakan di kawasan komuniti anda. Bentangkannya dalam bentuk jadual.
- (ii) Nyatakan kepentingan aktiviti gaya hidup sihat dan selamat kepada komuniti kejiranan anda.

C. Baca dan fahami rajah tentang sebab dan akibat ketagihan bahan terlarang.



Peta pemikiran sebab dan akibat ketagihan bahan terlarang.



Secara berkumpulan,

- (i) Adakan sesi sumbang saran tentang cara anda menjauhkan diri daripada dadah, rokok dan alkohol.
- (ii) Lakonkan cara anda menasihati rakan anda yang terlibat dengan ketagihan rokok.



INFO

KETAGIHAN PEROKOK DALAM KALANGAN REMAJA TAHUN 2016

Peratus perokok semasa	11.7%
Peratus remaja yang pernah merokok	21.4%
Peratus perokok semasa yang berumur 13-15 tahun	14.8%
Peratus remaja yang mula merokok sebelum umur 14 tahun dari kalangan remaja yang pernah merokok	78.7%

Sumber: Tobacco and E-cigarette Survey among Malaysian Adolescents (TECMA) 2016, Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia

A. Baca dan fahami maklumat di bawah.

Indeks Jisim Tubuh (IJT) atau *Body Mass Index* (BMI) merupakan kaedah untuk mengetahui status berat badan seseorang. IJT atau BMI perlulah berada dalam lingkungan yang sihat. Berat badan yang sihat dapat dikekalkan dengan menyeimbangkan antara pengambilan makanan dengan aktiviti fizikal. Pengambilan makanan secara berlebihan boleh membawa kepada masalah obesiti. Obesiti merupakan antara penyebab utama kepada beberapa jenis penyakit seperti diabetes, penyakit jantung, darah tinggi dan beberapa jenis kanser. Masalah kurang berat badan pula boleh menyumbang kepada masalah kesihatan seperti anemia dan kurang kepadatan jisim tulang.

Oleh itu, pantau berat badan untuk mengetahui status berat anda. Klasifikasi berat badan boleh dikenal pasti dengan merujuk kepada carta pertumbuhan WHO 2007, BMI–untuk–umur 5–19 tahun mengikut jantina.

Cara untuk mengetahui status berat badan adalah seperti yang berikut:

1. Timbang berat badan dalam unit kilogram (kg) dan tinggi dalam unit meter (m).
2. Kira umur dalam tahun dan bulan (contohnya 14 tahun 4 bulan).
3. Kira BMI menggunakan formula yang berikut.

Formula untuk mengira BMI
(Body Mass Index)

$$\text{BMI} = \frac{\text{Berat badan (kg)}}{\text{Tinggi (m)} \times \text{Tinggi (m)}}$$

Contoh pengiraan BMI:

$$\begin{aligned} \text{BMI} &= \frac{50 \text{ kg}}{1.5 \text{ m} \times 1.5 \text{ m}} \\ &= 22.2 \text{ kg/m}^2 \end{aligned}$$

Imbas Saya



Carta BMI

Setelah mendapat nilai BMI, plot pada carta pertumbuhan WHO 2007, BMI–untuk–umur mengikut jantina. Setelah memplot BMI pada carta pertumbuhan, anda boleh merujuk kepada kategori seperti dalam *QR code* untuk mengetahui status berat badan anda.

Sumber: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia



- (i) Buat pengiraan BMI terhadap lima orang rakan sekelas anda dan sediakan satu jadual mudah tentang tahap obesiti dalam kalangan mereka. Kongsikan hasil dapatan anda bersama-sama rakan tersebut.
- (ii) Secara berkumpulan, bincangkan kebaikan jika obesiti kepada diri dan keluarga anda dapat dielakkan.
- (iii) Huraikan cara-cara untuk mengelakkan obesiti kepada diri dan keluarga anda.

B. Baca dan fahami statistik kes demam denggi di Malaysia.

KES DEMAM DENGGI (1 JANUARI 2017 - 1 JULAI 2017)

NEGERI	KES HARIAN (1 JULAI 2017)	JUMLAH KES TERKUMPUL (1 JANUARI 2017 - 1 JULAI 2017)
Johor	24	3920
Kedah	0	871
Kelantan	5	1643
Melaka	0	806
Negeri Sembilan	11	2169
Pahang	2	980
Perak	14	4065
Perlis	1	112
Pulau Pinang	2	1204
Sabah	10	991
Sarawak	1	639
Selangor	166	27 089
Terengganu	0	164
WP Kuala Lumpur & Putrajaya	34	5050
WP Labuan	0	23
MALAYSIA	270	49 726

Sumber: Bilik Gerakan CPRC, Kementerian Kesihatan Malaysia (2017)



Secara berkumpulan, bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.

Langkah-langkah yang boleh anda dan kejiran anda ambil untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes		Kesan daripada langkah-langkah yang telah diambil	
1.		1.	
2.		2.	
3.		3.	
4.		4.	

REFLEKSI

Nyatakan perasaan anda apabila kawasan perumahan anda bebas daripada wabak demam denggi.



Guru membimbing murid memahami statistik kes demam denggi.

Imbas Saya



Denggi

Ihsan: Ketua Pengarah Kesihatan

C. Sekolah anda bercadang untuk mengadakan pameran mini bersempena dengan Minggu Kesihatan. Secara berkumpulan, sediakan bahan pameran mini tentang pengurusan stres.



Imbas Saya



Hari Kesihatan Sedunia

PENGURUSAN STRES

FAKTOR DALAMAN

- Kurang keyakinan diri
- Berasa rendah diri
- Mudah putus asa
- Ingin yang terbaik
- Mengharapkan penghargaan
- Tidak mampu memenuhi kehendak orang lain

FAKTOR LUARAN

- Perbezaan budaya
- Masalah ekonomi
- Perubahan gaya hidup
- Suasana sekeliling
- Kaum keluarga (ibu bapa, adik-beradik, saudara-mara)
- Sahabat, rakan, jiran

TANDA-TANDA TEKANAN

PERUBAHAN FIZIKAL	PERUBAHAN EMOSI	PERUBAHAN SIKAP
➢ Sakit	➢ Sensitif	➢ Mudah bosan
➢ Letih dan lesu	➢ Rtsau, bimbang	➢ Cepat marah
➢ Tidak ceria	➢ Cemburu	➢ Bersikap negatif

KESAN TEKANAN

POSITIF	NEGATIF
➢ Kecemerlangan diri	➢ Sensitif
➢ Kuat berusaha	➢ Rendah diri
➢ Optimis	➢ Mudah marah
➢ Keyakinan diri	➢ Resah
➢ Perubahan positif	➢ Prestasi menurun



Berdasarkan jadual agihan tugas di bawah, sediakan bahan tentang pengurusan stres dalam kalangan remaja. Hasilkan bahan pameran dalam bentuk grafik secara kreatif. Kemudian, adakan pameran mini di dalam kelas.

Kumpulan 1	Definisi stres dan jenis stres.
Kumpulan 2	Faktor-faktor berlakunya stres.
Kumpulan 3	Kesan stres pada diri, keluarga dan masyarakat.
Kumpulan 4	Cara mengatasi stres dalam kalangan remaja dan masyarakat.

Lakukan sumbang saran tentang cara mengamalkan gaya hidup sihat tanpa stres dalam kehidupan seharian.

D. Baca dan fahami maklumat tentang penjagaan kesihatan gigi di bawah.



Secara berpasangan, lakukan temu bual tentang cara rakan anda menjaga kesihatan gigi.

Contoh soalan temu bual.

1. Maksud penjagaan gigi.
2. Kekerapan memberus gigi.
3. Cara-cara penjagaan gigi yang diamalkan.
4. Kekerapan melakukan pemeriksaan gigi.
5. Keadaan kesihatan gigi.
6. Kepentingan penjagaan kesihatan gigi.



Laporkan hasil temu bual anda dengan rakan anda tentang perkara yang berikut.

1. Kesedaran tentang kepentingan melakukan pemeriksaan kesihatan gigi.
2. Kesan penjagaan kesihatan gigi yang teratur kepada diri.
3. Amalan penjagaan kesihatan gigi dalam keluarga.



Bentangkan dapatan anda dalam bentuk peta pemikiran secara kreatif.




Bagaimanakah amalan gaya hidup sihat dapat diterapkan dalam kalangan generasi muda sekarang yang lebih mementingkan gaya hidup moden?

Imbas Saya



Bahagian Kesihatan Pergigian

A. Berdasarkan gambar di bawah, secara berkumpulan, bincangkan kepentingan amalan gaya hidup sihat dan selamat.



Diri



Rakan-rakan



Keluarga



Kawasan kejiranan



Warga sekolah



Ceritakan cara anda mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat.

B. Borang kaji selidik di bawah menunjukkan amalan pemakanan murid pada setiap hari. Adakah anda mengamalkan pemakanan seimbang? Tandakan ‘Ya’ atau ‘Tidak’ pada pernyataan yang berikut untuk mengetahui amalan pemakanan anda.

Bahagian A: Maklumat peribadi murid

Jantina: 1. Lelaki 2. Perempuan

Tingkatan: _____

Bahagian B: Pengetahuan tentang amalan pemakanan sihat

Bil.	Penyataan	Ya	Tidak
1.	Saya bersarapan sebelum ke sekolah.		
2.	Saya mengelak makanan segera untuk sarapan.		
3.	Saya mengamalkan makan makanan seimbang.		
4.	Saya mengurangkan makanan manis.		
5.	Saya suka makan sayur-sayuran.		
6.	Saya tidak mengamalkan makan lewat malam.		
7.	Saya suka makan makanan berebus berbanding dengan makanan bergoreng.		
8.	Saya suka makan buah-buahan.		
9.	Saya minum lapan gelas air bersih pada setiap hari.		
10.	Saya mengurangkan makanan berlemak.		
KEPUTUSAN			

SKOR

Sekiranya jumlah ‘Ya’ ialah:

8 hingga 10: Syabas! Anda mengamalkan pemakanan sihat.

0 hingga 7: Anda perlu meningkatkan amalan pemakanan sihat.

Imbas Saya



Piramid Makanan

A. Pernyataan di bawah menerangkan tentang gaya hidup dua orang adik-beradik.

Vicky ialah seorang remaja yang suka bersenam pada setiap hari. Dia juga mengamalkan pemakanan seimbang untuk menjaga kesihatan badannya. Sementara itu, adiknya, Karen suka makan makanan bergoreng dan tidak suka melakukan aktiviti senaman. Ibu bapa mereka juga selalu menasihati Karen yang suka menghabiskan masa dengan menonton televisyen.

1. Ramalkan kesan yang akan berlaku jika Karen terus mengamalkan gaya hidup seperti yang di atas.
2. Nyatakan kebaikan yang diperoleh jika kita mengamalkan gaya hidup sihat seperti Vicky.
3. Andaikan anda Vicky, bagaimanakah anda membantu Karen dalam menjalani gaya hidup sihat dan selamat?
4. Bagaimanakah amalan nilai oleh masyarakat membantu dalam meningkatkan gaya hidup sihat dan selamat?

B. Jadual di bawah menunjukkan statistik penyakit rakyat Malaysia.

PERATUSAN PENYAKIT PENDUDUK MALAYSIA, DEWASA (≥ 18 TAHUN), 2015	
Kolesterol tinggi	47.7%
Tekanan darah tinggi	30.3%
Kencing manis	17.5%
Menghidapi satu penyakit di atas	61.3%
Menghidapi dua penyakit di atas	26.3%
Menghidapi tiga penyakit di atas	7.2%

Sumber: National Health and Morbidity Survey 2015, Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia



Bincangkan cara-cara untuk mengurangkan jumlah pesakit dalam kalangan masyarakat dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

ADAB DI TEMPAT AWAM DIJAGA, NIKMAT HIDUP DIRASAI BERSAMA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- tempat-tempat awam
- cara beradab di tempat awam
- kepentingan beradab di tempat awam
- amalan beradab dan tidak beradab di tempat awam
- perasaan beradab di tempat awam berdasarkan kepada situasi
- amalan beradab di tempat awam

Cadangan Nilai:

- Hemah tinggi
- Kesederhanaan
- Harga diri
- Rasional
- Kebebasan

Tempat awam ialah suatu tempat yang umumnya terdapat ramai orang berkumpul untuk melakukan sesuatu aktiviti. Prasarana atau kemudahan di tempat awam biasanya akan diselenggarakan oleh pihak kerajaan atau swasta untuk kebaikan bersama. Yang berikut ialah contoh tempat awam yang terdapat di negara kita.



Imbas Saya



Cara menjaga
kebersihan

Kita perlu menghindari perlakuan tidak beradab di tempat awam seperti membuang sampah merata-rata, memakai pakaian yang tidak sopan dan tidak menggunakan kemudahan yang disediakan dengan baik. Perlakuan tidak beradab ini hanya akan mencemarkan tempat awam dan menyebabkan pengunjung berasa tidak selesa.

PERLAKUAN BERADAB DI TEMPAT AWAM



Memakai pakaian sopan dan sesuai.



Berkelakuan sopan di tempat awam.



Membuang sampah ke dalam tong sampah.



Menggunakan kemudahan awam dengan baik.

Hedonistik merupakan perlakuan tidak beradab. Individu yang bertingkah laku hedonistik biasanya melakukan perkara negatif di tempat awam demi keseronokan dan kepuasan hidup mereka. Hal ini akan mengganggu pengunjung lain yang berada di tempat awam tersebut. Akibatnya, tempat tersebut tidak akan dikunjungi oleh orang ramai lagi.



INFO

Hedonisme ialah pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan hidup. Dengan erti lain, mereka yang mengamalkannya bersikap hedonistik kerana beranggapan bahawa kesenangan dan kenikmatan merupakan tujuan hidup.

Kita mestilah menjaga adab ketika berada di tempat awam kerana apa-apa sahaja yang kita lakukan akan mencerminkan akhlak dan sikap kita. Contohnya, mematuhi peraturan yang terdapat pada papan tanda ketika berada di tempat awam. Individu yang mempraktikkan amalan beradab di tempat awam akan dihormati dan disegani oleh masyarakat.



Sikap menjaga adab di tempat awam ini hendaklah dihayati dan diamalkan oleh setiap individu. Amalan beradab di tempat awam mempunyai kepentingan yang banyak termasuklah seperti yang di bawah.

KEPENTINGAN BERADAB DI TEMPAT AWAM

Menjimatkan perbelanjaan penyelenggaraan.

Kemudahan awam boleh digunakan dalam jangka masa yang lama.

Kemudahan selesa dan selamat digunakan.

Meningkatkan imej negara.

Melatih diri berdisiplin dan mematuhi peraturan.

Semua pihak hendaklah berganding bahu dan bersatu tenaga dalam usaha untuk mengekalkan keharmonian tempat awam. Yang berikut ialah beberapa contoh perlakuan beradab dan tidak beradab di tempat awam.

Perlakuan beradab di tempat awam

1. Menggunakan harta benda awam dengan baik.
2. Menggunakan tong sampah yang disediakan.
3. Menjaga adab dan kelakuan di tempat awam.
4. Menggunakan air di tandas mengikut keperluan.
5. Memberikan laluan kepada orang ramai.

Perlakuan tidak beradab di tempat awam

1. Merosakkan harta benda awam atau vandalisme.
2. Membuang sampah di merata-rata tempat.
3. Pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan tanpa batasan.
4. Membiarkan pili air tidak ditutup selepas menggunakannya.
5. Menghalang laluan orang ramai.

Amalan beradab di tempat awam merupakan aspek yang amat penting untuk menjamin kelestarian dan keharmonian masyarakat. Amalan beradab di tempat awam perlu diutamakan dalam kehidupan setiap individu demi kebaikan dan kesejahteraan semua.

1

Saya amat gembira dan bangga apabila dapat menjadi seorang rakyat yang menjaga adab ketika berada di tempat awam.

3

Kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan di tempat awam seperti di tempat menunggu bas ini. Kita tidak boleh menconteng dinding, membuang sampah merata-rata dan melakukan perkara lain yang boleh mendatangkan kerosakan.

2

Betul kata kamu, Siew. Selain itu, kita dapat menjimatkan perbelanjaan negara daripada membaiki pulih tempat awam yang rosak akibat tindakan segelintir individu yang tidak bertanggungjawab.

4

Ya, saya setuju. Apabila tempat awam ini bersih dan selesa, imej masyarakat dan negara akan meningkat.


Adab di tempat awam perlulah dijaga kerana hal tersebut mencerminkan peribadi yang dimiliki oleh seseorang individu. Oleh itu, kita perlu sentiasa mengamalkan nilai berhemah tinggi, kesederhanaan, harga diri dan rasional ketika berada di tempat awam supaya tempat awam terjaga dan masyarakat gembira menggunakan kemudahan yang disediakan.



INFO

Kelestarian merujuk kepada keadaan atau persekitaran yang tidak berubah atau terpelihara seperti asal.

A. Teliti dan fahami keratan akhbar di bawah.



Cari maklumat dan kenal pasti tingkah laku positif dan negatif di tempat awam daripada keratan akhbar yang lain. Kemudian, lengkapkan jadual di bawah.

Tingkah Laku di Tempat Awam	
✓ Tingkah Laku Positif	× Tingkah Laku Negatif
Membuang sampah ke dalam tong sampah.	Menconteng dinding tandas awam.

REFLEKSI

Wajarkah seseorang itu bertingkah laku tidak beradab di tempat awam? Mengapa?



INFO

Vandalisme ialah perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian.

B. Teliti dan fahami gambar di bawah dan jalankan aktiviti yang berikut.



Secara berkumpulan, laksanakan sumbang saran berdasarkan perkara di bawah. Bentangkan hasil sumbang saran kumpulan secara kreatif.

Imbas Saya



Hospital Putrajaya

Cara beradab
di hospital.

Keperluan
beradab
di hospital.

C. Yang berikut ialah beberapa adab masyarakat di tempat awam yang boleh dicontohi. Baca petikan dan jawab soalan yang berikut.


SIKAP MASYARAKAT DI TEMPAT AWAM YANG PATUT DICONTOHI

MENJAGA KEBERSIHAN

Tempat awam di negara Jepun seperti tandas, perhentian bas, taman permainan dan lain-lain sangat bersih. Masyarakat Jepun tidak membuang sampah merata-rata, malah mengutip sampah yang dijumpai dan membuangnya ke dalam tong sampah. Masyarakat Jepun turut mendidik anak-anak mereka sejak kecil untuk menjaga kebersihan. Contohnya, murid-murid dilatih membersihkan kelas, tandas dan kawasan sekolah.

MENGHORMATI ORANG LAIN

Masyarakat Malaysia sememangnya terkenal dengan sikap sopan dan menghormati orang lain. Begitu juga sikap sopan mereka kepada pelancong asing. Setiap kali masuk ke kedai, kita akan mendengar pekerja-pekerjanya mengucapkan 'selamat datang' dan apabila keluar pula, kita akan menerima ucapan 'terima kasih' dan 'datang lagi'.



TIDAK MEROKOK DI TEMPAT AWAM

Masyarakat Singapura yang merokok tidak akan merokok di tempat awam dan kawasan terbuka kerana dikatakan kurang beradab. Mereka akan merokok di tempat dan ruang yang dihaskan sahaja. Mereka bangga apabila mematuhi peraturan yang ditetapkan.



1. Jelaskan pengajaran yang diperoleh daripada sikap masyarakat tiga negara tersebut.
2. Sebagai murid, nyatakan amalan beradab yang boleh dipraktikkan di tempat awam.
3. Bincangkan amalan baik yang boleh dicontohi daripada masyarakat Malaysia, Singapura dan Jepun.

A. Secara berkumpulan, jalankan perbahasan yang bertajuk ‘Adab dan Budaya Generasi Lama dan Generasi Baharu’. Bahaskan.

PANDUAN ISI PIHAK PENCADANG

- Generasi lama lebih patuh dengan adab di tempat awam berbanding dengan generasi baharu.
- Generasi lama lebih menitikberatkan adab dan budaya dalam kehidupan.
- Generasi lama akur akan peraturan yang ditetapkan di tempat awam yang melambangkan jati diri dalam masyarakat.

- Generasi baharu juga akur akan adab di tempat awam dengan tidak merosakkan harta benda di tempat awam.
- Generasi baharu suka meluangkan masa di tempat awam untuk berjumpa rakan-rakan dan bersosial secara sihat.
- Hubungan generasi baharu dengan rakan dan keluarga lebih akrab dengan adanya aplikasi rangkaian sosial.

PANDUAN ISI PIHAK PEMBANGKANG



Berdasarkan perbahasan tersebut, apakah pendapat anda tentang hujah kedua-dua pihak? Apakah pendirian anda?

Ihsan: Sekolah Seni Sarawak



Guru meminta murid mencari maklumat lain yang berkaitan selain daripada isi di atas.

B. Buat pemerhatian tentang perlakuan beradab dan tidak beradab di tempat awam yang dipilih. Lengkapkan borang di bawah yang berkaitan dengan perlakuan yang anda perhatikan di lokasi tinjauan.

Panduan Menjalankan Pemerhatian

- Lakukan pemerhatian di tempat awam seperti perhentian bas, pasar raya dan sebagainya.
- Tingkah laku yang diperhatikan bergantung pada lokasi yang dipilih.
- Buat ulasan keseluruhan tentang pemerhatian yang dijalankan.

Nama: _____
 Lokasi: _____
 Tarikh: _____

Bil.	Item/Tingkah Laku	Pemerhatian
1.	Cara perlakuan	
	1.1 Ketika menunggu giliran.	
	1.2 Ketika membuang sampah.	
	1.3	
	1.4	
2.	Penampilan	
	2.1 Cara berpakaian.	
	2.2 Kebersihan diri.	
	2.3	
	2.4	
3.	Percakapan	
	3.1 Tutur kata.	
	3.2 Nada suara.	
	3.3	
	3.4	
4.	Lain-lain	
	4.1	
	4.2	
	4.3	
Ulasan daripada pemerhatian yang dijalankan:		



Bentangkan ulasan daripada pemerhatian anda dan cadangkan cara untuk meningkatkan tingkah laku beradab di tempat awam.



Banyakkan borang mengikut bilangan murid di dalam kelas.

C. Bincangkan dan lakonkan cara anda menunjukkan tingkah laku beradab di tempat awam berdasarkan situasi di bawah.



SITUASI 1

Anda ternampak seorang perempuan tua berada di dalam bas.

Anda berada di kawasan larangan merokok.

SITUASI 2



SITUASI 3

Anda dan rakan anda sedang berbaris untuk membeli tiket bas.

Berdasarkan aktiviti lakonan tersebut, lengkapkan jadual di bawah.

Situasi	Cara beradab di tempat awam	Kebaikan beradab di tempat awam	Perasaan jika beradab di tempat awam	Nilai yang saya amalkan

REFLEKSI

Adakah anda menunjukkan tingkah laku beradab ketika berada di tempat awam? Fikirkan.

A. Adakah anda beradab di tempat awam? Tandakan (✓) pada amalan beradab di tempat awam yang anda lakukan.

Bil.	Perlakuan	Skala		
		1	2	3
1.	Mengelak daripada meludah sesuka hati di tempat awam.			
2.	Memberikan tempat duduk kepada wanita mengandung.			
3.	Sentiasa memberikan senyuman.			
4.	Membuang sampah ke dalam tong sampah.			
5.	Memakai pakaian yang sopan dan sesuai di khalayak ramai.			
6.	Menjauhi perlakuan menconteng dinding tempat menunggu bas.			
7.	Beratur untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan.			
8.	Mematuhi papan tanda di tempat awam.			
9.	Meletakkan pinggan dan cawan di tempat yang disediakan selepas makan.			
10.	Mengawal suara ketika berbual bersama-sama rakan.			

1 Tiada

2 Kadang-kadang

3 Selalu

SKOR


17 hingga 30: Anda seorang yang beradab di tempat awam. Kekalkan perlakuan anda.

Kurang daripada 16: Anda perlu meningkatkan amalan beradab di tempat awam. Latih diri untuk mengamalkan tingkah laku beradab di tempat awam dengan sebaiknya.



Bincangkan cara untuk melatih diri anda mengamalkan tingkah laku beradab di tempat awam.

B. Berdasarkan perkataan di bawah, hasilkan satu slogan kreatif dengan menggabungkan beberapa perkataan untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya tingkah laku beradab di tempat awam. Pamerkan slogan tersebut di hadapan kelas.



- A. Gambar di bawah menunjukkan kesan daripada tingkah laku tidak beradab yang dilakukan di tempat awam.



1. Apakah perasaan anda apabila melihat segelintir individu yang tidak beradab di tempat awam? Jelaskan.
2. Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda mempraktikkan tingkah laku beradab di tempat awam?
3. Nyatakan kepentingan tingkah laku beradab di tempat awam.
4. Ramalkan perkara yang akan berlaku sekiranya masyarakat tidak beradab di tempat awam.
5. Bagaimanakah amalan nilai mampu melahirkan masyarakat yang beradab di tempat awam?

- B. Gambar di bawah merujuk kepada gejala hedonisme yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat pada masa ini, khususnya di tempat awam.



Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan budaya negatif ini? Huraikan.

ETIKA DAN UNDANG-UNDANG SIBER MEMBANTU PEMBENTUKAN JATI DIRI

Dalam unit ini, saya belajar tentang:


- etika semasa berkomunikasi dalam alam siber
- etika dan undang-undang siber
- kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber
- kesan penggunaan Internet secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber
- perasaan apabila mematuhi etika dan undang-undang siber
- tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam alam siber



Cadangan Nilai:

- Bertanggungjawab
- Harga diri
- Patriotisme
- Hemah tinggi
- Kesederhanaan

Alam siber ialah alam yang berkait rapat dengan komputer dan Internet seperti yang ditunjukkan dalam peta pemikiran di bawah.



Peta Pemikiran Alam Siber.

Memandangkan remaja merupakan antara golongan yang banyak menghabiskan masa di alam siber, anda perlu mengetahui etika semasa berkomunikasi dalam alam siber.

ETIKA YANG BOLEH DIAMALKAN SEMASA BERKOMUNIKASI DALAM ALAM SIBER

- Menggunakan bahasa yang sopan.
- Tidak memuat naik gambar atau komen yang tidak senonoh.
- Tidak berkongsi atau menyebarkan keburukan orang lain.
- Tidak menghina, mencela, menyindir, mahupun melemparkan tuduhan yang tidak berasas kepada orang lain.
- Tidak menyebarkan maklumat yang belum pasti kesahihannya.
- Mematuhi akta undang-undang siber.



Selain etika, kerajaan telah menggubal undang-undang siber untuk mengawal pengguna Internet agar tidak melakukan kesalahan semasa menggunakan media siber. Antaranya termasuklah Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Jenayah Komputer 1997.

Undang-undang siber ini bertujuan untuk melindungi pengguna yang menjadi mangsa jenayah siber, penyalahgunaan Internet, pencurian data dan sebagainya. Penjenayah siber pula akan dibawa ke muka pengadilan untuk didakwa dan dijatuhi hukuman.

Oleh itu, pengguna lain akan lebih berhati-hati ketika menggunakan media siber. Walaupun etika dan undang-undang siber bertujuan untuk memberikan garis panduan dan mengawal selia penggunaan Internet, namun kedua-duanya berbeza antara satu sama lain.

PERBEZAAN ANTARA ETIKA DENGAN UNDANG-UNDANG SIBER

ETIKA

- Garis panduan untuk pengguna media siber.
- Tiada hukuman dikenakan.
- Dianggap tidak bermoral jika tidak mematuhi etika.



UNDANG-UNDANG SIBER

- Peraturan untuk mengawal pengguna media siber.
- Boleh dikenakan hukuman jika tidak mematuhi undang-undang yang ditetapkan.
- Digelar sebagai penjenayah siber jika menyalahi undang-undang.

Imbas Saya



Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Penyebarkan maklumat palsu sehingga cetus masalah harus dijel di penjara khas

Guna media sosial dengan swarat

KUALA LUMPUR - Badan-badan bukan kerajaan dan pakar akademik menentang kerajaan menggunakan kaedah khas bagi membolehkan maklumat palsu bagi membolehkan maklumat palsu.

Bagi Ketua Penerangan Is Belia Malaysia, Muhammad Rizan, kesedaran yang berlaku Low Yat jelas berpancain di periorientan maklumat media sosial sehingga di along kemarahan banyak.

"Maklumat palsu yang di secara bebas di media sosial Sabtu lalu mengurangkan m"

Jenayah siber kini meningkat

PADANG MAT SIRAT - Masyarakat di negara ini mudah ditipu sindiket siber kerana tahap kesedaran masih rendah berhubung teknologi maklumat (IT) dan pendedahan terhadap jenayah siber.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Wira Sued, Laili, Sued, Azizah

“Penggunaan komputer dan telefon bimbit kini meningkat sekaligus memudahkan operasi sindiket untuk menipu orang ramai.”

ratus sejak tahun 2005.

“Penggunaan kompu-

katanya, selepas tamat perbarisan latihan kursus asas

waspada dengan taktik licik sindiket berkenaan.

“Dan diharap jangan sekali mempercayai secara membuta tuli apa yang ditawarkan menerusi Internet mahupun siber,” katanya kepada Sinar Harian.


Syed Ismail berkata, pihaknya turut meminta kerjasama orang ramai, ter-

Walau bagaimanapun, etika dan undang-undang siber perlu dipatuhi semasa menggunakan media siber. Banyak kepentingannya jika etika dan undang-undang siber dipatuhi seperti yang di bawah.



Tidak dapat dinafikan bahawa Internet telah menjadi satu daripada media terpenting dalam kehidupan manusia pada masa ini. Namun, terdapat segelintir pihak yang menggunakannya secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber. Mereka sanggup melakukan jenayah siber seperti penipuan siber, penggodaman dan penyebaran berita palsu, fitnah serta hasutan yang boleh menjatuhkan maruah seseorang atau imej sesebuah negara.

KESAN TINDAKAN TIDAK BERETIKA DAN MENYALAHU UNDANG-UNDANG SIBER



Kesimpulannya, semua pihak perlu mematuhi etika dan undang-undang siber. Dengan mengamalkan nilai bertanggungjawab, harga diri, patriotisme, hemah tinggi dan kesederhanaan semasa berkomunikasi dalam alam siber, kita dapat hidup dalam suasana yang lebih tenang, aman dan sejahtera.

A. Fahami perbualan di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.



1 Saya sangat terkejut apabila membaca berita tentang seorang remaja lelaki yang sanggup memfitnah rakannya dan menularkan fitnah tersebut secara meluas di media sosial.

2 Betul. Kasihan rakannya yang kena fitnah. Menurut berita tersebut, rakannya itu mengalami tekanan emosi yang teruk dan hampir membunuh diri.

3 Bukan itu sahaja. Dua hari lepas, saya terbaca berita tentang seorang remaja perempuan yang menghina rakannya dengan kata-kata kesat seperti bodoh, gemuk dan hodoh. Ada juga remaja yang menggunakan akaun e-mel palsu untuk menghantar mesej lucah kepada rakan-rakannya.

4 Mereka tidak memikirkan kesannya terhadap orang lain. Saya amat berharap remaja tersebut akan insaf dan sedar bahawa tindakan mereka itu tidak beretika.



1. Wajarkah tindakan remaja tersebut memfitnah rakannya? Mengapa?
2. Jika anda merupakan mangsa dalam situasi tersebut, apakah tindakan anda untuk mengatasi masalah tersebut?
3. Apakah etika yang patut dipatuhi oleh semua pihak agar kejadian tersebut dapat dihentikan?

Renungan

Terlajak perahu boleh diundur,
terlajak kata buruk padahnya.
Peribahasa Melayu

B. Teliti dan fahami akta yang berkaitan dengan undang-undang siber di bawah.

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 (AKTA 588) SEKSYEN 211

Akta ini berkaitan dengan larangan terhadap pemberian kandungan jelik, iaitu tidak boleh memberikan kandungan sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.

Akta ini berkaitan dengan kesalahan penyalahgunaan komputer untuk tujuan melakukan jenayah. Di bawah akta ini, akses secara tidak sah atau mengubah apa-apa program atau data yang terdapat dalam sesebuah komputer adalah salah dan boleh dikenakan hukuman.

AKTA JENAYAH KOMPUTER 1997



Secara berkumpulan, cari dan kumpulkan maklumat tentang akta yang berkaitan dengan jenayah siber di Malaysia. Lengkapkan jadual di bawah. Bentangkan hasil dapatan kumpulan secara kreatif.

Akta yang berkaitan dengan undang-undang siber di Malaysia	Penjelasan tentang akta	Kepentingan mematuhi akta	Perasaan apabila mematuhi akta

Imbas Saya



Akta Jenayah Komputer 1997



INFO

Secara umumnya, semua undang-undang di Malaysia diterima pakai bagi kesalahan yang dilakukan di alam siber.

C. Pernahkah anda melakukan perbuatan yang berikut? Tandakan (✓) pada pernyataan yang berkaitan dengan diri anda dan tandakan (✗) pada pernyataan yang tidak berkaitan.

Bil.	Pernakah Anda	(✓) atau (✗)
1.	Menghantar gambar atau maklumat seseorang di laman web tanpa pengetahuan orang tersebut?	
2.	Menggunakan maklumat dalam Internet untuk memalukan atau mengugut seseorang?	
3.	Menghantar video yang ganas atau menakutkan seseorang walaupun untuk bergurau?	
4.	Menggunakan bahasa yang kasar dalam talian?	
5.	Menghantar gambar, mesej atau video berunsur lucah kepada seseorang?	
6.	Memberikan maklumat palsu tentang seseorang dalam Internet?	
7.	Menggunakan kata laluan orang lain tanpa kebenaran untuk mengganggu dan mengancam seseorang?	
8.	Menghina atau memalukan seseorang berulang kali semasa menggunakan media sosial?	
9.	Mengugut seseorang dengan menggunakan gambar atau video yang boleh memalukannya?	
10.	Memberikan komen kurang baik tentang perbuatan atau aktiviti yang dilakukan oleh seseorang yang anda baca melalui Internet?	

Tahniah jika anda tidak pernah melakukan perbuatan tersebut! Anda telah menggunakan media sosial dengan berhemah.

Sekiranya anda pernah melakukan perbuatan tersebut, fikirkanlah kesannya kepada diri, keluarga dan orang lain.

REFLEKSI

Apakah perasaan anda sekiranya anda menjadi mangsa buli siber?

Bagaimanakah anda dapat membantu menghentikan perbuatan buli siber?



Bincangkan tindakan yang patut dikenakan kepada pembuli siber selain tindakan undang-undang.

Imbas Saya



Buli siber

A. Jalankan aktiviti permainan ‘Stesen Siber’ di bawah.

Cara menjalankan aktiviti.

1. Permainan dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki melantik seorang ketua untuk mendapatkan tugasan di setiap stesen.
3. Setiap kumpulan dikehendaki menyiapkan tugasan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
4. Wisel akan dibunyikan apabila masa yang diberikan telah tamat.
5. Ketua kumpulan menyerahkan hasil kerja kumpulan di stesen tersebut.
6. Ketua kumpulan bergerak ke stesen seterusnya untuk mengambil tugasan baharu.
7. Setiap jawapan di stesen A, B, C, D dan E bernilai dua markah dan jawapan di stesen F bernilai lima markah.
8. Markah yang diperolehi dari setiap stesen akan dijumlahkan untuk menentukan pemenang.
9. Kumpulan yang mendapat jumlah markah tertinggi menjadi pemenang.
10. Tempoh masa untuk tugasan yang diberikan di stesen A hingga stesen E ialah lima minit sementara di stesen F ialah 15 minit.
11. Alat dan bahan seperti kertas, kad manila dan pen penanda disediakan di setiap stesen.



STESEN A

Ahli kumpulan perlu menyenaraikan seberapa banyak contoh etika yang perlu dipatuhi oleh semua pihak semasa menggunakan Internet.

STESEN B

Ahli kumpulan perlu membincangkan kepentingan mematuhi undang-undang siber.

STESEN C

Ahli kumpulan perlu memberikan kesan perbuatan menularkan maklumat yang tidak sah kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

STESEN D

Ahli kumpulan perlu memberikan contoh penyalahgunaan Internet dalam kalangan remaja.

STESEN E

Ahli kumpulan perlu menyenaraikan sikap yang perlu diamalkan untuk menjadi pengguna siber yang berhemah.

STESEN F

Ahli kumpulan perlu mencipta satu slogan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan perlakuan berhemah semasa berkomunikasi dalam alam siber.



Anda mengetahui rakan anda menggunakan media siber untuk menyebarkan berita palsu yang boleh menjatuhkan maruah seseorang. Lakonkan cara anda menasihatinya supaya menggunakan media siber dengan lebih bertanggungjawab.

REFLEKSI

Pernahkah anda melanggar etika atau undang-undang siber semasa berkomunikasi dalam alam siber? Mengapa?



Tempat, masa dan markah permainan di setiap stesen boleh disesuaikan.

B. Secara berkumpulan, hasilkan brosur tentang cara-cara menjaga keselamatan semasa berkomunikasi dalam alam siber berteraskan tiga aspek dalam program ‘Klik dengan Bijak’, iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab. Pamerkan brosur tersebut di Sudut Pendidikan Moral.



KESELAMATAN

Untuk mendidik masyarakat agar menggunakan Internet dengan cara yang selamat.



KEWASPADAAN

Untuk menggalakkan masyarakat supaya berwaspada semasa berinteraksi dalam talian (online).



TANGGUNGJAWAB

Untuk memupuk penggunaan kandungan berangkai secara positif dalam kalangan masyarakat.

Apakah etika penggunaan Internet?

Menggunakan Internet secara positif selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Adakah penting pengetahuan tentang etika penggunaan Internet?

Mestilah penting! Supaya kita tidak menjadi mangsa jenayah siber.



Saya berjanji untuk menggunakan Internet:

- Dengan selamat, berwaspada dan bertanggungjawab.
- Mencari pelbagai informasi terkini dan memperluas pengetahuan.
- Mendapatkan bahan-bahan pembelajaran.
- Berkomunikasi secara berhemah dengan rakan-rakan dan bertukar-tukar pendapat tentang pelbagai topik yang bermanfaat.

Panduan keselamatan menggunakan Internet dengan bijak

- Amalkan penggunaan bahasa yang baik dan tidak menyinggung perasaan orang lain.
- Tidak menyebarkan maklumat tanpa menentusahkan kesahihannya.
- Melindungi kerahsiaan maklumat peribadi seperti alamat rumah, nombor telefon dan lokasi semasa.
- Tidak mudah mempercayai orang yang tidak dikenali melalui laman sosial kerana berkemungkinan mereka ialah penghendap siber.



Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia



INFO

Program Klik dengan Bijak merupakan salah satu inisiatif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mendidik masyarakat tentang penggunaan Internet secara positif. Murid boleh melayari pautan Klik dengan Bijak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan program ini.



Imbas Saya




Klik dengan Bijak

C. Sekolah anda bercadang untuk mengadakan pertandingan membina blog untuk aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah. Secara berkumpulan, pilih satu kelab atau persatuan dan bina blog dengan mematuhi undang-undang siber.

SYARAT PERTANDINGAN:

1. Blog yang dibina hendaklah hasil ciptaan sendiri dan bukannya ditiru daripada laman web atau blog sekolah lain.
2. Blog yang dibina boleh menggunakan sebarang perisian yang sesuai.
3. Bahasa yang digunakan hendaklah betul dan sopan.
4. Kandungannya hendaklah mematuhi undang-undang siber.
5. Pemarkahan dibuat berdasarkan aspek kandungan, kreativiti dan reka bentuk yang memaparkan kelab atau persatuan kokurikulum sekolah.
6. Keputusan hakim adalah muktamad.

Contoh blog



Sumber: SMK Laki-Laki Methodist, Kuala Lumpur

Antara kandungan yang perlu ada dalam blog yang dibina termasuklah:

- Nama persatuan/kelab
- Nama sekolah
- Carta organisasi
- Aktiviti yang dijalankan
- Pencapaian kokurikulum
- Galeri gambar

REFLEKSI

Mengapakah anda perlu mematuhi undang-undang siber semasa membina blog atau laman web?



Paparkan blog tentang aktiviti kokurikulum yang dihasilkan oleh murid dalam laman web sekolah.

A. Secara berkumpulan, pilih sekurang-kurangnya empat contoh perlakuan berhemah semasa menggunakan Internet dan bincangkan sebab perlakuan tersebut perlu diamalkan.

Tidak mengancam, mengugut atau memfitnah.

Tidak menyalurkan bahan haram atau lucah.

Tidak menulis atau menyalurkan bahan yang boleh mencetuskan kekacauan dan ketegangan dalam masyarakat.

Tidak menggodam sistem pengguna individu, kumpulan atau mana-mana organisasi lain.

Tidak membuat salinan secara tidak sah terhadap bahan yang mempunyai hak cipta.

Tidak menularkan aktiviti yang boleh mendatangkan bahaya kepada individu, organisasi atau masyarakat lain.

Tidak terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang.


Tidak memuat turun sebarang perisian atau dokumen tanpa kebenaran pemiliknya.

Bil.	Contoh perlakuan berhemah semasa berkomunikasi dalam alam siber	Sebab perlakuan tersebut perlu diamalkan
1.		
2.		
3.		
4.		

REFLEKSI

Apakan perasaan anda apabila mengamalkan tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam alam siber?

B. Hasilkan poster dengan menggunakan perisian *Microsoft Word* untuk menyeru orang ramai supaya tidak melakukan jenayah siber. Cetak poster tersebut dan pamerkannya di dalam kelas.




Buka *New Document* dalam *Microsoft Word*. Tekan butang *Layout* dan pilih *Orientation*. Tekan butang *Landscape*.

Taip slogan seperti 'Hentikan Jenayah Siber Pemusnah Hidup'. Pilih *Font Type*, *Font Size* dan warna teks yang digemari.



Tekan butang *Insert* dan pilih *Picture*. Pilih gambar yang sesuai.

Tekan butang *Page Layout* dan pilih *Page Color*. Tekan butang *Fill Effect* dan pilih warna latar yang digemari.



REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila semua pihak mematuhi etika dan undang-undang siber dan tidak melakukan jenayah siber? Mengapa?



Contoh slogan lain yang boleh dihasilkan adalah seperti yang berikut:

- Awas, Jenayah Siber!
- Jenayah Siber Salah di Sisi Undang-undang
- Jenayah Siber, Anda Boleh Didakwa

Guru boleh meminta murid menyesuaikan dan mempelbagaikan perisian semasa untuk menghasilkan poster.

- A. Tajuk keratan akhbar di bawah berkaitan dengan penggunaan Internet secara tidak beretika.

Remaja perlu didedah isu jenayah siber

PUTRAJAYA - Kanak-kanak dan remaja perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan mengenai jenayah siber yang semakin berleluasa, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata, golongan berkenaan perlu dididik agar bijak melayari internet bagi memastikan ianya tidak mendatangkan impak negatif terhadap diri mereka, keluarga dan negara.

"Dengan 17.5 juta pengguna internet di negara ini, masalah kejahatan sosial juga banyak berlaku susulan penggunaan internet yang tidak bertanggungjawab.

...tidak memberi impak negatif kepada ...
...katanya ketika berucap ...
...Pandu

Polis bongkar judi internet di kafe siber

Kuala Lumpur: Taktik seorang pemilik kafe siber di Sri Petaling di sini, mengubah suai sebuah bilik khas dalam rumahnya khusus untuk aktiviti perjudian internet sejak beberapa bulan lalu terbongkar selepas diserbu polis, malam kelmarin. Dalam serbuan jam 10.40 malam itu, sepasukan anggota dari Skwad Taktikal Khas Makrisime (STAGG) menyamar sebagai pelanggan kafe siber sebelum menyerbu masuk

bersama beberapa pelanggan tetap judi internet.

Ketua Penolong Pengarah STAGG, Senior Asisten Komisioner Khairi Abrasa, berkata serbuan yang diketuai Deputi Superintendan Hussin Mat Jusus itu menemui 17 pelanggan termasuk tiga wanita berusia 21 hingga 36 tahun, leka membuat pertaruhan perjudian secara online.

"Susulan pemeriksaan, kita merampas 28 unit komputer yang digunakan untuk judi on-

line, sebuah komputer yang mengawal aktiviti perjudian komputer lain, wang tunai RM13,520, empat modem internet dan tiga telefon bimbit.

Tahan pemilik, penjaga

"Selain pemain, kita turut menahan pemilik dan dua lelaki warga asing dipercayai penjaga premis berusia 21 hingga 30 tahun bagi membantu siasatan.

"Mereka didapati berselin-

1. Andaikan rakan anda tidak beretika semasa berkomunikasi dalam alam siber. Apakah nasihat yang sepatutnya anda berikan kepadanya?
2. Sebagai pengguna media sosial, mengapakah anda perlu mematuhi etika dan undang-undang alam siber?
3. Ramalkan kesan penggunaan Internet secara tidak beretika kepada masyarakat.
4. Jelaskan amalan nilai yang patut anda amalkan semasa berkomunikasi dalam alam siber.

- B. Situasi di bawah berkaitan dengan tindakan seorang murid yang melakukan plagiarisme.

Semasa menyiapkan projek yang diberikan oleh guru, Daniel telah menggunakan Internet untuk mencari bahan. Dia telah memplagiat kerja orang lain sebagai kerjanya sendiri. Dia juga telah menyalin dan menampal teks tanpa menyatakan nama pengarang asal dan sumber rujukan.

Pada pendapat anda, wajarkah tindakan Daniel? Huraikan jawapan dengan memberikan alasan untuk menyokong pendirian anda.

KESELAMATAN DI JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya
- persamaan dan perbezaan antara peraturan jalan raya dengan undang-undang jalan raya
- kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya
- langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya
- perasaan apabila mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya
- sikap mengutamakan keselamatan ketika berada di jalan raya



Cadangan Nilai:

- Hormat
- Bertanggungjawab
- Toleransi
- Kasih sayang
- Rasional

Keselamatan di jalan raya menjadi satu perkara yang sukar ditangani walaupun kerajaan telah bertindak secara proaktif dengan memperkenalkan banyak peraturan dan undang-undang jalan raya. Kadar kemalangan jalan raya di negara kita terus meningkat. Hal ini membuktikan bahawa masih terdapat banyak pengguna jalan raya yang tidak memahami beberapa perkara asas tentang ciri-ciri keselamatan jalan raya sebagai panduan yang perlu dipatuhi.

PERBEZAAN ANTARA PERATURAN DENGAN UNDANG-UNDANG JALAN RAYA

Peraturan jalan raya

Amalan keselamatan yang boleh meningkatkan kesedaran keselamatan pengguna ketika berada di jalan raya.

Undang-undang jalan raya

Akta yang mewajibkan suatu perlakuan kepada pengguna semasa berada di jalan raya. Pengguna jalan raya yang tidak mematuhi undang-undang akan dikenakan hukuman.

Yang berikut ialah beberapa contoh peraturan dan undang-undang jalan raya yang patut dipatuhi oleh pengguna jalan raya.

PERATURAN JALAN RAYA

- Pandang kiri, kanan, kemudian kiri sebelum melintas jalan raya.
- Pakai pakaian cerah dan bersinar pada waktu malam.
- Tidak menunggang basikal secara beriringan.
- Elakkan mengekori kenderaan lain secara dekat.
- Lihat cermin sisi dan berikan isyarat sebelum menukar lorong.
- Ikut lorong yang ditetapkan dan tidak memotong lorong dengan sesuka hati.
- Elakkan mencelah di antara kenderaan.
- Berikan keutamaan kepada pejalan kaki dan penunggang motosikal.
- Gunakan jejantas ketika melintas jalan raya.

UNDANG-UNDANG JALAN RAYA

- Mempunyai lesen memandu.
- Patuhi garis panduan keselamatan semasa memotong kenderaan lain.
- Patuhi had laju kenderaan yang ditetapkan.
- Letak kenderaan di tempat letak kereta yang sepatutnya.
- Patuhi lampu isyarat.
- Pakai tali pinggang keledar di dalam kereta dan pakai topi keledar semasa menunggang motosikal.
- Tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu.
- Hentikan kenderaan ketika ada sekatan jalan raya.
- Papar cukai jalan pada kenderaan.
- Tidak memandu di lorong kecemasan.

Peraturan dan undang-undang jalan raya diwujudkan bagi menjamin kepentingan semua pengguna jalan raya. Semua pengguna jalan raya termasuklah anda perlu mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.



INFO

Pesalah jalan raya akan dikenakan mata demerit di bawah Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (Awas). Mata demerit hanya diberikan kepada pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan seperti memandu melebihi had laju, melanggar isyarat lampu merah dan tidak memakai tali pinggang keledar.

Renungan

Sesal dulu pendapatan,
sesal kemudian tidak berguna.

Peribahasa Melayu

Imbas Saya



Jabatan
Pengangkutan Jalan

Untuk memastikan jalan raya selamat digunakan, beberapa pihak berperanan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya.

Peranan Anda

- Melihat kiri, kanan, kemudian kiri sebelum melintas jalan raya.
- Menggunakan jejantas apabila melintas jalan raya.
- Memakai topi keledar dan pakaian berwarna cerah ketika membonceng motosikal.



Peranan Ibu Bapa

- Menjadi contoh pemandu yang baik di jalan raya.
- Mendidik anak-anak tentang peraturan dan undang-undang jalan raya.
- Menggalakkan anak-anak mengambil bahagian dalam kempen keselamatan jalan raya.

Peranan Pihak Sekolah

- Mengadakan ceramah tentang keselamatan jalan raya.
- Mengajarkan peraturan keselamatan jalan raya kepada murid.
- Menubuhkan Kelab Keselamatan Jalan Raya.



Peranan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ)

- Menguatkuasakan dan mentadbir undang-undang jalan raya.
- Mengadakan kempen kesedaran di seluruh negara.
- Bekerjasama dengan pihak sekolah untuk memberikan pendidikan tentang keselamatan jalan raya dalam kurikulum di sekolah.

Peranan Polis Trafik

- Meningkatkan rondaan di semua jalan raya.
- Mengeluarkan saman kepada pengguna yang melanggar undang-undang jalan raya.
- Mengawal lalu lintas.



Kesimpulannya, memahami dan mengamalkan semua peraturan dan undang-undang jalan raya merupakan tanggungjawab bersama. Setiap pengguna jalan raya yang berhemah perlu mengamalkan nilai hormat, bertanggungjawab, toleransi, kasih sayang dan rasional. Oleh itu, kita akan berasa bangga apabila dapat mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya yang telah ditetapkan. Jadilah pengguna jalan raya yang bertanggungjawab.

A. Baca dan fahami keratan brosur di bawah.

PETUA MENJAGA KESELAMATAN DI JALAN RAYA


Objektif: Meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid tentang cara menjaga keselamatan diri semasa berada di jalan raya

1. Ketika menaiki bas.
 - Beratur dan bergerak dalam barisan semasa menaiki bas.
 - Jangan sesekali naik atau turun semasa bas sedang bergerak.
 - Duduk atau berdiri dengan baik semasa berada di dalam bas.
 - Jangan berdiri di atas tangga bas.
2. Ketika bas berhenti.
 - Jangan turun dengan tergesa-gesa.
 - Tunggu sehingga bus berhenti sebelum turun.
 - Biarkan bus bergerak dahulu sebelum melintas jalan.
3. Semasa melintas jalan.
 - Berhenti di bahu jalan.
 - Lihat kiri, kanan, kemudian kiri sebelum melintas.
 - Gunakan jejantas yang disediakan.
 - Ketika melintas di lampu trafik, tunggu sehingga lampu isyarat hijau untuk pejalan kaki menyala.
4. Tip untuk pejalan kaki.
 - Jika berjalan kaki ke sekolah, pastikan berjalan di bahu jalan atau lorong pejalan kaki.
 - Jalan mengikut arah yang bertentangan dengan kenderaan.
 - Tidak bermain di tepi jalan ketika menunggu bus atau kereta.
 - Jangan melintas di hadapan atau di belakang kenderaan yang sedang berhenti.
5. Tip untuk penunggang basikal.
 - Pastikan basikal dalam keadaan baik, khususnya brek, tayar dan lampu sebelum menunggang.
 - Sentiasa menunggang di laluan basikal.
 - Nyalakan lampu keselamatan pada basikal supaya penunggang lain dapat melihat.
 - Jangan menunggang basikal secara beriringan.
 - Pakai kit keselamatan yang lengkap.
 - Tunggang dalam satu barisan.



1. Mengapakah anda perlu mematuhi petua keselamatan seperti dalam brosur di atas?
2. Senaraikan petua lain untuk membantu anda menjaga keselamatan di jalan raya.

B. Baca dan fahami statistik kemalangan jalan raya di bawah. Secara berkumpulan, bincangkan punca-punca peningkatan kemalangan jalan raya dan berikan cadangan cara-cara menangani masalah tersebut dengan menggunakan statistik di bawah.



Sumber: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM Bukit Aman. Bahagian Korporat JPJ, Ibu Pejabat. (2016)

Bentangkan dapatan anda dengan menggunakan jadual di bawah.

Bil.	Punca kemalangan jalan raya	Cadangan mengurangkan kemalangan jalan raya
1.	Mengikuti kenderaan dengan rapat dari belakang.	Tidak memandu secara rapat dengan kenderaan di hadapan.
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

Imbas Saya



Petua Keselamatan Jalan Raya



Ramalkan sekiranya statistik kemalangan jalan raya terus meningkat.

C. Baca dan fahami temu bual dengan seorang remaja yang menjadi mangsa kemalangan akibat aktiviti lumba haram di bawah.

Pemberita: Selamat pagi, Siva. Berapakah umur Siva?

Siva: Selamat pagi. Saya berusia 14 tahun.

Pemberita: Bilakah Siva terlibat dalam kemalangan jalan raya?

Siva: Pada tahun lepas. Ketika itu, saya dan kawan-kawan sedang beraksi menunggang motosikal pada waktu tengah malam. Kami bertembung antara satu sama lain dan tidak dapat mengawal motosikal kami.

Pemberita: Apakah kesan yang dialami?

Siva: Dua orang kawan saya terkorban dalam kemalangan tersebut. Saya pula mengalami kecederaan di muka dan kedua-dua kaki saya patah. Ibu bapa sayalah yang menjaga saya siang dan malam. Kasihan mereka. Saya terpaksa menggunakan kerusi roda sehingga hari ini. Saya sedih dengan kehilangan kawan-kawan saya. Saya juga sangat menyesal dengan perbuatan saya.

Pemberita: Apakah nasihat Siva kepada remaja yang lain?

Siva: Ambillah iktibar daripada peristiwa yang berlaku kepada saya. Sebagai murid, kita perlu mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya demi menjaga keselamatan diri.




1. Andaikan anda Siva, bincangkan nasihat yang boleh diberikan kepada remaja lain supaya mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.
2. Jelaskan perasaan anda apabila mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya. Kongsi jawapan anda dengan kumpulan lain.

Hasilkan satu buku skrap yang mempunyai maklumat yang berikut:

- Statistik kemalangan akibat lumba haram.
- Sebab-sebab berlakunya lumba haram.
- Kesan tidak mematuhi undang-undang jalan raya.
- Amalan yang sewajarnya di atas jalan raya.
- Gambar perlakuan berhemah di jalan raya.

A. Adakan lawatan ke institut latihan memandu yang berdekatan dan dapatkan maklumat seperti yang berikut.



- Peranan institut latihan memandu.
- Kurikulum yang dilaksanakan oleh institut latihan memandu.
- Langkah yang diambil dalam meningkatkan keselamatan jalan raya.



Kelas anda mengadakan lawatan ke sebuah institut latihan memandu yang berdekatan. Jalankan temu ramah dengan seorang pegawai institut latihan memandu. Isi borang maklumat di bawah.

Bil.	Borang Maklumat
1.	Nama pegawai:
2.	Nama institut latihan memandu:
3.	Tugas pegawai institut latihan memandu:
4.	Kurikulum pendidikan yang disampaikan oleh institut latihan memandu:
5.	Syarat-syarat pengambilan lesen memandu:
6.	Langkah institut latihan memandu untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya:
7.	Cadangan melahirkan pemandu berhemah:



Pihak JPJ sering kali mengadakan Operasi Keselamatan Jalan Raya. Namun, masalah pemandu yang tidak berhemah di jalan raya masih menjadi-jadi. Apakah saranan anda untuk mengurangkan masalah ini?

B. Secara berkumpulan, lakukan aktiviti main peranan untuk memberikan kesedaran tentang keselamatan jalan raya berdasarkan situasi di bawah.



1 Sewaktu menunggu bas di sekolah, anda terlihat sekumpulan rakan anda bermain bola di jalan raya.



2 Abang dan adik anda tidak memakai topi keledar ketika menunggang motosikal.



3 Anda mengikut sepupu anda pergi membeli-belah di sebuah pasar raya. Sepupu anda meletakkan kereta di tempat yang tidak sepatutnya.



4 Anda ternampak rakan-rakan anda menunggang basikal secara beriringan sambil berbual.

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila dapat memberikan kesedaran tentang keselamatan di jalan raya kepada anggota keluarga anda? Jelaskan.

C. Baca arahan di bawah dan lakukan aktiviti permainan secara berkumpulan.

PANDUAN PERMAINAN

1. Bentuk kumpulan berempat. Pemain dijalankan mengikut giliran.
2. Lontarkan dua biji dadu (sebiji dadu dengan abjad dan sebiji dadu dengan nombor).
3. Jika dadu menunjukkan A dan 3, jawab soalan pada petak A3.
4. Anda perlu menjawab soalan yang diberikan.
5. Bagi papan isyarat, nyatakan fungsinya.
6. Jika gagal menjawab, anda akan kehilangan satu giliran.
7. Setiap jawapan yang betul akan mendapat dua markah. Petak yang sudah dijawab, tidak boleh digunakan dan dadu perlu dilontar sekali lagi.
8. Individu yang berjaya mengumpul markah tertinggi menjadi pemenang.

A

1
Satu perbezaan antara peraturan dengan undang-undang jalan raya.



B



Satu undang-undang jalan raya.

C

Kepentingan mematuhi undang-undang jalan raya.



D



Maksud lampu isyarat merah.

E

Satu amalan tidak berhemah pengguna jalan raya.










F



Satu contoh peraturan jalan raya.



<p>3</p> <p>Satu sikap mengutamakan keselamatan di jalan raya.</p>	<p>4</p> 	<p>5</p> <p>Cadangan mengurangkan kemalangan jalan raya.</p>	<p>6</p> 
	<p>Kesan tidak mematuhi undang-undang jalan raya.</p>		<p>Keadaan kenderaan yang selamat untuk memandu.</p>
<p>Perlakuan berhemah semasa melintas jalan raya.</p>		<p>Tindakan apabila melihat pembuli jalan raya.</p>	
	<p>Langkah kerajaan dalam memberikan kesedaran tentang keselamatan di jalan raya.</p>		<p>Ciri-ciri pengguna jalan raya yang berhemah.</p>
<p>Nyatakan perasaan apabila mematuhi peraturan jalan raya.</p>		<p>Perlakuan berhemah ketika berbasikal.</p>	
	<p>Langkah keselamatan ketika berada di dalam kereta.</p>		<p>Peranan ibu bapa dalam memberikan kesedaran tentang keselamatan di jalan raya.</p>


REFLEKSI

Apakah kepentingan mengetahui peraturan dan undang-undang jalan raya?



Guru menyediakan dadu. Setiap murid dapat bermain mengikut kesesuaian masa.

A. Secara berkumpulan, kenal pasti pengguna jalan raya yang berhemah dan yang tidak berhemah berdasarkan gambar di bawah.



Senaraikan perlakuan berhemah dan tidak berhemah yang pernah anda lihat serta nyatakan implikasinya kepada pengguna yang lain.

Gambar	Perlakuan berhemah	Perlakuan tidak berhemah	Implikasi
1			
2			
3			
4			

B. Secara berkumpulan, bincangkan peraturan jalan raya dan kepentingan yang perlu dipatuhi ketika berada dalam situasi di bawah dan isi jadual yang disediakan.



KAD SITUASI	PERATURAN	KEPENTINGAN
A		
B		
C		
D		

A. Situasi di bawah menerangkan perlakuan seorang ayah ketika berada di jalan raya.

Pada suatu hari, ayah menghantar saya ke sekolah dan dia terlewat ke tempat kerjanya. Ayah tetap memandu dengan tenang dan mematuhi peraturan dan undang-undang keselamatan jalan raya.

1. Senaraikan tiga kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya yang diamalkan oleh ayah.
2. Andaikan anda ayah, terangkan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kenderaan yang dipandu selamat.
3. Berikan contoh peraturan dan undang-undang keselamatan jalan raya yang perlu dipatuhi.
 - (i) Peraturan jalan raya
 - (ii) Undang-undang jalan raya
4. Jelaskan amalan nilai ketika menggunakan jalan raya.

B. Peta pemikiran di bawah menerangkan faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya. Huraikan peranan pelbagai pihak dalam menangani masalah ini.

FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA KEMALANGAN JALAN RAYA



MENANGANI KONFLIK IDENTITI DIRI ASAS PEMBENTUKAN PERSONALITI

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- definisi konflik identiti diri sebagai remaja
- faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri sebagai remaja
- cara mengatasi konflik identiti diri yang dihadapi oleh golongan remaja
- kepentingan menangani konflik identiti diri
- perasaan apabila berjaya menangani konflik identiti diri sebagai remaja
- penyelesaian konflik identiti diri sebagai remaja mengikut cara yang betul




Cadangan Nilai:

- Rasional
- Harga diri
- Keberanian
- Berdikari
- Kejujuran

Konflik identiti diri bermaksud perselisihan atau pertentangan dalaman individu. Perselisihan ini juga boleh berlaku antara individu dengan individu yang lain dari segi idea, kepentingan, matlamat dan kehendak serta perselisihan dalam mengenali personaliti, keperibadian dan perwatakan.

Konflik identiti diri ini boleh terjadi apabila tiada keseimbangan dalam diri seseorang individu. Yang berikut ialah ciri-ciri individu yang mengalami konflik dan tidak mengalami konflik identiti diri.




Peringkat remaja merupakan fasa yang mencabar bagi seseorang individu. Pada peringkat inilah, mereka mula membuat keputusan yang akan mempengaruhi masa hadapan. Mereka mula membayangkan persahabatan, alam percintaan dan alam pekerjaan. Antara faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri sebagai remaja termasuklah seperti yang di bawah.




Zaman remaja juga merupakan peringkat pembentukan identiti. Ketika inilah, berlakunya proses perkembangan dan perubahan dalam diri seseorang yang meliputi aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan.

Jika tidak dapat mengawal diri, dikhuatiri remaja itu mudah terpengaruh untuk melakukan aktiviti yang tidak sihat dan tidak bermoral. Oleh itu, remaja perlu menerapkan nilai-nilai moral yang positif untuk menangani konflik identiti diri. Ada beberapa cara yang boleh diamalkan untuk mengatasi konflik identiti diri.



Sememangnya, zaman remaja merupakan tahap hidup yang amat penting. Walaupun pelbagai cabaran seperti perubahan diri, perubahan mental, perubahan fizikal, perubahan tingkah laku dan pelbagai bentuk rintangan ditempuh, keupayaan remaja mengatasi cabaran tersebut akan membentuk individu yang berjaya.



Kesimpulannya, konflik yang berlaku pada zaman remaja merupakan satu pengalaman dan penerimaan ilmu baharu sebelum menghadapi zaman dewasa. Jika zaman remaja ditempuh dengan membentuk identiti diri yang positif, mereka akan berjaya menjadi individu yang matang dan boleh menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Oleh itu, remaja perlu menghayati dan mengamalkan nilai murni seperti rasional, berani, berdikari dan jujur dalam membentuk individu yang berketerampilan.


A. Baca dan fahami wawancara murid dengan Pegawai Pusat Pemulihan Akhlak yang berikut.

- Murid:** Seperti yang tuan sedia maklum, konflik identiti diri mungkin dialami oleh remaja tertentu. Golongan remaja manakah yang biasanya menjadi penghuni pusat pemulihan akhlak ini?
- Pegawai:** Kebanyakan remaja yang menjadi penghuni pusat pemulihan akhlak ini terlibat dengan kes-kes juvana, iaitu jenayah seperti menagih dan mengedar dadah, ahli kongsi gelap, merompak dan sebagainya.
- Murid:** Apakah program yang dilaksanakan oleh pusat pemulihan akhlak ini untuk membantu remaja yang terlibat dengan konflik identiti diri?
- Pegawai:** Di pusat pemulihan akhlak ini, kami menerapkan ilmu agama dan nilai-nilai murni. Selain itu, aktiviti kerohanian dan sesi kaunseling turut dijalankan. Tujuannya untuk menguatkan jati diri dan semangat mereka dalam meneruskan kehidupan.
- Murid:** Sebelum mengakhiri wawancara ini, apakah harapan dan nasihat tuan kepada remaja di luar sana bagi mengelak daripada konflik identiti diri ini?
- Pegawai:** Saya berharap agar remaja di luar sana tidak terlibat dengan perkara negatif yang boleh merosakkan diri. Mereka perlulah berusaha untuk mengatasi konflik identiti diri dengan sewajarnya. Rujuklah pihak yang boleh membantu seperti kaunselor dan guru. Jangan sesekali ingkar akan nasihat ibu bapa dan guru.
- Murid:** Semoga perkongsian ini dapat menjadi renungan dan pengajaran kepada remaja. Terima kasih kerana meluangkan masa untuk sesi wawancara ini.
- Pegawai:** Sama-sama.



1. Jelaskan pengajaran yang anda peroleh daripada hasil wawancara di atas.
2. Secara berpasangan, cadangkan cara untuk menangani konflik identiti diri.

B. Secara berkumpulan, bincangkan cara terbaik dan kepentingan cara tersebut dalam menyelesaikan masalah berdasarkan kad situasi di bawah.




KAD 1

James seorang yang pendiam dan suka menyendiri. Dia sukar untuk bergaul kerana berasakan dirinya tidak setanding dengan rakan-rakan lain yang mempunyai kelebihan seperti pandai bersosial.



KAD 2

Mun Heng seorang murid yang sederhana dalam pelajaran. Akan tetapi, ibu bapanya menaruh harapan yang tinggi kepadanya. Mun Heng berasa tertekan dengan keadaan itu.



KAD 3

Arman berasal daripada golongan berada. Sikapnya yang berlagak dan meninggi diri tidak disukai oleh rakan-rakannya. Ibu bapanya sering tiada di rumah kerana sibuk mengurus perniagaan keluarga. Arman berasa sunyi dan mahukan perhatian daripada rakan-rakannya. Akibat tekanan yang dihadapi, kadangkala Arman akan memukul-mukul dinding untuk melepaskan tekanannya.

Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan situasi di atas.

Kad	Cara menyelesaikan masalah	Kepentingan cara menyelesaikan masalah
1		
2		
3		



Bentangkan hasil perbincangan tersebut secara kreatif.

C. Secara berkumpulan, jalankan aktiviti kuiz ‘Jelajah Ilmu’ tentang konflik identiti diri.

CARA-CARA MENJALANKAN KUIZ JELAJAH ILMU

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan berbincang untuk mencari maklumat seperti yang di bawah.
 - Kumpulan 1: Faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri remaja.
 - Kumpulan 2: Cara mengatasi konflik identiti diri remaja.
 - Kumpulan 3: Kepentingan menangani konflik identiti diri remaja.
 - Kumpulan 4: Penyelesaian konflik identiti diri remaja.
3. Bentangkan maklumat tersebut di dalam kelas.
4. Pamerkan hasil perbincangan di dalam kelas.
5. Jalankan kuiz ‘Jelajah Ilmu’ antara kumpulan.

CONTOH SOALAN KUIZ

1. Apakah keburukan sekiranya konflik identiti diri dalam kalangan remaja tidak ditangani?
2. Nyatakan pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus remaja yang terlibat dengan masalah ini.
3. Mengapakah remaja yang terjebak dengan masalah ini perlu dibantu?



Guru membimbing untuk menjanakan idea murid semasa perbincangan.

Renungan

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.

HAMKA

A. Baca dan fahami pernyataan di bawah. Tandakan ‘Ya’ atau ‘Tidak’ pada pernyataan yang menggambarkan diri anda.


Bil.	Pernyataan	Ya	Tidak
1.	Saya mempunyai keinginan supaya orang lain menganggap diri saya hebat.		
2.	Saya berharap agar orang lain menerima keadaan diri saya.		
3.	Saya suka akan sanjungan daripada kawan-kawan untuk mengelakkan diri daripada tertekan.		
4.	Saya selalu memikirkan masalah yang dihadapi.		
5.	Saya sering memendam perasaan agar tidak diketahui oleh orang lain.		
6.	Saya akan berasa kecewa dan stres apabila tidak berupaya mengawal keadaan.		
7.	Saya selalu mengharapkan perhatian dan kasih sayang daripada seseorang.		
8.	Saya suka menyendiri.		
9.	Saya ingin diri saya difahami dan diterima oleh orang lain.		
10.	Saya berasa amat kecewa apabila orang lain tidak menghargai saya.		

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada “Sidek’s Personality Inventory”

Sekiranya anda menandakan ‘Ya’ lebih daripada lima kali bermaksud anda cenderung mengalami konflik identiti diri. Selalulah bersikap positif dalam setiap pemikiran, perasaan dan perlakuan dalam kehidupan seharian.



Berdasarkan senarai soal selidik di atas, pilih satu konflik identiti diri dan bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menangani konflik identiti diri.



B. Persembahkan puisi di bawah secara kreatif.

HIDUP DI USIA REMAJA

Hidup di usia remaja haruslah waspada
dari helah tipu daya dunia
konflik identiti diri yang penuh pancaroba
jangan mudah terpedaya dan tergoda.

Di usia remaja banyak perkara nak dicuba
semuanya indah belaka
kuatkan iman teguhkan jati diri
benteng diri dari konflik identiti.

Duhai remaja cekalkan hati
manfaatkan masa dengan berfaedah
atasi konflik identiti diri dengan bijaksana
kelak dikau menggapai cita-cita.

Godaan dunia jangan terpesona
itu hanyalah mainan belaka
tabahkan hatimu menghadapinya
agar hidup tenang ceria sentiasa.

Awaslah dirimu wahai remaja
konflik identiti diri mainan dunia
cubalah insafi hidup ini
agar masa depan terjamin dan berjaya.

Konflik identiti diri sebagai cabaran
semoga remaja lebih dewasa bertambah matang
wawasan dan cita-cita dapat digapai
kelak sejahtera hidup bahagia.

Nukilan: Mohd Hilmie Mohd Mokhtar



Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui puisi tersebut? Hasilkan satu puisi lain dan persembakkannya secara kreatif.



Hadiah atau cenderamata boleh diberikan kepada pemenang yang mempersembahkan puisi secara kreatif.

C. Secara berkumpulan, cari maklumat di bawah dengan melayari Internet dan rujukan lain tentang konflik identiti diri. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif dan pamerkannya di Sudut Pendidikan Moral di dalam kelas.

1

Penyelesaian konflik identiti diri mengikut cara yang betul.

2

Kepentingan menangani konflik identiti diri.

3

Kesan tidak menangani konflik identiti diri yang dihadapi oleh golongan remaja.

4

Faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri sebagai remaja.



Bagaimanakah pemahaman terhadap konflik identiti diri mampu menghindarkan diri remaja daripada terjebak dengan konflik tersebut?

- A. Secara berkumpulan, hasilkan penanda buku untuk diberikan kepada rakan-rakan di dalam kelas.



Bimbing murid menghasilkan penanda buku yang kreatif. Galakkan murid untuk membawa alatan sendiri. Masukkan contoh peribahasa yang boleh digunakan.

B. Baca dan fahami cerita di bawah.



Wong seorang murid yang pasif dan pendiam apabila berada di rumah. Dia lebih suka menyendiri di dalam bilik daripada bergaul dengan anggota keluarganya.



Wong sudah beberapa kali dinasihati oleh bapanya supaya tidak bersikap demikian.



Namun, Wong tidak suka mendengar nasihat bapanya dan keluar daripada rumah.




Wong lebih suka berseronok bersama-sama rakannya daripada berada di rumah.

Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan cerita di atas.

Kesan daripada perbuatan Wong	Sekiranya anda Wong, apakah tindakan anda?
✍	✍
✍	✍
✍	✍

A. Pernyataan di bawah merujuk kepada remaja lari daripada rumah.



1. Wajarkah tindakan remaja tersebut? Mengapa?
2. Nyatakan sikap yang perlu diamalkan oleh remaja tersebut untuk menangani konflik dengan keluarga.
3. Sekiranya anda berada dalam situasi remaja tersebut, cadangkan cara terbaik untuk menyelesaikannya.
4. Andaikan anda remaja tersebut, jelaskan perasaan anda apabila berjaya menangani konflik tersebut.
5. Bagaimanakah amalan nilai-nilai murni dapat membantu golongan remaja daripada terjebak dengan perkara negatif seperti di atas?

B. Fahami petikan di bawah dan jawab soalan esei yang berikut.

Pada masa ini, terdapat segelintir murid yang bertindak di luar kawalan hingga tergamak mencederakan guru mereka. Hal ini menunjukkan kurangnya penghayatan nilai murni dalam diri murid tersebut.



Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk membantu rakan anda yang menghadapi konflik identiti diri dan terlibat dengan gejala yang dinyatakan dalam petikan di atas?

HAK ASASI MANUSIA DILINDUNGI BERSAMA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- hak wanita, hak pengguna, hak Orang Kurang Upaya (OKU) dan hak pekerja
- kepentingan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja
- langkah yang diambil oleh badan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja
- sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja
- perasaan jika hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja dilindungi
- amalan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja



Cadangan Nilai:

- Hormat
- Kasih sayang
- Keberanian
- Bertanggungjawab
- Kesederhanaan

Golongan wanita, pengguna, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pekerja memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Setiap golongan ini mempunyai hak yang perlu dihormati dan dilindungi.

HAK ASASI

HAK WANITA

- Hak untuk mendapat pendidikan.
- Hak untuk mendapat pekerjaan.
- Hak untuk mendapat peluang kenaikan pangkat.
- Hak untuk mendapat perlindungan.
- Hak untuk bersuara.

Kepentingan Melindungi Hak Wanita

- Mengelakkan wanita daripada dianiaya.
- Memberikan laluan dan memudahkan kaum wanita membangunkan potensi diri.
- Membantu wanita untuk hidup berdikari tanpa bergantung pada orang lain.

HAK PENGGUNA

- Hak untuk mendapat keperluan asas.
- Hak untuk mendapat barangan dan perkhidmatan yang selamat.
- Hak untuk mendapat maklumat.
- Hak untuk membuat pilihan.
- Hak untuk menyuarakan pendapat.

Kepentingan Melindungi Hak Pengguna

- Melindungi pengguna daripada menjadi mangsa eksploitasi pengeluar.
- Melindungi pengguna daripada bahaya yang boleh mengancam keselamatan dan kesihatan.
- Membolehkan pengguna mendapat maklumat yang jelas tentang sesuatu barangan.

Imbas Saya



Hak Asasi

Imbas Saya



Hak Pengguna

MANUSIA

HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

- Hak untuk dihormati.
- Hak untuk menikmati kehidupan yang normal.
- Hak untuk menjalani kehidupan tanpa sebarang diskriminasi.
- Hak untuk mendapat sokongan yang diperlukan untuk berdikari.
- Hak untuk mendapat peluang yang sama.

Kepentingan Melindungi Hak OKU

- Mengelakkan golongan ini terpinggir daripada masyarakat.
- Menaikkan semangat mereka.
- Memberikan peluang untuk mereka menunjukkan bakat tanpa rasa rendah diri.

Imbas Saya



Hak OKU

HAK PEKERJA

- Hak untuk mendapat perlindungan dan keselamatan.
- Hak untuk berpersatuan.
- Hak untuk mendapat rawatan apabila berlaku kemalangan di tempat kerja.
- Hak untuk mendapat upah dan gaji.
- Hak untuk mendapat cuti.

Kepentingan Melindungi Hak Pekerja

- Membolehkan pekerja mendapat gaji dan kemudahan yang setimpal dengan pekerjaan.
- Menggalakkan pekerja untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh.
- Memastikan kebajikan pekerja terpelihara dan terjaga dengan baik.

Imbas Saya



Akta Kerja (Pindaan) 2012

Pelbagai langkah telah diambil oleh badan kerajaan untuk melindungi hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja. Antaranya termasuklah menggubal undang-undang dan menubuhkan jabatan atau kementerian untuk melindungi golongan tersebut.

LANGKAH BADAN KERAJAAN UNTUK MELINDUNGI HAK WANITA, PENGGUNA, OKU DAN PEKERJA

HAK WANITA

- Menggubal Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (1973) untuk memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis yang terlibat dalam kegiatan maksiat.
- Mewujudkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

HAK PENGGUNA

- Menggubal Akta Kawalan Harga 1946 (Pindaan 1973) untuk melindungi pengguna.
- Menubuhkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

HAK OKU

- Menggubal Akta Orang Kurang Upaya 2008 untuk melindungi hak-hak OKU.
- Mewujudkan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Menyediakan pelbagai kemudahan, peluang pendidikan dan kemahiran kepada OKU.

HAK PEKERJA

- Menggubal Akta Kerja 1955 untuk melindungi hak pekerja.
- Mewujudkan Kementerian Sumber Manusia.
- Menetapkan gaji minimum.

Selain badan kerajaan, badan bukan kerajaan turut memberikan sumbangan untuk melindungi hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja.

SUMBANGAN BADAN BUKAN KERAJAAN UNTUK MELINDUNGI HAK WANITA, PENGGUNA, OKU DAN PEKERJA

Imbas Saya



MTUC

KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC)

Membela nasib pekerja dalam isu seperti penyelarasan gaji, pampasan dan pemecatan pekerja tanpa sebab yang munasabah.





PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA (WAO)

Berjuang untuk hak wanita, khususnya kegunaan terhadap wanita.

Imbas Saya



WAO



PERSEKUTUAN ORANG PEKAK MALAYSIA (MFD)

Menyediakan program pembangunan komuniti dan khidmat kaunseling untuk orang pekak.

Imbas Saya



MFD



GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA (FOMCA)

Berusaha memperjuangkan hak pengguna di Malaysia.

Imbas Saya



FOMCA

Kita juga boleh memainkan peranan untuk melindungi hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja dalam menunjukkan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.

PERANAN SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA

- 1 Melaksanakan kewajipan untuk membantu golongan yang memerlukan seperti OKU dan wanita miskin.
- 2 Menghormati hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja.
- 3 Melibatkan diri dalam aktiviti atau program badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk melindungi hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja.
- 4 Membuat aduan sekiranya mengetahui penderaan dan diskriminasi dilakukan terhadap golongan wanita dan OKU.
- 5 Membuat laporan sekiranya ternampak penipuan yang dilakukan oleh peniaga kepada pengguna.

Kita akan berasa gembira apabila hak semua golongan ini dilindungi dan dihormati oleh pelbagai pihak bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih sejahtera. Sehubungan dengan itu, semua pihak hendaklah mengamalkan nilai hormat, kasih sayang, keberanian, bertanggungjawab dan kesederhanaan bagi memastikan semua hak ini dilindungi dan dihormati secara berterusan.

A. Fahami kandungan media sosial di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.



Search Muka Buku



Amanda

15 mins · Melaka

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya. Hidup saya sekarang lebih bahagia. Sebelum ini, saya sentiasa hidup dalam ketakutan dan kesedihan. Suami saya seorang yang panas baran dan mudah marah. Dia sering memukul dan mendera saya. Saya bernasib baik kerana jiran melaporkannya kepada pihak polis.



Qi Scha

28 mins · Kuala Lumpur

Beberapa bulan lalu, saya telah membeli seterika wap berteknologi tinggi secara dalam talian. Apabila menerimanya, saya mendapati bahawa seterika tersebut rosak dan tidak boleh digunakan. Saya telah membuat aduan kepada syarikat tersebut tetapi mereka tidak mahu bertanggungjawab. Lalu, saya membuat laporan kepada Persatuan Pengguna. Akhirnya, saya berjaya mendapatkan seterika wap yang baharu.



Harry Chin

4 hours · Kedah

Saya dilahirkan cacat anggota badan. Namun, keadaan ini tidak mematahkan semangat saya untuk terus belajar sehingga peringkat PhD. Bukan mudah untuk saya sampai ke peringkat ini tanpa bantuan daripada pelbagai pihak. Terima kasih kepada kerajaan yang telah menyediakan kemudahan pendidikan untuk golongan seperti saya. Terima kasih juga kepada universiti yang menaja pengajian saya dan menawarkan pekerjaan kepada saya selepas tamat pengajian.



Khairul

8 hours · Selangor

Saya telah lama bekerja di sebuah syarikat. Beberapa bulan lalu, saya telah dibuang kerja. Saya diberi notis 24 jam tanpa alasan yang munasabah. Saya juga tidak menerima gaji saya. Saya telah membuat aduan kepada Kesatuan Sekerja dan mereka telah membantu menyelesaikan masalah saya.



1. Apakah perasaan anda apabila melihat peranan pelbagai pihak tampil untuk membantu golongan di atas? Berikan sebab.
2. Apakah hak yang diperoleh oleh mereka berdasarkan luahan perasaan tersebut?
3. Sekiranya anda mengetahui perkara tersebut berlaku kepada orang lain, bagaimanakah anda boleh membantu mereka?

B. Secara berkumpulan, pilih satu daripada tajuk berita di bawah. Cari dan kumpul maklumat tentang badan kerajaan atau badan bukan kerajaan yang boleh membantu mereka untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Kemudian, lengkapkan jadual di bawah.

Keganasan terhadap wanita : Mari membanterasnya bersama

(Pengurus Program Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita Puteri Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang)

Tangani keganasan terhadap wanita

KUALA LUMPUR 23 Nov. – Sebanyak 2,528 daripada 3,343 kes keganasan berlaku terhadap wanita dan kanak-kanak dari Januari hingga Ogos 2015, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Paduka Chew Mel Fun berkata.

Datu Paduka Chew Mel Fun berkata, statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu menunjukkan bahawa keganasan terhadap golongan lemah terutama wanita dan kanak-kanak berada pada tahap yang sangat membekalkan.

Menurutnya, itu menjadi satu masalah sosial yang memerlukan perhatian kesannya kepada komuniti, terutama kepada golongan "Kerajaan".

Mereka bimbang ditimpa kesedihan tidak diinginkan kerana laluan itu berlokap dan membahayakan keselamatan mereka selain menyebabkan kesesakan

Hospital Kuala Lumpur (HKL) bersama Pertubuhan Traumatologi dan Perubatan Kecemasan Malaysia (Mastem) hari ini menganjurkan kursus OSCC buat kali ke-23 sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Yang turut hadir, Penarah Jabatan

30 pekerja diarah bercuti tanpa gaji

Minta pengurusan timbang bayaran sugu hati ganti gaji penuh untuk bantu ringan beban pekerja

KUALA KRAI. – Keibugan kira-kira 30 pekerja sebuah pusat raya di sini, yang masih dituntut untuk penyediaan alat berat, didakwa terpaksa ambil cuti tanpa gaji sehingga April ini.

Arban tanpa gaji rami dalam keadaan ini, maka itu tidak dibayar dan adapun tingkat bawah pusat raya tersebut turut dinaiki air ketika banjir akhir tahun lalu.

Wakil pekerja tersebut yang enggan menanya ditunjukkan, kerana itu mereka terpaksa mengambil

EMKCO pun sudah meronda dalam keadaan sekejap, katanya ketika ditemui wartawan.

Wakil pekerja tersebut diminta ketika mengemudikan akan mengenai masalah itu kepada Timbalan Pengurus Perastan Bero Taz, Sutan Generasi Era (PSTIG) Kubatan, Mohd Jusman Husan.

Menarinya, paling teruk terkejut adalah pekerja tersebut banyak termasuk rami di tanggapan air, melibatkan lebih 100 orang di antara pekerja yang diarah cuti tanpa gaji.

Bagi PSTIG, perkara di atas ini tidak melibatkan

an tidak pengalibah kerana masalah tersebut dan mereka juga sudah berunding, katanya yang sudah, 10 tahun bekerja di pusat raya berkenaan.

Sementara itu, Mohd Jusman berkata, pengurusan pusat raya tersebut sepatutnya mempertimbangkan bayaran sangat berbanding cuti tanpa gaji yang dilafazkan mengenai kesihatan pekerja.

Tolau ada bayaran sugu hati, sekurang-kurangnya dapat bertanggungan beban berat harian pekerja tersebut terutama mereka yang jadi

bagi PSTIG, perkara di atas ini tidak melibatkan

Majikan digesa ambil OKU sebagai pekerja

Bukit Mertajam: Majikan negara ini digesa tidak mendiskriminasikan orang kurang upaya (OKU) dalam proses pengambilan pekerja bagi mengisi kekosongan jawatan dalam syarikat masing-masing.

Pengerusi Jawatankuasa Focus Group Pembangunan Modal Insan Bumiputera Pulau Pinang, Shariful Azhar Othman, berkata golongan OKU walaupun kekurangan, tetap produktif dalam melakukan sebarang pekerjaan yang diberikan.

Beliau berkata, banyak OKU kini sudah terlatih dan mampu bersama-sama membangunkan syarikat termasuk melakukan tugas seperti pekerja lain.

Tidak disisih
Selain mengutamakan pekerja tempatan, majikan perniagaan memberi perhatian kepada golongan OKU kerana mereka terbukti produktif dalam melaksanakan kerja yang diberikan.

"Golongan OKU sama seperti individu lain yang mahu merasai alam pekerjaan agar mereka tidak berasa tersisih," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Kerjaya Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Pulau

Jalan berlubang resahkan pengguna

KUALA LUMPUR: Keadaan jalan rosak dan berlubang yang belum dibaiki hingga kini di kawasan berkenaan.

Tinjauan Biji Sentral di kawasan berkenaan mendapati ada banyak lubang besar di jalan berkenaan yang boleh membahayakan keselamatan terutama penunggang motosikal.

Keadaan jalan rosak dan berlubang ini membimbangkan kerana hampir setiap hari saya menggunakan laluan ini"

Mohd Fariz Azhar, Pengguna jalan raya

diপূর্ণনির.

Jalan berlubang di sekitar kawasan itu bukan saja berpunca daripada kenderaan berat yang menggunakan jalan itu, bahkan ia juga dipercayai disebabkan kurangnya pemantauan pihak berkuasa tempatan dan sikap samai lewa kontraktor yang dilantik melakukan kerja baik pulih jalan.

Pengguna jalan raya, Mohd Fariz Azhar, 30 berkata jalan berkenaan semakin rosak selepas ditampal beberapa tahun lalu dan mempunyai banyak




Lumpur tak bertungsi "Rendang jalan rosak"

"Malah, lebih teruk apabila laluan jalan kadangkala tidak berfungsi dan apabila hujan lebat, jalan akan ditenggelami air dan menutup laluan yang ada," katanya.

Mohd Fariz berharap pihak berkenaan segera mengambil langkah bagi mengatasi masalah itu dengan segera.

Seorang lagi pengguna, Nadia Saad, 29, berkata beliau nyaris mengalami kemalangan di situ kerana terlanggar lubang.

"Setiap kali melalui jalan ini, saya pasti bimbangkan keselamatan"

Tajuk Berita	
Usaha yang diambil oleh badan kerajaan untuk membantu mengatasi masalah ini.	
Usaha badan bukan kerajaan untuk membantu golongan ini.	
Keperluan membantu golongan ini.	



Wajarkah peranan melindungi hak asasi manusia diletakkan di bahu kerajaan semata-mata? Jelaskan.

C. Jalankan temu bual dengan anggota keluarga atau jiran tentang keadaan di tempat kerja mereka dengan menggunakan borang di bawah.

Nama: _____ Jantina: _____

Tempat kerja: _____

Tandakan (✓) atau (×) untuk soalan 1 hingga 6. Tulis jawapan untuk soalan 7 hingga 9.

Bil.	Penyataan	(✓) / (×)	Jika (×) nyatakan sebab
1.	Adakah tempat kerja mempunyai kemudahan yang berikut?		
	a. Tandas		
	b. Kantin		
	c. Tempat beribadat		
	d. Tempat berehat		
2.	Adakah anda:		
	a. Dibekalkan peralatan keselamatan dan ditunjukkan cara menggunakannya?		
	b. Dilatih menggunakan peralatan keselamatan dengan betul?		
	c. Diberitahu prosedur menyelamatkan diri semasa kecemasan?		
3.	Adakah kemudahan untuk pekerja OKU disediakan di tempat kerja anda?		
4.	Adakah kebajikan pekerja diambil berat oleh majikan?		
5.	Adakah anda berasa gembira bekerja di tempat ini?		
6.	Adakah majikan anda memberikan kemudahan cuti kepada anda?		
7.	Apakah masalah yang dihadapi oleh pekerja di tempat ini?		
8.	Bagaimanakah majikan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pekerja?		
9.	Cadangan anda untuk meningkatkan kepuasan kerja.		



Berdasarkan hasil temu bual, buat rumusan sama ada majikan tersebut menjaga hak pekerja dengan baik atau tidak.

Renungan

Hormati dan lindungilah hak orang lain sebagaimana hak anda dihormati dan dilindungi.

Robert Ingersoll

A. Secara berkumpulan, sediakan sudut Hak Asasi Manusia di dalam kelas.

Cara menjalankan aktiviti.

1. Aktiviti ini dijalankan dalam empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan dibahagikan mengikut kategori yang berikut.



3. Berdasarkan kategori tersebut, setiap kumpulan dikehendaki mencari dan mengumpulkan bahan tentang perkara yang berikut:
 - Peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.
 - Hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja.
 - Kepentingan melindungi hak golongan tersebut.
 - Peranan masyarakat, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam melindungi golongan tersebut.
 - Keratan akhbar yang berkaitan dengan isu-isu yang melibatkan golongan tersebut.
 - Brosur atau risalah daripada jabatan atau kementerian yang bertanggungjawab menjaga kebajikan golongan tersebut.
 - Bahan lain yang berkaitan.
4. Hiaskan bahan dan maklumat yang dikumpulkan secara kreatif. Pamerkan hasilnya di sudut yang sesuai di dalam kelas.

REFLEKSI

Apakah manfaatnya sudut Hak Asasi Manusia ini kepada anda?



Sudut Hak Asasi Manusia juga boleh diadakan di kantin, foyer atau papan kenyataan yang bersesuaian di kawasan sekolah.


B. Jalankan aktiviti permainan ‘Hak Asasi Manusia’ di bawah.


HAK OKU	
1.	Berikan dua contoh hak OKU.
2.	Berikan sebab pelbagai pihak tampil untuk membantu menjaga kebajikan OKU.
3.	Berikan contoh kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kepada OKU.
4.	Namakan satu badan bukan kerajaan yang menjaga kebajikan OKU.
5.	Nyatakan faktor kejayaan OKU dalam pelbagai bidang.
6.	Anda mendapati anak jiran yang sepatutnya bersekolah tidak dihantar ke sekolah. Apakah tindakan yang sepatutnya anda lakukan?

CARA PERMAINAN

1. Permainan ini boleh dimainkan secara berkumpulan atau berpasangan.
2. Setiap pemain mengambil giliran untuk bermain.
3. Setiap pemain perlu memilih salah satu golongan, sama ada wanita, pengguna, OKU atau pekerja.
4. Pemain melontarkan dadu untuk memilih nombor soalan.
5. Setiap jawapan yang betul mendapat satu markah.
6. Soalan yang telah dijawab dengan betul tidak boleh diulang lagi. Soalan yang dijawab salah boleh dipilih semula.
7. Pemain yang mendapat markah tertinggi menjadi pemenang.

HAK PEKERJA	
1.	Encik Ramasamy telah diminta oleh majikannya untuk bekerja lebih masa tetapi tidak dibayar upah untuk kerja tersebut. Apakah hak pekerja yang patut dituntut daripada majikannya?
2.	Mengapakah hak pekerja perlu dilindungi?
3.	Bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan dalam melindungi hak pekerja?
4.	Nyatakan peranan Kesatuan Sekerja dalam membantu mempertahankan hak pekerja.
5.	Berikan cara kerajaan menghargai jasa dan sumbangan pekerja.
6.	Andaikan anda ialah majikan, apakah yang patut anda lakukan apabila pekerja anda cedera akibat kemalangan di tempat kerja?





HAK WANITA

1.	Puan Irene seorang pekerja yang rajin dan bertanggungjawab. Baru-baru ini, dia telah dinaikkan pangkat oleh majikannya. Nyatakan hak wanita yang diperoleh daripada majikannya.
2.	Nyatakan kepentingan melindungi hak wanita.
3.	Apakah usaha kerajaan untuk melindungi hak wanita?
4.	Bagaimanakah badan bukan kerajaan membantu wanita yang menjadi mangsa dera?
5.	Bilakah sambutan Hari Wanita Sedunia?
6.	Anda mendapat tahu bahawa isteri jiran didera oleh suaminya. Apakah tindakan anda?

HAK PENGGUNA

1.	Nyatakan hak pengguna yang dilindungi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia apabila mendapati beberapa produk kecantikan mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan.
2.	Mengapakah kerajaan perlu melindungi hak pengguna?
3.	Apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk membantu pengguna supaya tidak ditipu oleh pengeluar?
4.	Bagaimanakah Persatuan Pengguna dapat membantu melindungi hak pengguna?
5.	Apakah perkara yang perlu diteliti sebagai pengguna semasa membeli sesuatu barang?
6.	Apakah tindakan yang sepatutnya anda lakukan apabila mendapati pekedai menjual barangan yang telah tamat tempoh penggunaannya?




Guru dikehendaki menyediakan contoh jawapan sebagai panduan kepada ketua kumpulan sebelum mengadakan aktiviti ini.

A. Secara berkumpulan, cari maksud tulisan Braille yang terdapat dalam peta pemikiran di bawah. Kemudian, lengkapkan jadual yang diberikan.



Petunjuk: Tulisan Braille



Hak asasi di Malaysia	Badan kerajaan atau badan bukan kerajaan	Peranan atau sumbangan	Kepentingan
Hak Wanita			
Hak OKU			
Hak Pengguna			
Hak Pekerja			

Renungan

Apabila anda memilih untuk hidup secara aman, anda sudah bersedia untuk menghargai hak orang lain.

Benito Juarez

B. Secara berkumpulan, cipta logo dan slogan yang sesuai untuk menyeru rakyat Malaysia bersama-sama memainkan peranan melindungi hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja.



Kemeja-T

ALATAN DAN BAHAN



Berus



Pemadam



Pensel



Cat minyak

LANGKAH-LANGKAH



Lakarkan logo dan perkataan secara kreatif pada kemeja-T.



Warnakan logo dengan warna pilihan anda.



Warnakan perkataan secara kreatif.



Jemur kemeja-T sehingga kering.

CONTOH PERKATAAN:

Hormatilah Hak OKU
Hormatilah Hak Wanita
Lindungilah Hak Pengguna
Lindungilah Hak Pekerja



Murid boleh mencipta logo dan slogan sendiri untuk ditulis pada kemeja-T. Aktiviti ini juga boleh menerapkan elemen keusahawanan dalam kalangan murid.

- A. Tajuk keratan akhbar dan jadual di bawah menunjukkan kejayaan atlet paralimpik negara yang meraih pingat dalam temasya Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro, Brazil 2016.

Atlet Paralimpik Mampu Cipta Kejayaan Luar Biasa

Ahad, 28 Ogos 2016

Kejayaan Atlet Paralimpik Julang Nama Malaysia

Ahad, 11 September 2016

Acara	Atlet	Keputusan	Pingat
100 m T36	Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi	Juara (12.07 s)	Emas
Lontar Peluru F20	Muhammad Ziyad Zolkefli	Juara (16.84 m)	Emas
Lompat Jauh T20	Abdul Latif Romly	Juara (7.60 m)	Emas
Lompat Jauh T20	Siti Noor Radiah Ismail	Ketiga (5.20 m)	Gangsa

1. Senaraikan pihak yang bertanggungjawab dalam memberikan kemudahan dan membantu mereka mencapai kejayaan tersebut.
2. Apakah penghargaan yang diberikan oleh kerajaan dan pihak lain atas kejayaan mereka menjulang nama Malaysia?
3. Terangkan perasaan anda apabila pelbagai pihak memainkan peranan membantu mereka.
4. Wajarkah pelbagai pihak memainkan peranan untuk melindungi hak golongan tersebut? Huraikan berdasarkan nilai murni yang anda pelajari.

- B. Penyataan di bawah menunjukkan usaha kerajaan melindungi hak asasi manusia.

Kerajaan telah menggubal dan menguatkuasakan pelbagai akta untuk melindungi hak wanita, pengguna, OKU dan pekerja. Selain itu, kerajaan juga mengadakan pelbagai kempen kesedaran untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan melindungi kesemua hak tersebut.



Pada pendapat anda, yang manakah lebih berkesan: Penguatkuasaan Undang-undang atau Kempen Kesedaran? Sediakan hujah untuk menyokong pendirian anda.

SENARAI RUJUKAN

- A. Baer, 1999. *Health, Disease and Survival*. U.S.A: Department of Zoology.
- Abdul Rahman Md. Aroff, 2008. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Abd. Ghafar Md. Din, 2003. *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdullah Zhidi bin Omar/Mahdi bin Shuid, 2014. *Pedagogi dan Pentaksiran Moral*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Amran Kasimin, 1995. *Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbuckle, D.S., 1975. *Counseling and Psychotherapy: An Existential Humanistic View*. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Aziz Deraman, 1994. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia: Suatu Analisis Perkembangan Kebudayaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai.
- Benedict Sandin, 1980. *Iban Adat and Augury*. Penang: Universiti Sains Malaysia Campus Co-operative Bookshop Ltd.
- Bhaktivedantha Swami Prabhupada A.C., 1997. *Bhagavad-Gita as It Is*. Chennai: Bhaktivedanta Book Publications.
- Bull, N. J., 1969. *Moral Education*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Charlene Tan/Kim-Chong Chong, 2007. *Critical Perspectives on Value Education in Asia*. Singapore: Pearson Education South Asia Pte. Ltd.
- Coombs, J.R. 1980. *Attainments of the Morally Educated Person*. Dalam Cochrane, D.B dan Manley Casimir, M. (Eds.). *Development of Moral Reasoning*. New York: Praeger Publishers.
- Damon.V., 1988. *The Moral Child*. New York: The Free Press.
- Durkheim, E., 1961. *Moral Education: A Study in the Theory and Application of the Sociology of Education*. Diterjemahkan oleh Wilson, E.K. dan Schnurer, H. New York: The Free Press.
- Durkheim, E., 1968. *Education and Sociology*. Diterjemahkan oleh Fox, S.D. New York: The Free Press.
- Durkheim, E., 1974. *Sociology and Philosophy*. Diterjemahkan oleh Pocock., New York: The Free Press.
- Esah Sulaiman, 2003. *Modul Pengajaran: Asas Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Habsah binti Mohd Noordin, 2004. *Istiadat Naik Buai*. Ipoh: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Haji Mohtar bin H. Md. Dom, 1977. *Siri Kebudayaan Kita – Kepercayaan dan Pantang-Larang*. Petaling Jaya: Federal Publication Sdn. Bhd.
- Hairunnaja Najmuddin, 2003. *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Publications Sdn. Bhd.
- Institut Tadbiran Awam Negara, 1994. *Citakarya: Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Iskandar Agung, 2010. *Meningkatkan Kreativitas Pembelajaran Bagi Guru*. Jakarta: Bestari Buana Murni.
- Jamaluddin Harun & Zaidatun Tasir, 2007. *Asas Reka Bentuk Laman Web*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Koonce, R., 1998. *Practice Your Own Successful Habits*. Training & Development, 52 (3), 19.
- MacKinnon, B., 1995. *Ethical Theory and Contemporary Issues*. Washington: Wardsworth Publishing Co.
- Malaysia. Jabatan Keselamatan Jalan Raya, 2016. *Statistik Keselamatan Jalan Raya Tahun 2016*. Kuala Lumpur: Jabatan Keselamatan Jalan Raya.
- Malaysia. Jabatan Pengangkutan Jalan, 2015. *Kurikulum Pendidikan Pemandu, Kelas D Automatik*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengangkutan Jalan.
- McPhail, P., 1982. *Social and Moral Education*. Oxford: Basil Blackwell.
- M. Kamal Hassan, 2004. *Kepincangan Nilai dalam Masyarakat Global*. Kolokium Pengukuhan Integriti. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- M. Rajantheran/S. Manimaran, 1994. *Perayaan Orang India*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Othman Mohamed, Rahil Mahyuddin dan Abd Majid Isa, 1995. *Asas Pendidikan IV*. Kuala Lumpur: Longman.
- Richard I. Arends, 1988. *Learning To Teach – Sixth Edition*. New York: McGraw-Hill.
- Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad, 2007. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah, 2007. *Testing and Evaluation in Counselling: Theory and Application*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Singh Sahib Sant Singh Khalsa, MD, 2016. *Sri Guru Granth Sahib. Volume 1. USA*: Hand Made Books.

- S. N. & George, F. L., 2001. *Counterproductive Workplace Behaviours. Genetis, Sosial & General Psychology Monographs*, 123 (3).
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30 Juz), 2013. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- The Holy Bible, English Standard Version, 2016. USA: Crossway Bibles.
- Wang Seng Ann, 1994. *Perayaan Orang Cina*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wang Seng Ann, 1995. *Chinese Customs and Taboos*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2015. *Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2015. *Permainan dan Simulasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat, Sangeetajit Kaur Jag Singh dan Chua Chu Tee, 2014. *Cabaran Remaja Membina Integriti Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wright, D., 1978. *The Psychology of Moral Behaviour*. Harmondsworth: Penguin Books Limited.

Laman Web

- <http://www.infosihat.gov.my/infosihat> (Januari 2017)
- <http://www.facebook.com/PolisSelangor/posts> (Mac 2017)
- <http://www.myhealth.gov.my> (Februari 2017)
- <http://portalbencana.ndcc.gov.my/portal> (Februari 2017)
- <http://www.jpj.gov.my/ms> (Januari 2017)
- http://www.jkjr.gov.my/ms/maklumat_keselamatan/petua-keselamatan-jalan-ray.html (Januari 2017)
- <http://www.wwf.org.my> (Januari 2017)
- <http://www.frim.gov.my> (Februari 2017)
- <http://www.kkmm.gov.my> (Februari 2017)
- <http://www.sprm.gov.my> (Februari 2017)
- <http://forestry.gov.my/portalv1> (Februari 2017)
- <http://www.jkm.gov.my> (Januari 2017)
- <http://www.nasom.org.my/autism> (Januari 2017)
- <http://makna.org.my> (Januari 2017)
- <http://salam.org.my> (Januari 2017)
- <http://www.mac.org.my/v3> (Februari 2017)
- <http://www.mns.my> (Januari 2017)
- <http://www.wildlife.gov.my/index.php/my> (Februari 2017)
- <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/hak-asasi-manusia/495-konvensyen-hak-orang-kurang-upaya-pertubuhan-bangsa-bangsa-bersatu> (Februari 2017)
- <http://www.ohchr.org/EN/UDHR/Pages/Language.aspx?LangID=mli> (Januari 2017)
- <http://www.myhealth.gov.my/cyberbullying> (Mac 2017)
- <http://www.mdtumpat.gov.my/ms/semangat-kejiranan> (Januari 2017)
- <http://www.jpnn.gov.my/ms/komuniti/rukun-tetangga> (Januari 2017)
- <http://smartuser101.wordpress.com/akta-dan-undangundang-jenayah-siber/> (Januari 2017)
- <http://www.forestry.gov.my/index.php/my/> (Mac 2017)
- <http://www.unicef.org/Malaysia> (Mac 2017)
- <http://www.jomria.com> (April 2017)
- <http://www.doe.gov.my> (Mac 2017)
- <http://www.foe-malaysia.org> (Mac 2017)
- <http://ohd.moh.gov> (Januari 2017)
- <http://www.agc.gov.my> (Februari 2017)
- <http://klikdenganbijak.my> (Mei 2017)
- <http://www.nccc.org.my> (April 2017)
- <http://www.wao.org.my> (Mac 2017)
- <http://www.facebook.com/MFDeaf> (Mei 2017)
- <http://www.fomca.org.my> (Februari 2017)
- <http://websites.milonic.com/imi.gov.my> (Februari 2017)
- <http://www.moh.gov.my> (April 2017)
- http://www.academia.edu/25299928/peranan_dan_important_agama_dalam_kehidupan (Mac 2017)
- <http://www.hpj.gov.my> (April 2017)
- <http://www.jpa.gov.my> (Januari 2017)
- <http://www.rmp.gov.my> (Mac 2017)
- <http://www.bomba.gov.my> (Mac 2017)
- <http://www.penerangan.gov.my> (April 2017)
- <http://www.kpkkesihatan.com> (Mac 2017)

INDEKS

- adat resam 2, 6, 10
akta 90, 91, 135, 144, 145, 148, 158, 187, 188, 198
aktiviti negatif 23, 32
alam sekitar 13, 101-108, 111, 112
 flora 114
 fauna 114
amalan 3, 6, 8-10, 13, 15, 16, 38, 58, 66, 80, 83 86,
 99, 107, 114 - 119, 125, 127, 132-134, 137,
 141, 158, 163, 170, 184
autisme 40
azam 29, 49
- badan kerajaan 101-103, 185, 188, 189, 191, 193,
 196
badan bukan kerajaan 101-103, 107, 111, 119, 188,
 189, 191, 193-196
batasan adab 58
bekerjasama 34, 41, 60, 61, 72, 74, 84, 111, 118,
 160
bencana alam 76, 77, 102, 111, 114
berfikiran positif 14, 117, 119, 174
berhemah 14, 47, 61, 90, 94-97, 99, 100, 134, 146,
 149, 151, 152, 154, 160, 163, 164, 166-168
bertanggungjawab 5, 12, 14, 18, 38-42, 77, 79, 84,
 87, 90, 115, 118, 122, 143, 146, 151, 152, 157,
 160, 178, 189, 190, 193, 195, 198
bertoleransi 34, 46, 60, 61
Buddha 2, 6, 9, 14
buli siber 149
- Confucius 2
- denggi 44, 117, 120, 123
- emosi 14, 40, 147
etika 89, 94, 144-147, 151, 152, 155, 156, 173
- gaya hidup sihat 115-120, 124, 125, 128, 174
gelandangan 75
gotong-royong 16, 20, 60, 62, 69, 76, 102, 105,
 108, 109, 119, 120
- hak asasi manusia
 hak OKU 187, 188, 193, 196, 197
 hak pekerja 187, 188, 192, 197
 hak pengguna 185, 186, 188, 189, 193, 195-197
 hak wanita 186, 188, 189, 193, 195-198
- hedonisme 131, 142
hidup berjiran 60, 62, 65, 70, 72
Hindu 2, 3, 6, 8, 14
hospital 44, 63, 88, 97, 130, 136
ikhlas 46, 49
Islam 2, 14
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 90
jenayah siber 145, 146, 148, 152, 155
- kaunselor 176
keselamatan 22-24, 30, 32, 33, 35, 30, 60-64, 67,
 90, 105, 119, 152, 157-165, 167, 170, 186, 187,
 192
kesihatan diri 22-24, 116
konflik identiti diri 172-176, 178-181, 184
Kristian 2, 10, 14
- masyarakat penyayang
 ciri-ciri 84, 86
 kepentingan 74, 81
 bantuan 76-79, 82, 83, 86
 cara memupuk 76, 86
media sosial 27, 66, 144, 147, 149, 156, 190
mematuhi peraturan 23, 33, 132, 133, 137, 159,
 160, 163, 167, 170
menghina 47, 48, 57, 144, 147, 149
menghormati 14-16, 32-34, 46, 47, 57, 60, 61, 66,
 70, 137, 189, 191
mengkhianati 47, 54, 57
menyayangi 32-34, 35, 40, 41, 42, 49
merapatkan 36, 62
- OKU 76, 79, 81, 95, 186-189, 192, 194, 196-198
orang tua 14, 37
- pantang larang 2, 4, 6, 8, 10, 16
PDRM 90, 96, 162
pegangan agama 12-13, 15,
penagih dadah 75, 78, 86
peraturan jalan raya 158, 166, 167, 169, 170
perkhidmatan awam
 agensi 88-92, 94, 95, 97, 99, 100
 kepentingan 89, 91, 94, 100
 menghargai 89
 peranan 88-91, 93-95
perlakuan beradab 46, 51, 56-58, 131, 133, 139

perlakuan tidak beradab 47, 57, 131, 133
persahabatan 46-51, 53-58, 173

remaja 12, 20, 23, 44, 121, 124, 128, 144, 147,
151, 163, 173-176, 178, 180, 181, 184

Sikh 2, 3, 6, 14

SPRM 90, 93

sumber moral 2-5, 7, 10

agama 2-5, 7-9

kepercayaan 2-7, 9

norma masyarakat 2, 4, 7

Rukun Negara 2, 4

tanggungjawab diri 22-26, 29, 30, 33, 34, 39

keluarga 22, 28, 32-35, 38-44

melaksanakan 3, 22-25, 28, 30, 32-35, 37, 39,
41, 42, 44

kesan 24, 26, 26, 28, 32, 39, 40, 44, 60, 104,
118, 125

tanggungjawab kepada keluarga 32

tekun 23

tempat awam 130-135, 137-142

cara beradab 136, 140

kepentingan beradab 133, 136

amalan beradab 132-134, 137, 141

tindakan 12, 15, 23, 24, 26-28, 38-40, 48, 58, 63,

72, 114, 134, 135, 146, 147, 149, 156, 167,
183, 184, 194, 195

tingkah laku 2, 6, 8, 40, 96, 99, 100, 107, 131, 135,
137, 139, 140-142, 154, 175

toleransi 4, 34, 46, 48, 60-62, 76, 84, 160

undang-undang siber 144-146, 148, 151, 153, 155

kepentingan mematuhi 146, 148, 151

kesan 146, 147, 149, 151, 156

undang-undang jalan raya 158-160, 163, 166, 167,
170

Cadangan Jawapan

Imbas Saya



Contoh Jawapan